

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 9

Isnin

22 Mei 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)

(Halaman 28)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Isnin, 22 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya mulakan masa untuk pertanyaan, suka saya bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri. [*Tepuk*] Aluan ini tidaklah semata-mata berdasarkan sentimen, namun ia mengiktiraf satu prinsip di bawah Perlembagaan Negara iaitu walaupun Yang Berhormat Menteri-menteri kebanyakannya bukan daripada Dewan Negara, Yang Berhormat Menteri-menteri mempunyai ruang untuk menegakkan akauntabiliti pemerintah dalam Dewan yang mulia ini.

Pertanyaan-pertanyaan pada hari ini banyak yang spesifik dan baik-baik belaka. Saya bercadang untuk menghabiskan sebanyak mungkin pertanyaan dan mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya apabila mengemukakan pertanyaan-pertanyaan tambahan biarlah tepat dan relevan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Datuk Haji Roslan bin Awang Chik berada di Mongolia - bertugas, bolehkah saya bagi pihak beliau mengemukakan soalan ini kerana Menteri pun hadir untuk menjawabnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar saya putuskan dulu. Selaras dengan pendirian yang saya sebutkan tadi, menggunakan kuasa-kuasa yang agak luar biasa di bawah Peraturan Mesyuarat 90, 91, saya benarkan. Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

1. **Dato' Dr. Chin Fook Weng [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bahawa kontraktor elektrik sukar untuk mendapat dan membeli '*armoured cable*' bawah tanah iaitu PVC/SWA/PVC (CU) atau (AL) pelbagai saiz disebabkan harga naik dengan mendadak sekali melebihi 50% di mana ini memberi kesan kemajuan projek. Apakah caranya pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya barang ini tidak dimonopolikan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya sememangnya sentiasa peka dengan masalah kenaikan mendadak harga kabel bawah tanah iaitu CU atau AL tersebut. Di antara sebab-sebab kenaikan bahan logam tersebut adalah kerana berlakunya spekulasi harga logam di pasaran dunia. Pengeluaran yang tidak mencukupi dari pengilang dan tidak dapat menampung permintaan yang amat tinggi akibat daripada pembangunan industri dunia terutamanya dari negara China.

Buat masa ini tiada sebarang peruntukan di dalam kontrak kerajaan untuk memberikan pertimbangan mengenai kenaikan harga bahan tersebut. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama CIDB sedang dalam proses mengkaji satu formula untuk mengatasi masalah tersebut, iaitu dengan mencadangkan satu peruntukan mengenai perubahan kenaikan harga logam dan kontrak kerajaan. Keputusan muktamad mengenai cadangan tersebut akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, barangan logam seperti kabel bawah tanah ini tidak dimonopoli oleh sesebuah pengilang sahaja. Terdapat beberapa pengilang kabel tempatan yang mana kabel-kabelnya telah diluluskan untuk diguna pakai dalam projek kerajaan oleh JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik, antaranya ialah seperti berikut:

- (i) Mitti Power Cabel Sdn. Bhd.;
- (ii) Universal Cabel (M) Sdn. Bhd.;
- (iii) Olympic Cabel Sdn. Bhd.;
- (iv) United MS Cabels Sdn. Bhd.;
- (v) Utama Cabel Sdn. Bhd.;
- (vi) Tai Sin Electric (M) Sdn. Bhd.; dan
- (vii) Leader Cabel Industry Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Chin Fook Weng, sekali lagi saya benarkan soalan ini tadi kerana kita tidak mahu buang masa Yang Berhormat Menteri Kabinet. Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Ada disebutkan tadi oleh menteri, bahawa kerajaan akan mengkaji kenaikan harga barangan ini dan mungkin ada peruntukan dalam kontrak. Adakah kerajaan juga bercadang apabila ada penurunan harga-harga tertentu bagi bahan-bahan tertentu, juga ada satu fasal dalam kontrak supaya harga kontrak itu mungkin dikurangkan untuk keadilan kedua-dua pihak. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, harga barangan itu bukanlah tetap. Oleh sebab itu kita tidak boleh mengadakan satu tindakan untuk menurunkan bila ia turun, dan menaikkan bila ia naik. Ini akan mengambil banyak masa. Selain dari itu ia akan mengambil satu proses yang lebih jauh daripada apa yang ditetapkan dalam kontrak itu. Apabila harga naik, harga itu akan kita timbangkan melalui CIDB untuk mendapat tahu berapakah peratusan harga telah bertambah dalam masa yang ditetapkan. Dari situ kita akan memutuskan dan mengesyorkan kepada Jemaah Menteri dan Kementerian Kewangan untuk menimbangkannya dahulu. Apabila mereka bersetuju, barulah ini boleh berlaku. Jikalau tidak, saya percaya kita tidak boleh berbuat apa-apa.

2. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Perdana Menteri menyatakan sejak tahun 2004 data kes rasuah yang telah disiasat, didapati bersalah, kes yang melibatkan ahli politik dan kakitangan kerajaan dan bagi kes melibatkan kakitangan kerajaan, sila berikan data mengikut gred saraan kakitangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Lee Sing Chooi yang telah menanya soalan ini, saya harap Senator Puan Siti Zailah belajar dengan dialah, jangan tanya rasuah waktu kita usul takziah ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sejak tahun 2004 sebanyak 2,820 telah disiasat iaitu sebanyak 982 kes disiasat pada tahun 2004 sebanyak 1,441 kes siasat dalam tahun 2005 dan sebanyak 397 kes disiasat dalam tahun 2006.

Sementara jumlah kes-kes yang telah selesai perbicaraan dan didapati bersalah pula adalah seperti berikut. Tahun 2004 ada 53 orang, tahun 2005 - 81 orang, sehingga Mac 2006 - 30 orang. Bagi kes-kes yang melibatkan ahli politik sejak tahun 2004 hanya seorang EXCO kerajaan negeri sahaja yang telah didapati bersalah. Sementara bagi kakitangan kerajaan pula bagi tahun 2004 seramai 25 orang telah didapati bersalah iaitu

lima orang dari kumpulan pengurusan dan profesional dan 20 orang daripada kumpulan sokongan.

Bagi tahun 2005 pula seramai 30 orang kakitangan kerajaan iaitu enam orang dari kumpulan pengurusan dan profesional dan 24 orang dari kumpulan sokongan telah didapati bersalah. Sehingga Mac 2006 seramai tujuh orang kakitangan kerajaan dari kumpulan sokongan telah didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi kemudian Datuk Yaakob kemudian Puan Siti Zailah.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih kepada Menteri untuk memberi jawapan yang baru begitu Menteri. Tuan Yang di-Pertua, dalam siasatan kes-kes rasuah apakah kelemahan-kelemahan .. yang memberi ruang dan peluang kepada kelakuan rasuah dan tindakan kerajaan untuk menangani kelemahan-kelemahan ini dan bagaimanakah kerajaan hendak meyakinkan bahawa usaha-usaha membanteras rasuah itu dititik berat dan dipertingkatkan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi jangka pendek sudah tentulah tindakan-tindakan dakwaan hendaklah diambil di mana sekiranya ada sesiapa yang melakukan rasuah maka tindakan mahkamah perlulah diambil sebagai jangka pendek.

Tetapi, pada jangka panjangnya kita mesti memastikan supaya masyarakat Malaysia itu sendiri akan membenci kepada rasuah dan oleh kerana itulah kita mengadakan apa yang dikatakan Pelan Integrasi Nasional, ini jangka panjang untuk kita memupukkan semangat dan perasaan benci rasuah di kalangan seluruh lapisan rakyat Malaysia bermula daripada di bangku sekolah hinggalah ke peringkat yang tinggi sekalilah ya, sebab itu kita ada PIN dan kita juga ada Institut Integriti Malaysia yang akan mengendalikan program-program jangka panjang kerajaan untuk memupuk perasaan benci kepada rasuah di kalangan masyarakat Malaysia. Kita juga kena ingat itu bahawa rasuah ini berlaku dua orang, seorang memberi seorang menerima.

Jadi, masyarakat Malaysia juga mesti diajar iaitu bahawa kita harus sabar, dalam apa-apa hal sekali pun kita buat kita mesti berbaris kerana apabila kita tidak sabar sebagai contoh kalau kita disuruh pergi ke Pejabat Imigresen, rakyat Malaysia tidak sanggup nak berbaris begitu lama sebab tu dia cari jalan macam mana dia nak cepatkan dia punya apa, proses dia, dia hulur duit. Jadi, masalahnya bukan yang menerima sahaja, masyarakat Malaysia yang menghulur tu juga harus diberikan fahaman tentang integriti jangak buat perkara seperti itu. Jadi sebab itulah saya kira pada jangka

panjangnya sudah tentulah kita mengharapkan iaitu bahawa IIM akan dapat memainkan peranan untuk memastikan supaya masyarakat kita akan dipupuk dengan integriti yang tinggi.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, secara perbandingan apakah pandangan Yang Berhormat Dato' Seri Menteri jika dibandingkan negara-negara rantau ini dan juga bagaimana pula pandangan Yang Berhormat Dato' Seri tentang amalan tahap rasuah pihak swasta. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi Tenggara Asia, Malaysia hanya duduk di bawah Singapura sahaja dari segi perbandingan kadar rasuah. Bagi Asia kita hanya di belakang Jepun, Hong Kong, Singapura dan Taiwan. Tapi, kalau tengok di Tenggara Asia, Singapura bukanlah sebuah negara yang mempunyai penduduk yang ramai, kawasan kecil.

Sebagai sebuah negara yang betul-betul dilihat sebagai sebuah negara saya kira Malaysia yang terbaik di Asia Tenggara, namun kita tidak akan berpuas hati dengan apa pencapaian kita, kita akan sentiasa terus menjalankan usaha-usaha untuk membanteras rasuah di negara kita. Dalam apa keadaan sekali pun dan dalam apa kedudukan sekalipun.

Rasuah di swasta, sebenarnya kita difahamkan ia juga berlaku, cuma yang membimbangkan kita ialah iaitu dia sudah pun dianggap sebagai satu perkara biasa memberi apa orang kata insentif dengan berbagai-bagai orang kata apa cara dan kita bimbang itu sebenarnya pada pandangan kita rasuah di peringkat swasta juga begitu berleluasa namun seperti mana kita semua sedia maklum ACA hanya boleh bertindak kalau sekiranya maklumat diberikan kepada mereka tetapi kalau ini diberikan kita akan mengambil tindakan tanpa bimbang apa-apalah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kita lihat bagaimana pihak-pihak pasukan polis telah mengadakan kempen 'Saya Anti Rasuah'. Jadi, apakah program ini akan dilebarkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang lain untuk menyedarkan semua pihak bagaimana jikknya rasuah ini di kalangan masyarakat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Macam itulah, Puan Siti Zailah saya jawablah, Hari tu tak boleh nak jawab fasal takziah arwah Tun Ghafar kan, susah nak jawab. Tuan Yang di-Pertua, polis adalah merupakan satu agensi kerajaan yang berasingan daripada JPA - Jabatan Perkhidmatan Awam, sudah tentu saya rasa setiap

agensi mempunyai cara mereka masing-masing untuk mengendalikan kempen untuk benci rasuah ini dan saya kira apa yang dilakukan polis itu ialah kerana polis ini dia *frontline*, dia berhadapan dengan rakyat, dia menguatkuasakan undang-undang, maka dialah yang terbanyak sekali terbuka kepada rasuah.

Oleh sebab itu bagi mereka, mereka fikirkan supaya diletakkan satu lencana di sini bukan sahaja untuk memperingatkan diri mereka jangan menerima rasuah tetapi juga untuk beri tahu orang di depan jangan bagi saya rasuah kerana saya sebutkan tadi rasuah ini berlaku dua, yang memberi pun salah yang menerima pun salah. Jadi, saya kira itu perkara yang dilakukan oleh pihak polis bagi menguatkuasakan kebencian terhadap rasuah ini.

Tetapi bagi JPA, sentiasa pihak Ketua Setiausaha Negara menekankan tentang betapa rasuah itu diperingatkan kepada kakitangan bahawa rasuah itu amat berbahaya dan oleh kerana mereka sebahagian besarnya tidak berurusan dengan orang ramai, mungkin itu tidak digunakan lencana itu. Namun saya kira kalau dianya boleh memperbaiki lagi prestasi pegawai-pegawai kerajaan, saya rasa tidak ada salahnya kalau diperkenalkan lencana ini kepada seluruh kakitangan JPA kalau dia dapat membantu membasmi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah berikan sedikit lebih masa dalam perkara soalan ini kerana perkara ini diberi keutamaan oleh kerajaan selaku pemerintah.

3. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah terdapat sebarang kajian dijalankan ke atas tahap kejayaan Akademi-akademi Binaan Malaysia (ABM) untuk mengeluarkan pekerja-pekerja binaan tempatan bagi mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan dan berapa ramaikah bekas pelatih ABM yang telah memasuki sektor pembinaan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pembangunan Sumber Manusia (industri pembinaan) adalah merupakan salah satu daripada program utama yang dilaksanakan oleh CIDB bagi tujuan menambah kapasiti dan kapabiliti sumber manusia industri berkenaan.

Program ini dilaksanakan bukan sahaja untuk meningkatkan pembabitan rakyat tempatan khususnya para belia untuk bekerja di sektor pembinaan bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja binaan asing. Malahan juga untuk meningkatkan mutu kualiti pekerja binaan itu sendiri bagi tujuan berkenaan. CIDB telah

memperkenalkan program latihan kemahiran belia, program latihan kemahiran personel binaan dan program akreditasi kemahiran. Akreditasi yang dijalankan di enam Akademi Binaan Malaysia dan 44 pusat latihan bertauliah CIDB di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31 Disember 2005, seramai 60,472 orang telah dilatih di seluruh negara di mana 33,834 orang atau 56% telah dilatih di bawah Program Latihan Belia dan 26,638 orang atau 44% telah dilatih di bawah Program Latihan Kemahiran Personel Binaan dengan jumlah perbelanjaan kos latihannya RM134.4 juta. Kos ini tidak termasuk dengan kos pembangunan pusat latihan Akademi Binaan Malaysia itu sendiri.

Daripada kajian *feasibility study* adalah didapati secara puratanya 70% daripada golongan belia yang dilatih melalui program latihan kemahiran belia Malaysia ini telah memasuki pasaran kerja sektor pembinaan. Di samping itu juga CIDB turut meng*accredit* kemahiran pekerja binaan tempatan dan asing bagi memastikan tahap kemahiran mereka mencapai tahap yang telah ditetapkan.

Sehingga 31 Disember 2005, seramai 20,388 pekerja binaan tempatan dan asing telah melalui ujian kemahiran yang ditetapkan bagi 70 trip binaan yang mana 19,380 orang atau 95% telah berjaya mencapai tahap kemahiran yang telah ditetapkan oleh CIDB. Ini bermakna dilatih dan di*accredit* oleh CIDB di bawah ketiga-tiga program berkenaan adalah seramai 79,852 orang.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: [*Bangun*]

Tuan Ismail bin Kassim: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Rizuan, kemudian Tuan Ismail Kassim.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, mengapakah di sebalik usaha kerajaan mengeluarkan pekerja binaan tempatan yang mahir, masih lagi kita menggunakan kemahiran pekerja asing. Adakah kerana gaji pekerja asing ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan pekerja tempatan atau tahap kerajinan, ketekunan dan *skill* pekerja tempatan ini masih lagi rendah. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat mengandungi banyak butir-butir yang saya tidak bawa butir-butir itu tetapi saya boleh bagi jawapan melalui tulisan.

Berkenaan dengan berapa banyakkah itu, siapa yang kita bagi latihan, itulah yang ada dalam rekod kita. Tetapi berapa banyak pekerja yang sedia ada, mahu juga yang mengadakan latihan itu terletak dalam tangan Yang Berhormat Menteri Sumber

Manusia. Beliau ada di sini, *very style* punya Menteri. Boleh tanya soalan kepada beliau. Walau bagaimanapun, apabila kita menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerja dengan latihan, kita mengambil latihan khas untuk memberi latihan kepada mereka. Tetapi ada juga permintaan dari mana-mana pihak jabatan kerajaan atau lain-lain, sektor swasta pun kita memberi beberapa latihan seperti apa yang telah saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail Kassim.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, memandangkan ABM juga turut menawarkan kursus tertentu kepada pekerja asing yang mana sijil yang dikeluarkan oleh ABM ini telah diiktiraf oleh negara-negara di Timur Tengah dengan mendapat gaji yang cukup lumayan, adakah caj tertentu dikenakan oleh ABM terhadap pekerja asing.

Soalan tambahan saya yang kedua apakah kejayaan yang dicapai oleh ABM setakat ini hasil daripada kursus jentera berat yang telah diperkenalkan menerusi program 'ABM Masuk Kampung'. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mengadakan beberapa kempen, *road show* dan macam-macam lagi. Budak-budak di kampung, budak-budak di ladang apabila kita pergi sana dia tidak ada sana. Bila kita tidak pergi dia ada di sana. Itulah masalah yang kita hadapi.

Saya telah mengarahkan kepada CIDB kita mesti mengambil perhatian berkenaan dengan banyak belia yang sedia ada masih ada di kampung-kampung dan tidak berminat untuk bekerja, tidak berminat untuk mendapat latihan, pada akhirnya bergantung kepada ibu bapa, mereka boleh menjadi manusia berguna kepada negara ini sudah mengadakan beberapa program. Saya percaya masa akan datang kita boleh juga mengadakan lebih banyak *road show* untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

4. Dato' Rhina Bhar minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk warganegara Malaysia yang bekerja sebagai pengasuh kepada warga Malaysia yang profesional yang tinggal di luar negara untuk pulang bekerja di Malaysia. Dari tarikh implementasi program ini hingga kini berapakah jumlah warganegara yang telah pulang ke Malaysia.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah nombor empat. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon membuat pindaan di atas soalan asal saya yang berbunyi seperti ini:

“Dato’ Rhina Bhar minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk warganegara Malaysia yang profesional yang tinggal di luar negara untuk pulang bekerja di Malaysia. Dari tarikh implementasi program ini hingga kini berapakah jumlah warganegara yang telah pulang ke Malaysia”.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak dipotong ...

Dato’ Rhina Bhar: Potong ...

Tuan Yang di-Pertua: ... sebagai pengasuh.

Dato’ Rhina Bhar: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab perkara ini menyentuh soal notis dan saya tidak maklum sama ada Yang Berhormat Menteri hadir bersedia untuk menjawab pertanyaan seperti disusun semula. Walau bagaimanapun saya yakin terhadap kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, berhemah, berhelah ataupun tidak menjawab langsung.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan jawab soalan yang telah diubah sedikit oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja di luar negara pulang bekerja di Malaysia yang dikendalikan oleh kementerian ini adalah Program Khas untuk warganegara Malaysia yang berkepakaran sahaja supaya mereka pulang daripada luar negara untuk bekerja di Malaysia. Program ini merupakan salah satu langkah bagi mewujudkan tenaga kerja Malaysia bertaraf dunia dengan menggalakkan rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran dan diperlukan supaya pulang ke tanah air.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini sejak berkuat kuasa program ini mulai 1 Januari 2001, sejumlah 904 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut seramai 434 pemohon telah diluluskan. Taburan kelulusan mengikut bidang kepakaran adalah seperti berikut:

Bidang	Bilangan (orang)
Perubatan dan Kesihatan	141
Teknologi Maklumat	101
Perakaunan dan Kewangan	69

Industri	66
Sains dan Teknologi	22
Pendidikan	7
Seni dan Budaya	3
<i>Aerospace</i>	2
Lain-lain	23

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini seramai 280 orang pemohon telah kembali ke Malaysia. Semua pemohon yang diluluskan di bawah Program Khas ini adalah terikat untuk berkhidmat di Malaysia selama 5 tahun. Sehingga kini belum ada lagi maklumat yang menunjukkan mereka telah kembali ke luar negara.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan tentang usaha Kementerian Sumber Manusia terhadap pelantikan atase di negara-negara yang kita mempunyai bilangan pekerja yang melebihi 5,000 orang. Apakah ada usaha ke arah itu seperti yang berlaku kepada MITI, MATRADE dan TDC. Ini penting untuk menjaga kebajikan

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Hujah-hujahnya tidak perlu.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya belum ada cadangan untuk melantik atase di Kedutaan Malaysia di luar negara. Namun demikian kebajikan-kebajikan pekerja-pekerja rakyat Malaysia di luar negara selalu dalam keprihatinan kerajaan Malaysia dan mereka selalunya berhubung dengan Kedutaan Malaysia di luar negara supaya kebajikan mereka diberi perlindungan. Namun demikian cadangan itu adalah satu cadangan yang agak baik dan saya akan terus kemukakan kepada rakan saya dari Jemaah Menteri supaya ia boleh dipertimbangkan.

Dato' Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah walaupun berbagai-bagai insentif diberikan kepada para profesional untuk balik ke Malaysia untuk bekerja di sini tetapi nampaknya hanya 400 orang lebih sahaja yang memberi respons. Jadi soalan saya adakah kerana Malaysia tidak dapat kemudahan-kemudahan yang canggih atau mereka tidak berminat kerana gaji yang rendah berbanding dengan negara-negara lain. Saya minta Menteri jelaskan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Itu satu merupakan soalan yang baik. Kementerian telah

mengkaji tentang insentif-insentif yang diberikan. Sungguhpun kerajaan boleh memberi insentif tetapi satu masalah utama yang kerajaan tidak boleh atasi ialah gaji yang mereka akan terima di negara kita selepas mereka pulang. Oleh kerana gaji mereka di United Kingdom dan Amerika Syarikat adalah tinggi dibandingkan dengan gaji yang mereka akan dapat apabila mereka pulang maka itu boleh dikatakan merupakan satu halangan.

Namun demikian kita dapati bahawa di bidang-bidang di mana sekiranya mereka pulang ada banyak peluang untuk mereka berusaha sebagai seorang peniaga, sebagai satu *entrepreneur* maka nampak mereka akan pulang. Misalannya dalam ICT ini kebanyakan mereka pulang untuk bermula inovasi mereka dan mereka boleh eksport perkhidmatan tersebut ke dunia dan selain dari itu nampaknya banyak pakar perubatan juga pulang kerana di sini kita ada satu bidang perubatan yang luas di mana kita boleh memberi rawatan kepada pesakit-pesakit dari negara lain. Maka itu merupakan satu bidang yang boleh dengan izin, *attract* mereka untuk pulang. Kerajaan akan terus mengkaji bagaimana kita boleh menambah insentif supaya kita boleh menarik lebih ramai pulang ke tanah air.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebab 4 hari yang terakhir saya benarkan saya berikan peluang.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Jadi saya sempat tanya 3 soalan di hari-hari yang akan datang. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan bahawa doktor dari Great Britain yang balik akan dapat kenaikan gaji RM4,000. Adakah tindakan seperti ini akan menjejaskan moral doktor yang sedia ada dalam perkhidmatan kerajaan itu? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat apa yang diumumkan oleh Menteri Kesihatan yang merupakan satu skim di mana kerajaan telah meluluskan kenaikan gaji *specialist* itu bukan sahaja *specialist* dari United Kingdom sahaja tetapi untuk semua *specialist* termasuk mereka yang dapat pengiktirafan dalam negara kita.

5. Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekiar menyatakan cadangan memindahkan kilang kayu yang terletak bersebelahan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda yang menjejaskan kesihatan pegawai-pegawai dan anggota polis dan juga ahli keluarga polis yang tinggal di situ.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan siasatan Jabatan Alam Sekitar didapati kilang kayu tersebut pada kebanyakan masa mematuhi piawaian yang pelepasan yang telah ditetapkan. Beberapa pemerhatian asap hitam telah dijalankan bagi tempoh di antara 1 Mac hingga 31 Mac 2006 dan didapati daripada 53 pemerhatian asap hitam yang dijalankan hanya 5 pemerhatian menunjukkan ketidakpatuhan kepada piawaian dan tindakan kompaun berjumlah RM10 ribu telah dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kilang kayu yang dimaksudkan telah beroperasi di tapak ini semenjak lebih daripada 20 tahun dahulu. Namun demikian didapati keputusan juga dibuat untuk mendirikan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda berhampiran dengan kilang kayu tersebut iaitu kurang 300 meter jaraknya. Ingin saya menyatakan di sini bahawa mengikut Garis Panduan Penempatan Dan Zon Industri Jabatan Alam Sekitar mengesyorkan zon penamparan atau *bumper zone* dengan izin sekurang-kurangnya 500 meter di antara kawasan kediaman dengan industri yang berasaskan kayu. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau kilang kayu tersebut bagi memastikan alat perangkap habuk dan alat pengukur asap berfungsi pada setiap masa. Terima kasih.

6. Tuan Chiu Tiang Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah kita masih bergantung kepada produk-produk farmasi (Pharmaceutical Products) luar negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pergantungan negara kepada pembekal dari luar negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga April 2006 jumlah produk *pharmaceutical products* berdaftar termasuk produk tradisional dengan pihak berkuasa kawalan dadah ialah sebanyak 34,764 jenis produk. Dari jumlah ini dari 10,438 ubat dalam kategori racun terdapat 7,412 ubat atau 67.4% adalah keluaran luar negara.

Daripada 8,200 produk dalam kategori bukan racun pula, sejumlah 4,081 ubat ataupun 49.8% adalah keluaran luar negara. Daripada 15,568 produk tradisional pula, sejumlah 6,461 produk atau 41.5% adalah merupakan produk luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan penghasilan ubat-ubat tempatan bagi mengurangkan

penggantungan kepada pembekal luar negara. Pegawai-pegawai kementerian sentiasa membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada pengilang-pengilang produk *pharmaceutical* dan tradisional tempatan bagi meningkatkan tahap amalan pengilang baik atau *good manufacturing practice* supaya ia setanding dengan pengilang luar negara dalam industri pengilangan ubat-ubatan.

Sebagai ahli *pharmaceutical inspection cooperation scheme*, dengan izin, iaitu satu kerjasama antarabangsa di antara pihak berkuasa negara-negara ahli dalam bidang amalan pengilang baik dan bidang-bidang berkaitan. Kementerian Kesihatan bertindak sebagai pemberi maklumat dan keperluan terkini kepada industri pengilang *pharmaceutical* tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng kemudian Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa produk-produk farmasi yang diimport kerana produk itu baik kerana ini *research base product* dan harganya mahal. Jadi, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa rawatan untuk pesakit yang serius dapat rawatan yang baik dan harga produk-produk yang diimport harganya berpatutan. Jadi,

Tuan Yang di-Pertua: 'Jadi' itu, tidak perlulah. Pertanyaan sudah jelas.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Ada berkaitan sedikit. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, produk-produk yang mahal, *research base product*, yang diimport, selalu dimonopoli oleh agen tempatan kerana harganya yang tinggi. Adakah kerajaan ambil tindakan untuk mengimport barangan terus daripada kilang asal, dari luar negara? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Beberapa tindakan telah diambil oleh kementerian:

- (i) kita telah menggalakkan kilang-kilang tempatan untuk menghasilkan ubat-ubatan tempatan untuk memenuhi keperluan di dalam negara. Pada masa sekarang, kita telah dapat menghasilkan lebih kurang 290 juta ubat-ubatan tempatan untuk memenuhi keperluan di dalam negara di bandingkan dengan ubat-ubatan yang diimport adalah lebih kurang RM219 juta untuk tahun 2005. Ini menunjukkan bahawa kita dapat hasilkan lebih daripada 50% daripada ubat-ubatan yang diperlukan di dalam negara;

- (ii) Kementerian Kesihatan juga sentiasa mengkaji bagaimana kita dapat menghasilkan ubat-ubatan generik, iaitu ubat-ubatan yang telah habis patennya, kita akan gunakan ubat itu juga tetapi kita akan hasilkannya sebagai generik. Dengan menggunakan ubat-ubatan generik, kita dapat mengurangkan kosnya. Misal kata, kalau kita beli Panadol lebih kurang RM2 untuk 10 biji. Tetapi kalau kita dapat gunakan Paracetamol atau ubat-ubatan generik, harganya adalah lebih kurang RM1 atau 80 sen untuk 10 biji. Ini adalah beberapa perkara atau tindakan yang telah diambil oleh kerajaan. Sekian.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu suka saya memaklumkan bahawa Dewan Negara tidak akan mensia-siakan titik berat Yang Berhormat Menteri Pelajaran hadir. Saya akan habiskan soalan sehingga ke 12.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih. Soalan tambahan saya. Dari negara manakah ubat-ubat ini telah diimport ke negara kita dan berapakah syarikat yang terlibat dalam pengimportan ubat ini, dan sejauh manakah usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti ubat-ubat yang digunakan di hospital kerajaan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Pada masa sekarang kementerian mendapatkan ubat melalui *Pharmaniaga Logistic Sdn. Bhd.* Ini adalah syarikat konsesi yang membekalkan ubat-ubatan kepada Kementerian Kesihatan. Berkaitan dengan ubat-ubatan yang kita gunakan di Kementerian Kesihatan, kita boleh katakan semua ubat yang kita gunakan itu adalah di antara yang terbaik. Sekian.

7. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memperbaiki dan memulihkan keadaan infrastruktur termasuk ICT dan mengatasi masalah kesesakan di penjara-penjara dan pusat-pusat tahanan dalam negara kita.

Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Penjara sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai langkah bagi memperbaiki dan memulihkan lagi tahap infrastruktur demi keberkesanan tugas dan keselesaan penghuni serta kakitangan Jabatan Penjara sepanjang tempoh RMK-8 di bawah peruntukan pembangunan Jabatan

Penjara telah membelanjakan sejumlah RM143.6 juta untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti perumahan, sukan, surau, jalan raya, tempat perjumpaan banduan, peralatan serta mesin untuk bengkel latihan pesalah dan sebagainya.

Manakala dalam tempoh yang sama di bawah peruntukan pengurus, Jabatan Penjara telah membelanjakan sejumlah RM9.5 juta untuk menyediakan kemudahan dan peralatan pejabat demi kegunaan dan keselesaan kakitangan. Jabatan Penjara sememangnya menyedari kepentingan ICT di dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan tugas yang telah diamanahkan. Penggunaan ICT secara meluas mula diguna pakai di dalam semua pembinaan di penjara baru iaitu melalui penggunaan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu.

Manakala pada tahun 1994, Jabatan Penjara telah membangunkan sistem ICT bagi menguruskan maklumat bersalah yang dinamakan Sistem Maklumat Penggunaan Pesalah (SMPP). Sistem SMPP mampu memproses data-data berkaitan statistik, pengrekan data peribadi persalah, pengiraan hukuman, rayuan, perbicaraan dan sebagainya. Sistem ini akan terus dikemaskan menerusi pengimplikasian sistem bio matriks, kemudahan *tele-visit* untuk para penghuni penjara meluaskan skop kad pintar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengakui wujudnya masalah kesesakan bantuan yang serius dalam penjara dan pusat-pusat tahanan. Justeru, beberapa langkah telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut:

- (i) pembinaan penjara-penjara baru. Dalam konteks ini 4 buah penjara telah siap dibina dan beroperasi iaitu penjara Kluang, Johor, penjara Tapah, Perak, penjara Pokok Sena, Kedah dan penjara Limbang, Sarawak. Manakala, 9 buah lagi sedang dalam perancangan untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pembinaan penjara baru ini dijangka mampu meningkatkan kapasiti penjara kepada 32,050 banduan berbanding dengan kapasiti 27,550 banduan pada masa sekarang;
- (ii) mewujudkan hukuman alternatif kepada sistem pemenjaraan. Jabatan Penjara telah mengemukakan beberapa cadangan hukuman alternatif kepada hukuman penjara sedia ada. Antaranya ialah pengenalan sistem *parole* serta sistem pemenjaraan tanpa tembok seperti *community service order* atau

perintah khidmat masyarakat. Cadangan ini sedang dihalusi dan dijangka akan dilaksanakan sebaik sahaja mendapat kelulusan Kabinet dan Parlimen;

- (iii) meningkatkan program pemulihan melalui pelan pembangunan insan. Pelan pembangunan insan adalah program pemulihan terkini yang telah dibentuk bagi mewujudkan satu suasana yang *conducive* dan berkesan dalam memulihkan para banduan.

Diharapkan melalui pelan tersebut, penghuni penjara yang telah dibebaskan akan benar-benar insaf, bersikap positif dan produktif serta tidak kembali terlibat di dalam kegiatan jenayah. Sekian, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Berapakah jumlah banduan dari dalam dan luar negara yang ditahan di penjara-penjara dalam negara kita sehingga kini dan tempoh masa yang diperlukan oleh pihak kerajaan bagi mereka dijatuhkan hukuman mengikut jenis jenayah yang disabitkan. Adakah mereka diasingkan ikut jenis jenayah yang disabitkan sama ada jenayah yang dilakukan itu ringan atau berat dan sebelum atau selepas dijatuhkan hukuman? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan agak terkeluar sedikit, saya serahkan kepada Yang Berhormat?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab mana yang boleh. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil kira semua jumlah bilangan penghuni termasuk penjara Sekolah Hendry Gurney, tempat tahanan perlindungan dan pusat pemulihan akhlak dan juga Depot tahanan PATI, jumlah penghuni ialah 41,392 orang pada 7 Mac 2006.

Dalam padanya 27,367 adalah warga Malaysia dan untuk warga asing ialah 14,025 orang. Ini merupakan 33.9% warga asing, satu angka yang agak tinggi.

Tentang berapa lama perlu diambil untuk satu reman, seseorang reman dijatuhkan hukuman, itu bukan bidang kuasa Jabatan Penjara. Itu adalah proses mahkamah dan juga tanggungjawab DPP.

Soalan yang ketiga ialah... Apa itu? Minta diulangi lagi soalan ketiga tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Adakah mereka diasingkan mengikut kesalahan yang dilakukan, ringan atau berat, sebelum atau selepas dijatuhkan hukuman?

Datuk Fu Ah Kiow: Memang ada. Kalau ada yang diasingkan, misalnya kalau mereka telah dijatuhkan hukuman mati, ia adalah dikirakan *high risk* dan juga ada yang diasingkan mengikut umur dan ada yang mempunyai penyakit HIV, mereka akan dikategorikan dan diasingkan masing-masing untuk tujuan kawalan dan keselamatan. Sekian, terima kasih.

8. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah pelaksanaan strategi pembasmian kemiskinan di kalangan penduduk kaum India yang tinggal di ladang-ladang dalam rangka rancangan jangka panjang dan Rancangan Malaysia Ke-8.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan dalam memerangi kemiskinan tanpa mengira kaum dan keturunan merupakan usaha yang berterusan sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan. Banyak kejayaan telah dicapai dalam aspek pembasmian kemiskinan di luar bandar dan di bandar. Ini dapat dilihat daripada perangkaan terkini kadar kemiskinan di luar bandar yang terus berkurangan daripada 14.8% pada tahun 1999 kepada 11.9% pada tahun 2004. Manakala kadar kemiskinan tegar pula berkurangan daripada 3.6% kepada 2.9% dalam tempoh berkenaan. Kadar kemiskinan di kalangan kumpulan etnik India di kawasan luar bandar ialah 5.4%, manakala di bandar ialah 2.4%. Sebahagian besar isi rumah miskin di luar bandar adalah terdiri daripada nelayan, penanam padi, pekebun kecil getah dan pekerja ladang.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penyiasatan pendapatan isi rumah terkini tahun 2004, kadar kemiskinan di kalangan pekerja ladang ialah 16.5% atau 31,300 isi rumah. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,200 atau 4% adalah isi rumah India, 2% atau 600 isi rumah Cina, manakala selebihnya adalah bumiputera iaitu 29,300 atau 94%. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, usaha mengurangkan kemiskinan di kawasan luar bandar, khususnya di kalangan kumpulan sasaran ini ditumpukan kepada meningkatkan produktiviti melalui pembangunan sektor pertanian, khususnya melalui pembangunan sektor pertanian, khususnya melalui kaedah pertanian yang lebih moden serta meningkatkan *access* kumpulan sasaran kepada kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, pendidikan dan sebagainya.

Sebahagian besar daripada inisiatif memajukan golongan pekerja ladang telah dilaksanakan oleh majikan dengan bantuan dan sokongan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat benarkan sekarang untuk kemukakan pertanyaan tambahan sebab dalam pemerhatian saya, yang tanya ialah Senator MIC, yang jawab ialah anggota Kabinet Malaysia dan yang dengar seorang lagi anggota Kabinet Malaysia, Presiden MIC. Mungkin Yang Berhormat hendak dengar pertanyaan tambahan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Okey, Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kalau Tuan Yang di-Pertua bagi izin, saya dengar sahaja. Manakala fokus pembasmian kemiskinan di bandar pula ditumpukan kepada golongan miskin di kawasan-kawasan setinggan, kampung tradisional dan kampung baru tanpa mengira kaum secara bersepadu dan setempat melalui penyediaan perumahan, program penjanaan pendapatan, pendidikan dan latihan. Penempatan semula penduduk setinggan di kawasan bandar ke projek perumahan awam kos rendah dan projek perumahan lain juga telah meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakat miskin di bandar termasuk di kalangan masyarakat India.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam konteks masyarakat India, ya.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya. *[Ketawa]* Tadi Tuan Yang di-Pertua ada...

Tuan Yang di-Pertua: Masyarakat Malaysia keturunan India.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya. Soalan tambahan saya ialah berikutan perpecahan ladang-ladang besar itu, satu bilangan besar kaum India berhijrah ke bandar dan mereka ini duduk di kawasan setinggan. Masalah yang dihadapi oleh mereka ialah mereka itu tidak ada kepakaran dan juga dari segi ilmu pun tidak cukup untuk mereka mencari pencarian yang sah. Jadi khas untuk konteks mereka ini, adakah apa-apa program khas ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masalah kemiskinan di kalangan kaum keturunan India di bandar yang berhijrah dari ladang-ladang ke pekan.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya, ya, ya. Jadi soalan saya ialah adakah program yang khas digubal untuk mereka ini supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Supaya itu tidak perlulah.

Tuan Chiam Yong Tee: Tidak perlu, okey. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut sebentar tadi bahawa dalam usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan, kita tidak mengira kaum. Itu pertama yang penting, tidak mengikut kumpulan-kumpulan etnik. Namun kalau sekiranya ada sesuatu perkara yang berlaku seperti yang disebut

oleh Yang Berhormat sebentar tadi, sudah tentulah kerajaan akan memikirkan bagaimana untuk kita mengatasi masalah ini pada jangka pendeknya dan jangka panjang.

Saya boleh sebut di sini, Yang Berhormat Bos MIC pun ada. Kerajaan ambil tindakan seperti waktu saya menjadi Menteri di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dahulu, saya membenarkan supaya masyarakat India juga untuk hadir bersama dalam program-program MARA yang dilaksanakan seperti program memberi kemahiran di Giat MARA dan juga membuka ruang bagi anak-anak mereka yang berkecukupan untuk masuk ke MRSM dan juga ke IKM. Ini antara program yang dilakukan oleh kerajaan. Tetapi saya percaya banyak lagi yang dilakukan untuk kita menghadapi masalah ini.

9. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan tindakan segera dan serius yang akan diambil bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin daripada kejadian tanah runtuh. Adakah pembinaan jalan tersebut sahaja yang penting dan bukannya aspek keselamatan dalam pembinaan dan penggunaan jalan raya tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah dan sedang mengambil tindakan yang serius dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin daripada kejadian tanah runtuh.

Di antara tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut bagi jalan-jalan sedia ada:

- (i) Jabatan Kerja Raya telah dan sedang menjalankan penyelenggaraan rutin terhadap semua cerun-cerun di seluruh negara;
- (ii) memasang sistem amaran awal di cerun-cerun yang kritikal;
- (iii) mengumpul data-data cerun seluruh negara bagi menentukan tahap risiko mana-mana cerun yang mempunyai tahap risiko yang tinggi, perhatian serius ke atas cerun-cerun tersebut akan diambil;
- (iv) menjalankan penyelenggaraan, pencegahan ke atas cerun-cerun yang difikirkan kurang selamat dan memperbaiki semua sistem pengaliran yang rosak; dan

- (v) menyediakan Pelan Induk Cerun Negara yang meliputi langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan keselamatan cerun di seluruh negara. Di samping memberi kesedaran kepada orang ramai dalam aspek keselamatan cerun.

Bahagian B, bagi jalan-jalan yang akan dibina, Jabatan Kerja Raya akan memastikan satu piawaian reka bentuk yang dikemas kini mengikut piawaian antarabangsa akan diguna pakai dan pengawasan yang rapi akan dijalankan bagi menentukan cerun-cerun yang dibina mengikut piawaian yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah cerun pada masa ini menjadi kritikal kerana pembangunan projek-projek jalan terpaksa dibuat melalui kawasan tanah tinggi disebabkan oleh kekurangan kawasan-kawasan tanah rata lagi. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya runtuh tanah itu adalah takdir Allah. Kita pun semua tahu dan saya bersyukur mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri menyediakan cara-cara untuk menangani masalah yang datangnya daripada *natural cause*, ya. *Slope sensory* akan menjadi satu perkara yang akan dipegang kuat oleh Yang Berhormat Menteri dalam menjalani kerja-kerja jalan dan cerun. Tetapi masalahnya.....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya. Apakah yang akan dilakukan kepada cerun-cerun yang di mana kita mempunyai satu imej ataupun dengan izin, *false sense of safety* sebab ia hanya merupakan curahan simen-simen yang tidak tebal, yang tidak dapat menahan runtuh tanah. Apa yang akan dilakukan oleh kementerian dalam perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kami sedang menjalankan kajian atas cerun-cerun yang sedia ada dan juga satu program pemantauan akan dipasang di kawasan-kawasan yang terbayar. Jemaah Menteri telah diminta beberapa juta ringgit untuk mengadakan alat-alat di seluruh negara dan selepas itu kita akan mengadakan satu pusat untuk mengkaji dan juga untuk mendapat tahu tiap-tiap harinya, kita ada pegawai-pegawai untuk mendapat *early warning system*. Jadi apabila kita mempunyai sistem ini di selesai, saya percaya di seluruh negara kita akan ada juga satu *control* atas cerun-cerun sedia ada. Selain daripada itu, Yang Berhormat telah menyatakan berkenaan dengan *slope censoring*. *Slope censoring* itu sudah masuk dalam program kita untuk melapor balik kepada kita apa yang berlaku di tiap-tiap kawasan di mana kita berfikir bahaya untuk pengguna-pengguna jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Tan Bon You. Saya hendak cuba sampai ke pertanyaan 12 sebab Yang Berhormat Menteri Pelajaran menunggu lama. Silakan Tuan Tan Bon You.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa]*

10. **Tuan Tan Bon You** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sama ada wujud sebarang skuad atau unit khas yang ditubuhkan untuk memantau gerakan pengganas yang mengancam keselamatan negara, dan sejauh manakah Malaysia bebas daripada ancaman tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum menubuhkan sebarang skuad atau unit khas secara khusus untuk memantau gerakan pengganas di negara ini. Namun, sejak negara mencapai kemerdekaan, tanggungjawab untuk memantau sebarang kegiatan militan yang boleh mengancam dan memudaratkan keselamatan negara telah dipikul oleh Cawangan Khas Polis Di-Raja Malaysia. Sejak Disember tahun 2001, pihak cawangan khas telah berjaya mengesan pendekatan aktiviti kumpulan pengganas yang mampu menggugat keselamatan negara. Bagi menangani dan menyekat berlaku sebarang insiden, pihak PDRM telah menggunakan undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang didapati amat berkesan dalam menangani ancaman daripada kumpulan pengganas.

Sehingga ini, ditafsirkan bahawa negara bebas daripada ancaman daripada mana-mana pertubuhan pengganas antarabangsa. Walau bagaimanapun, PDRM sentiasa berusaha dalam meningkatkan jaringan kerja dalam perkongsian maklumat risikan dengan badan-badan risikan antarabangsa bagi memastikan tidak berlakunya sebarang kegiatan yang mampu mengancam dan memudaratkan keselamatan negara.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti yang kita sedia maklum, kes bom letupan palsu yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini dari pusat membeli-belah sehingga ke pejabat menteri. Adakah ini berhubung kait dengan pengganas-pengganas dan sejauh manakah kesannya pihak polis dalam menangani masalah ini? Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kita tidak ada laporan atau apa-apa bukti yang mengatakan bahawa mereka ini terlibat dengan mana-mana pertubuhan pengganas sama ada di dalam negara atau di luar negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

11. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan mengapakah masih ramai artis wanita yang memakai pakaian yang menjolok mata apabila tampil sama ada di pentas sebagai pengacara, penyanyi atau sebagai pemenang sesuatu anugerah. Apakah tidak ada satu garis panduan atau tidak ada penguatkuasaan terhadap cara mereka berpakaian.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, penganjuran persembahan yang melibatkan artis dan penggiat seni tempatan yang diadakan di negara ini dianjurkan sama ada oleh pihak kerajaan atau pihak swasta dan NGO. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan memandang serius kepada isu pakaian artis wanita yang menjolok mata apabila tampil atas pentas sebagai pengacara, penyanyi atau sebagai pemenang anugerah.

Bagi persembahan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan termasuk kementerian, kerajaan boleh mengawal dan mengenakan syarat dan sekatan mengenai cara berpakaian yang sopan, beretika kepada para artis dan penggiat seni. Taklimat dan garis panduan berpakaian sopan dan tidak menjolok mata yang berlandaskan seni budaya ketimuran negara ini sentiasa diberikan kepada setiap artis yang terlibat dalam program dan aktiviti kementerian saya.

Kementerian juga berusaha untuk memberi bimbingan dan latihan kepada para artis dan penggiat seni melalui kursus sahsiah seni yang bertujuan untuk melahirkan artis-artis negara yang mempunyai semangat jati diri Malaysia serta sentiasa sedar dan peka dengan sensitiviti, peradaban, budaya masyarakat tempatan. Manakala, bagi penggambaran filem dan persembahan artis luar negara, kementerian melalui pusat permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara iaitu agensi PUSPAL ada menyediakan garis panduan mengenainya yang boleh juga diguna pakai sewajarnya oleh pihak penganjur yang lain. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Puan Hajah Samsiah binti Samsudin. Selepas itu saya akan beralih kepada pertanyaan nombor 12 sebab apa guna Menteri hadir kalau Dewan Negara tidak mahu beri peluang Menteri jawab.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kami sudah bosan dengan jawapan-jawapan yang seperti ini. Cuma kami

hendak tahu bilakah sindrom menjolok mata ini dapat dihapuskan sama sekali. Itu sahaja.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat begitu serius dan saya nampak isu ini, pakaian yang menjolok mata adalah satu isu yang hangat di Dewan yang mulia ini. Maka, kita harap-harapkanlah dengan masa yang singkat ini, iaitu kita menghapuskan pakaian yang menjolok mata. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kursus sahsiah seni ini, kita amat menekankan sebab dalam kursus ini kita ada 12 modul termasuk aspek sedar budaya, seni perlakuan, tatasusila, etika berpakaian, keyakinan diri, imej, keterampilan diri di pentas dan akhirnya yang paling popular ialah seni dalam Islam. Maka dengan ini, kita haraplah isu-isu ini akan diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Kita beralih pula kepada perkara yang sama penting dengan pakaian iaitu pelajaran, yang melibatkan anak-anak kita semua.

12. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah-sekolah swasta dari luar negara beroperasi di Malaysia dan sejauh manakah pencapaian akademik sekolah-sekolah swasta ini serta apakah sumbangan industri ini kepada pertumbuhan ekonomi dan pendidikan negara.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua memanjangkan masa untuk saya menjawab soalan ini. Bilangan sekolah antarabangsa dan sekolah *expatriate* yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran yang dibenarkan beroperasi adalah berjumlah 46 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah adalah sekolah antarabangsa dan 14 buah pula *expatriate*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah-sekolah antarabangsa menjalankan kokurikulum negara luar seperti British, Australia dan Amerika. Manakala sekolah-sekolah *expatriate* menjalankan kokurikulum negara asal seperti Jepun, Jerman dan India. Sekolah-sekolah ini menyediakan pendidikan untuk membolehkan pelajar menyambung pengajian di peringkat lepasan menengah khususnya di luar negara. Oleh kerana sekolah-sekolah tersebut melaksanakan kokurikulum sendiri, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak menyimpan sebarang rekod pencapaian akademik dan kokurikulum sekolah-sekolah jenis ini.

Kewujudan institusi pendidikan swasta ini telah menyumbang kepada pertumbuhan dalam sektor negara. Ini dapat dilihat dengan pertumbuhan KDNK yang positif terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan memberi impak baik dalam

imbangan pembayaran negara melalui pembayaran cukai korporat oleh pengusaha-pengusaha institusi pendidikan swasta ini dan melalui kadar pertukaran asing yang meningkat dari tahun ke tahun. Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran negara dapat dikurangkan dengan wujudnya peluang-peluang pekerjaan seperti pihak pengurusan, tenaga pengajar dan pekerja di institusi pendidikan swasta seperti ini. Data Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Swasta mendapati seramai 1,338 tenaga kerja di sekolah antarabangsa dan hanya 249 orang tenaga kerja di sekolah *expatriate* di seluruh negara.

Pada masa yang sama, industri pendidikan swasta ini menyediakan infrastruktur yang menarik dan menjadi pilihan alternatif kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka dan menarik pelajar-pelajar dari luar negara untuk datang belajar di Malaysia. Insya-Allah berdasarkan keupayaan ini, maka hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Sharifah Azizah, kemudian Dr. Mohd. Puad, kemudian Datuk Rizuan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa peratuskah pelajar tempatan yang belajar di sekolah swasta ini? Adakah terdapat kes-kes penipuan ataupun salah guna lesen? Sejauh manakah pemantauan yang dibuat oleh kementerian bagi memastikan sekolah-sekolah ini ditadbir dan diajar secara betul dan tidak lari daripada garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian? Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh kementerian untuk menubuhkan sekolah berkenaan? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar warganegara yang belajar di sekolah-sekolah antarabangsa, jumlahnya 2,608. Kalau hendak dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pelajar di sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah bantuan kerajaan iaitu 5 juta, 199,767 bermakna peratusannya 0.05%.

Berhubung kait dengan kawalan pula, baru-baru ini pada 10hb Mei, Kabinet telah pun meluluskan memorandum mengenai perubahan dasar sekolah antarabangsa ke arah menjadikan sekolah antarabangsa di Malaysia ini lebih berdaya saing di rantau Asia dan ada tiga pendekatan yang kita hendak laksanakan. Satu daripadanya ialah untuk melaksanakan kawalan ke atas penubuhan sekolah-sekolah antarabangsa dan juga pemantauan pelajar-pelajar yang berada di sekolah-sekolah berkenaan. Ini sedang kita bincangkan dengan pihak Peguam Negara dan insya-Allah dalam masa terdekat saya akan umumkan pindaan-pindaan yang akan dilaksanakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah kerajaan telah membuat pengumuman untuk memberikan insentif kepada sekolah antarabangsa ini. Saya ingin tahu apakah insentif-insentif tersebut sebenarnya?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Insentif-insentif berkenaan termasuklah potongan cukai berganda. Ianya juga merangkumi pengecualian cukai korporat dan juga memberikan insentif DDI di atas jumlah kos yang digunakan bagi menaik taraf kemudahan fizikal yang sedia ada. Syarat-syarat yang kita letakkan dan ini masih lagi dalam perbincangan dengan Kementerian Kewangan ialah akan tertumpu kepada sekolah-sekolah antarabangsa yang menarik pelajar-pelajar asing yang datang ke sini. Hubungan mereka dengan sekolah-sekolah antarabangsa ternama di rantau ini. Dan ketiganya tumpuan mungkin akan difokuskan juga kepada sekolah-sekolah antarabangsa yang mempunyai kemahiran atau mendidik anak-anak istimewa kita melalui pendidikan khas.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah pemimpin-pemimpin politik terutama penyokong kerajaan masih menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah swasta terutama sekolah antarabangsa kerana hendak menghantar anaknya belajar ke luar negeri kemudian. Manakah semangat patriotik yang mereka laung-laungkan? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Keputusan untuk menghantar anak-anak kita ke sekolah banyak berkisar kepada pertimbangan peribadi. Dan ramai yang membuat keputusan ini yang akan membuat keputusan berdasarkan pengalaman dan juga situasi masing-masing. Sebab itu kerajaan tidak pernah menyekat mana-mana pihak yang ingin menghantar anak-anak mereka ke mana-mana aliran. Walaupun usaha kita adalah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Tetapi pada masa yang sama kita telah menyatakan bahawa kita tidak akan menghalang, menyekat malah akan kita pertahankan aliran-aliran yang pelbagai supaya ibu bapa mempunyai pilihan untuk menghantar anak mereka kepada mana-mana sekolah yang mereka suka.

Tetapi memorandum yang saya telah pun bantangkan kepada Jemaah Menteri dan telah mendapat keputusan, ada beberapa objektif yang telah dilaksanakan untuk sekolah-sekolah antarabangsa iaitu pertamanya seperti saya sebut tadi ialah:

- (i) untuk menarik minat warga asing untuk mendapatkan pendidikan di Malaysia;
- (ii) untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia;

- (iii) mengurangkan aliran keluar mata wang; dan
- (iv) mengelakkan *brain drain* atau pengaliran keluar modal insan di sekolah-sekolah antarabangsa di luar.

Dan insya-Allah kalau kita dapat memperkukuhkan sekolah-sekolah swasta dan sekolah-sekolah antarabangsa di Malaysia ini maka kita dapat pastikan keempat-empat objektif ini akan dapat dilaksanakan. Maka dengan pilihan mereka, walaupun dibuat secara peribadi tetapi sekurang-kurangnya aliran wang ringgit dan aliran modal insan tidak akan berlaku bila mereka tetap di sekolah-sekolah tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sayang Peraturan Mesyuarat mengizinkan saya membenarkan hanya tiga pertanyaan tambahan. Kalau tidak saya benarkan Dato' Rashid dan Tuan Lee Sing Chooi.

13. Tuan Chua Kim Chuan minta Menteri Kesihatan menyatakan jenis aduan yang paling banyak diterima oleh hospital, poliklinik dan klinik kerajaan. Nyatakan hospital besar yang paling banyak menerima aduan daripada orang ramai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, pemantauan aduan oleh Unit Perhubungan Awam, Kementerian Kesihatan adalah melibatkan aduan-aduan yang diterima melalui Biro Pengaduan Awam atau BPA (surat, telefon dan akhbar).

Pada tahun 2005, Kementerian Kesihatan telah menerima sejumlah 402 aduan. Daripada jumlah tersebut 255 aduan ditujukan kepada hospital-hospital, manakala sebanyak 44 aduan diterima yang menyentuh poliklinik komuniti atau klinik kesihatan kerajaan. Jumlah selebihnya iaitu 103 aduan diterima oleh ibu pejabat Kementerian dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, hospital yang paling banyak menerima aduan daripada orang ramai ialah Hospital Pulau Pinang. Laporan menunjukkan bahawa Hospital Pulau Pinang telah mencatatkan sebanyak 30 aduan daripada jumlah keseluruhan dan diikuti dengan Hospital Kuala Lumpur sebanyak 27 aduan dan 15 aduan bagi Hospital Sultanah Aminah, Johor. Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan telah diambil untuk memperbaiki masalah itu? Dan setakat manakah tindakan itu mendatangkan kesan?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Apabila kita mendapat aduan ini, tindakan susulan akan diambil atau siasatan selanjutnya akan diambil dan kita

akan menerangkan kepada pengadu supaya berkaitan dengan perkara itu dan kita harap kita dapat mengatasi aduan-aduan yang kita terima itu. Selain daripada itu kita juga akan melihat kalau berkaitan dengan kaedah pekerjaan kita, bermakna kita akan ambil perhatian berkaitan dengan aduan itu dan kita akan membuat penukaran kerjaya kita supaya kita boleh menambah baik kerjaya kita. Sekian.

14. Datuk Dr. Jins Shamsudin minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula cukai pendapatan kepada Seniman dan Karyawan seni yang pendapatannya tidak menentu.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan 14 seperti yang dicadangkan. Sebenarnya kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk mengkaji semula cukai pendapatan kepada seniman dan karyawan seni walaupun pendapatan mereka dikatakan tidak menentu.

Kerana soalan pendapatan tidak menentu mungkin tidak penting, kalau pun ia tidak menentu, kalau ianya banyak, jumlahnya banyak, ia masih perlu dicukai. Jadi begitu juga kalau pendapatan itu menentu tetapi jumlahnya tidak banyak, maka ia tidak perlu dicukai. Jadi dalam perkiraan kita, sekiranya seseorang individu yang bekerja mendapat pendapatan kurang daripada RM2,400 sebulan, sebenarnya individu tersebut tidak perlu bayar cukai. Bahkan kalau individu yang sudah berkahwin tetapi tidak mempunyai anak dan isterinya tidak bekerja dan mempunyai pendapatan kurang daripada RM3,390 sebulan, individu-individu ini juga tidak perlu membayar cukai.

Jadi kalau karyawan dan seniman yang tidak mempunyai pendapatan melebihi secara puratanya RM2,400 bagi yang bujang ataupun RM3,390 bagi yang sudah berkahwin sebulan, maka mereka tidak perlu bimbang membayar cukai. Jadi ini sebabnya kita merasakan bahawa pelepasan yang diberi kepada individu-individu yang mempunyai pendapatan yang tidak tinggi sudah mencukupi dan tidak ada hasrat kerajaan buat masa ini untuk mengecualikan kumpulan-kumpulan tertentu daripada pembayaran cukai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Jins Shamsudin.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan mempunyai peruntukan undang-undang atau peraturan untuk mengagihkan cukai pendapatan para seniman, para artis dan karyawan seni dalam masa tiga tahun?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Pertamanya saya kurang jelas mengapakah peruntukan cukai ini perlu diagihkan kepada kumpulan seni dan mengapa tiga tahun yang disebut? Saya kurang faham dengan soalan yang dikemukakan.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya beri penjelasan. Katakanlah sebagai contoh, seseorang seniman dan seniwati itu mendapat pendapatan tahun pertama sekian, tahun kedua tidak ada, tahun ketiga tidak ada. Jadi diagihkan tiga tahun cukai pendapatannya dibagi dalam masa tiga tahun. Jadi mereka bolehlah terus menikmati *income* pada tahun pertama, *income* tahun kedua tidak ada, jadi *income* pertama yang tidak dikenakan cukai itu dapat diagihkan dalam masa tiga tahun. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini tidak ada perancangan untuk kerajaan memberi kelonggaran untuk mengagihkan pendapatan sedemikian kerana kalau kelonggaran ini diberi pada satu-satu kumpulan, saya bimbang kumpulan-kumpulan lain juga akan meminta dan tidak ada asas mengapakah ianya perlu dikhususkan kepada satu-satu kumpulan sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, masa cukup.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara

yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangun negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[18 Mei 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung ucapan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

11.23 pagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua,

*“Negeri Sembilan memang terkenal,
Pengamal masyhur tradisi masyarakat,
Rancangan Malaysia Ke-9 Misi Nasional,
Mengangkat martabat membela rakyat.”*

*“Ikan sembilang si ikan kelah,
Sudah terkenal seluruh benua,
Awat jangan terkena sengat,
Rancangan Malaysia Ke-9 menjelang sudah,
Misi Nasional milik semua,
Tentukan pelaksanaan mencapai matlamat.”*

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa Misi Nasional ini adalah milik semua tetapi persoalannya ialah bagaimanakah RMK-9 ini yang dijadikan sebagai Misi Nasional ini dapat didukung, dihayati dan diamalkan sebagai Misi Nasional oleh semua pihak. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya semua kementerian, agensi kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan, pejabat Menteri Besar, universiti, parti politik, sekolah, supaya dapat memahami Misi Nasional ini kepada anggotanya supaya dapat dihayati seperti mana kita pernah menghayati Rancangan Malaysia Kedua, Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat baru. Ini penting sebenarnya. Sebab itulah saya merasakan bahawa Kementerian Penerangan mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar di dalam memahami masyarakat tentang Misi Nasional ini. Kementerian Penerangan mestilah menukar pendekatannya kepada pendekatan yang lebih prerogatif, kritikal tetapi konstruktif supaya ia diminati oleh orang ramai.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, melihat akhir-akhir ini ada beberapa rancangan di RTM yang sudah menarik minat orang ramai seperti *talk show*nya, Bersama Menteri, Debat Perdana dan sebab itulah Forum Perdana Ehwat Islam itu hingga ke hari ini sentiasa diminati ramai kerana pendekatannya. Dan sebab itulah orang lebih suka menonton Warta Berita TV3 berbanding dengan RTM, sebab TV3 ini, berita dia disampaikan dalam bentuk yang analitikal, 'prerogatif', kritikal tetapi konstruktif. Kemudian ada *follow up*, ada tindakan. Inilah *delivery system*. Sebab itu apabila dibangkitkan bahawa pembaca berita ini, *appearance* nya dengan izin mesti menarik, saya rasa itu bukan soalnya. Karam Singh Walia itu bukanlah *handsome* sangat tetapi penyampainya itu menarik perhatian, membawa kesan dan inilah yang dihayati sebenarnya. Saya harap Kementerian Penerangan dapat mengambil kira pendekatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini dan saya ingin ulangi meminta supaya Kementerian Penerangan, rancangan 'Parlimen Hari Ini' kalau minggu lepas diminta supaya diawalkan kepada pukul sepuluh, sekarang ini kita minta awalkan pada pukul sembilan pula.

Bukan Ahli-ahli Yang Berhormat ini hendak tengok tetapi orang ramai yang hendak tengok. Bukan masalah Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli Parlimen tetapi orang ramai sudah meminati rancangan 'Parlimen Hari Ini' kerana dia membuka minda mereka melihat apa yang diperbahaskan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap dengan begitu bersemangat kerana Timbalan Menteri Penerangan hadir ke?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Benar. Tuan Yang di-Pertua, dalam persoalan ini, saya amat berterima kasih kepada media sebenarnya kerana banyak membantu iaitu menyiarkan apa yang diperbahaskan dalam Dewan Negara ini sehingga ada juga yang bertanya apakah Dewan Negara ini sekarang ini banyak berbincang soal kahwin sahaja sebab banyak yang tersiar itu soal perkahwinan. Tetapi saya beritahu mereka sebenarnya kita juga berbincang dengan isu-isu lain yang lebih besar. Soal negara dan sebagainya. Dan saya beritahu Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam bab perkahwinan ini pun penting sebab ini soal pembangunan keluarga, pembangunan modal insan yang tidak boleh diketepikan. Apa gunanya pembangunan negara yang begitu pesat, yang begitu hebat jika sekiranya rumah tangga kita porak-peranda, anak kita menghisap dadah dan berbagai-bagai lagi masalah yang timbul daripada soal pembinaan keluarga yang tidak baik ini.

Sebab itu saya merasakan bahawa perbincangan dalam soal-soal yang sedemikian juga amat penting kerana ini menyeluruh sebenarnya dalam soal pembangunan insan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pengajaran dua dekad yang lalu sebenarnya, apabila kita membangunkan negara kita sehingga menjadi sebuah negara yang maju. Pengajarannya ialah kegawatan dan juga krisis ekonomi adalah begitu sukar diramal. Ia boleh datang dengan tiba-tiba, itu yang pertama.

Yang kedua ialah, globalisasi masih wujud dan dia boleh menyerang pada bila-bila masa. Sebab itulah tidak ada maknanya kita membina kejayaan yang besar jika kita tidak mempunyai kekuatan dalaman, ketahanan dalaman. Sebab itu apabila berlakunya krisis kegawatan ekonomi 1998, negara kita hampir runtuh dan ranap tetapi alhamdulillah apabila pemimpin negara mempunyai strategi bagaimana memulihkan ekonomi negara dengan cara kita sendiri tanpa kita bergantung kepada IMF dan sebagainya.

Maka pada hari ini kita kembali berdaya saing untuk meneruskan pembangunan negara tersebut. Dan kalau kita lihat kegawatan yang berlaku pada 1998 ada tiga keadaan ekonomi yang membimbangkan ketika itu.

Yang pertama ialah ada tiga keadaan sebenarnya apabila berlakunya kegawatan ekonomi pada 1998 yang harus diberi perhatian. Yang pertama ialah pertumbuhan yang terlalu berasaskan kepada *input driven*, dengan izin yang bukan menumpukan kepada peningkatan produktiviti. Modal besar digunakan untuk peralatan yang canggih dan prasarana yang canggih sedangkan pulangnya tidak sejajar dengan pelaburan yang dikeluarkan. Itu yang pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Yang kedua ialah berlaku kemerosotan terhadap akaun semasa negara dan yang ketiga ialah tentang kredit bank yang tumbuh dengan pesat dan pantas hingga sampai ke paras 30% pada pertengahan 1997. Dan apa yang kita dapati sektor swasta ketika itu banyak membuat pinjaman yang begitu besar daripada dalam dan luar untuk pelaburan yang tidak sesuai. Bahkan kita lihat bank-bank juga memberikan pinjaman kepada sektor-sektor yang tidak produktif. Ini menyebabkan kita lihat kawalan kredit yang begitu lemah ketika itu. Apakah ini membuktikan bahawa mereka yang berada di sektor perbankan ini adalah kurang mahir.

Sebab itulah saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan pada Bank Negara apakah sebenarnya peranan Labuan sebagai pusat kewangan. Apakah mereka tidak mampu mengawal keadaan yang sedemikian dan inilah yang menyebabkan sebenarnya menimbulkan banyak masalah sehinggakan seperti ada satu tradisi di negara kita ini seolah-olah setiap 10 tahun ada sahaja bank yang akan mengalami kerugian. Bermula dengan Bank Bumiputera, Sime Bank kemudiannya ialah Bank Islam dan kita tidak tahu selepas ini bank mana pula yang akan mengalami kerugian. Apakah kita nanti terpaksa menghidupkan balik dana saham, dana modal dan dana harta sekali lagi untuk melakukan *bail out* dengan izin seperti mana yang berlaku apabila kita berhadapan dengan kegawatan ekonomi 1998.

Saya ingin mencadangkan supaya jangan kekayaan itu kita tumpukan kepada sesuatu pihak sahaja. Sedangkan kita lihat GLC sekarang ini pun bermasalah. Milik kerajaan ini ada yang hampir bankrap dan sebagainya. Tapi kalau kita menumpukan kepada sesuatu individu dan bila bermasalah lagi nanti kita kena lakukan lagi *bail out*. Maka inilah yang harus menjadi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Oleh itu, atas pengalaman tersebut dan berdasarkan kepada apa yang telah berlaku saya ingin membangkitkan dua persoalan di sini iaitu kemajuan yang bagaimanakah yang kita mahukan. Apakah kemajuan ekonomi yang disamakan dengan pertumbuhan ekonomi dan apakah pertumbuhan sebagai matlamat akhir kita. Kita mahukan KDNK yang tinggi, kita buka seluas-luasnya kepada liberalisasi dan penswastaan untuk menaikkan peratusan KDNK kita sedangkan kita lupa dan kita abaikan soal ketahanan bangsa, keadilan sosial, dan keseimbangan dari segi pembangunan. Yang ini kita abaikan.

Di sinilah saya yakin Tuan Yang di-Pertua, lima teras khususnya minda kelas pertama yang dibangkitkan iaitu melibatkan soal moral, integriti, daya tahan, daya saing, kekuatan nilai kalau berjaya dilaksanakan saya yakin bahawa sebenarnya kita akan mempunyai kekuatan dalaman dan jika berlaku sekali lagi kegawatan ekonomi kita akan dapat menghadapinya dengan baik dan berkesan. Sebab itulah saya menyokong saranan dan strategi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ia tidak akan mengutamakan pembangunan yang "populer". Beliau akan mengutamakan pembangunan rakyat iaitu kepentingannya kepada rakyat. Kepentingan ramai bukan monopoli dan pembangunan yang berdaya tahan. Jika berlaku sekali lagi kegawatan maka sudah tentulah kita dapat mengatasinya dengan baik.

Atas dasar keadilan sosial ini, atas dasar keseimbangan dari segi pembangunan, maka saya ingin membangkitkan dua tiga perkara isu besar yang sedang dihadapi oleh negara kita. Pertama ialah monopoli Syarikat Airport Limo di KLIA. Kerajaan telah pun menubuhkan, mendirikan dan membangunkan LCCT dengan izin, *Low Cost Carrier Terminal* yang digunakan sepenuhnya oleh Air Asia dan kerajaan telah mengeluarkan permit teksi yang banyak kepada teksi-teksi biasa untuk beroperasi di LCCT. Sebab itulah dalam persidangan yang lepas kita menyokong Akta Pengangkutan untuk menghapuskan ulat-ulat teksi di KLIA dengan janji bahawa mereka ini boleh beroperasi di LCCT dan kerajaan sudah pun mengeluarkan permit ini.

Tetapi persoalan yang timbul sekarang ini kenapakah ada enam syarikat yang sedang beroperasi di KLIA seperti Class Service Sdn. Bhd, seperti Auto Micro Bersatu Sdn. Bhd, Tunas Puncak Sdn. Bhd., Puncak Holding Sdn. Bhd, Ikatan Prestij Sdn. Bhd. dan satu lagi ialah New Star "Asocial" Sdn. Bhd. Enam syarikat ini yang bergabung di bawah pengurusan Airport Limo Sdn. Bhd. diarahkan keluar daripada KLIA dan memberikan servis mereka di LCCT iaitu bersaing dengan teksi-teksi biasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa Class Servis Sdn. Bhd. sebagai contohnya mereka ada dua perkhidmatan. Satu teksi mewah, satu lagi teksi MPV keluarga di KLIA dan lima syarikat lain tadi iaitu Tunas Puncak, Ikatan Prestij dan sebagainya semuanya mengendalikan teksi MPV dan mereka ini diminta diwajibkan bergabung di bawah pengurusan Airport Limo Sdn. Bhd dan mereka dikenakan membayar caj sebanyak 15% untuk teksi mewah dan 8% untuk teksi MPV kepada Airport Limo Sdn. Bhd. Saya ambil contoh Class Service Sdn. Bhd mereka ini sudah 40 tahun memberikan perkhidmatan bermula di *Subang Airport* dengan izin apabila *Subang Airport* ditutup mereka berpindah ke KLIA.

Tetapi oleh kerana sudah ada syarikat monopoli di KLIA iaitu Airport Limo mereka duduk di bawah pengurusan Airport Limo dan bayar 15% dan mereka tidak pernah gagal untuk membayarnya. Baru-baru ini mereka menerima pula permit sebanyak 102 permit baru dan mereka sudah pun melabur wang sebanyak RM1 juta untuk membeli teksi mewah yang baru untuk digunakan di KLIA bukan di LCCT, sebab LCCT ini penggunaannya adalah mereka yang menggunakan penerbangan tambang murah sudah tentulah mereka tidak akan naik teksi mahal. Jadi bila disuruh keluar dan buat di LCCT sudah tentulah tidak wajar sebenarnya sedangkan Airport Limo yang sudah pun berjanji untuk tukar teksinya sampai sekarang pun mereka tidak tukar teksi

baru. Jadi di mana kewajarannya enam syarikat ini diarahkan keluar dan diberikan kepada satu pihak untuk memonopoli perkhidmatan teksi mewah di KLIA.

Sebab itulah saya minta Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya tarik balik arahan ini supaya jangan ada pihak yang teraniaya. Kalau Airport Limo kata bahawa dengan pembukaan LCCT itu menyebabkan penumpang berkurangan tapi apa jadi dengan ERL. Mereka juga menghadapi masalah yang sama. Apa bezanya dengan *airport coach*, bas yang membawa penumpang daripada KLIA. Mereka juga menghadapi masalah yang sama dan apa bezanya dengan enam syarikat ini. Jadi di mana kewajarannya iaitu mereka ini diarahkan keluar daripada KLIA untuk bersaing pula dengan teksi-teksi biasa di LCCT.

Saya harap kerajaan khususnya kementerian memikirkan semula arahan ini ditarik balik dan dirunding semula antara Airport Limo dengan enam syarikat yang berkenaan. Itu yang pertama.

Satu contoh bagaimana bahawa keadilan sosial dan keseimbangan perlu berlaku di dalam pembangunan di negara kita ini.

Yang kedua, tentang MSS MAS ini. Kita lihat akhir-akhir ini MAS seolah-olah pendekatannya untuk mengatasi masalah kewangannya, hutangnya yang besar ialah memberhentikan pekerja. Dan kita dapati MAS telah berbohong dengan kita, sebab dalam taklimat mereka pada kita sebelum daripada ini, mereka telah berjanji tidak akan berlaku VSS, MSS dan sebagainya.

Tapi apa yang berlaku ialah sekarang ini 6500 orang yang akan diberhentikan, dan yang menghairankan kita lagi di dalam pelan *turn aroundnya*, dengan izin, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. MAS seolah-olah tidak ada pendekatan yang lain, jual bangunan, berhentikan orang. Dan apabila baru-baru ini MAS bercadang untuk menamatkan sistem co-MAS nya, iaitu dalam soal *passenger booking* ini, dengan izin, *passenger reservation* ini, dan digantikan dengan *e-ticketing*, maka sudah tentulah lebih ramai pekerja-pekerja yang akan diberhentikan.

Persoalannya ialah, apabila pekerja-pekerja ini diberhentikan, ditamatkan perkhidmatan mereka melalui MSS, apakah sebenarnya ganjaran yang mereka terima? Apakah sebenarnya kebajikan mereka ini diberikan perhatian? Sebab itulah apabila saya membaca satu kenyataan oleh seorang pekerja MAS yang bernama Muhammad Anuar Sadat, 29 tahun, yang keluar dalam surat khabar *Star* semalam. Dia berkata dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*why should we suffer? It is nonsense, it is like people mining gold in our garden, and we have to pay for it.*" Ini kata-kata yang dikatakan oleh

Muhammad Anuar Sadat ini. Inilah bentuk kekecewaan yang nyatakan oleh pekerja-pekerja MAS.

Sebab itu apabila kita membaca laporan MAS dalam buku *turn around* mereka ini, MAS mengatakan bahawa mereka akan menukarkan fokus mereka daripada imej fokus kepada *company profit* fokus. Dan mereka tidak akan peduli kepada *political favor* dan sebagainya. Kita bersetuju, tapi soalnya apakah ini bermakna bahawa *part* MAS selepas ini tidak akan mempedulikan apa yang kita perkatakan, dan mereka akan lebih ganas untuk membuang orang dan sebagainya.

Saya juga ingin tahu mengapa MAS melantik orang asing iaitu CB. Richard Ellis, (CBRE) untuk menstrukturkan semula portfolio asetnya di luar negara. MAS kata dia hendak jual 26 bangunannya di luar negara, kerana mereka mempunyai bangunan berkeluasan sebanyak 924,348 kaki persegi dan semuanya akan dilupuskan. Soalnya berapa mereka bayar kepada Richard Ellis (CBRE) ini, sebagai bayaran perkhidmatan mereka ini.

Kenapa orang asing? Kenapa tidak ada cara lain seperti mengurangkan perbelanjaan *entertainment*, mengurangkan gaji-gaji yang mahal kepada pengurus-pengurus mereka terutamanya daripada luar negara. Apakah ini sahaja yang ada kepada mereka. Pendekatan ini, iaitu berhentikan orang pekerja, jual aset, maka nampaklah keuntungan, sehingga soal kebajikan, soal kepentingan negara, kepentingan sosial, keadilan sosial, keseimbangan dari segi pembangunan diabaikan oleh MAS. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah rakan saya Dr. Haji Mohd. Puad tentang pembohongan yang telah pun dibuat oleh MAS dalam perjumpaan dengan Ahli Dewan Negara pada bulan 12 tersebut. Apakah ketika itu apabila kita mengadakan satu perjumpaan dengan pihak pengurusan MAS, mereka beranggapan seolah-olah Ahli Dewan Negara ini boleh diperkotak-katikan. Apakah pembohongan ini dibuat semata-mata kerana mereka beranggapan bahawa yang pentingnya hari ini, apabila sahaja mereka mengemukakan apa-apa cadangan, Ahli Dewan sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara tidak langsung diambil kira atas pandangan-pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Ahli-ahli Parlimen tersebut.

Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, saya hairan banyak syarikat penerbangan dalam dan luar negara, contohnya di Timur Tengah, syarikat yang baru kalau dibandingkan dengan MAS, mereka hari ini mengambil banyak pekerja-pekerja.

Mereka hari ini telah menunjukkan peningkatan dari segi keuntungan mereka. Apakah salahnya dari segi pengurusan, kalau salahnya dari segi pengurusan, mengapa harus kita membuang pekerja-pekerja yang begitu ramai yang selama ini begitu *loyal* kepada syarikat ini?

Jadi saya mahu Yang Berhormat, kalau bolehlah Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Apa harus kita buat supaya kita dapat mempertahankan segolongan yang besar, pekerja-pekerja yang selama ini telah bekerja bertungkus-lumus untuk mempertahankan syarikat yang membawa imej negara kita itu sendiri. Saja juga mahu kalau boleh Yang Berhormat, jika sekiranya Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalau tidak silap sayalah hari ini atau esok ada satu lagi perjumpaan dengan MAS, esok hari kalau tidak silap saya. Kalau bolehlah biar kita buat perjumpaan ini secara terbuka dan kita panggil pihak-pihak media untuk membuktikan bahawa mereka ini benar-benar mempunyai keikhlasan dan telus dalam perbincangan dengan Ahli-ahli Dewan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji. Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya katakan tadi bahawa, apabila kita mengadakan perbincangan dengan MAS sebelum daripada ini, antara yang mereka janjikan ialah pertama, mereka tidak akan jual bangunan. Bangunan MAS di Golden Triangle, dengan izin.

Yang kedua, tidak akan berlaku VSS. Sebab itu, yang ketiga ialah bahawa kita juga membangkitkan kenapa ramai sangat pengurus-pengurus daripada luar diambil? Sekarang ini diambil pula Richard Ellis (CBRE) ini. Atas kononnya bahawa mereka ini berkeupayaan. Apakah kita tidak ada keupayaan. Dibuat juga, walaupun sudah dibangkitkan sebelum ini kenapa ambil mereka ini, dibayar dengan gaji yang mahal, macam-macam dibangkitkan.

Jadi seolah-olah bahawa apabila saya membaca pelan *turn aroundnya*, dia kata bahawa dia akan mengetepikan soal *political favor* ini. Betullah, tetapi soalnya apakah pandangan kita nanti tidak diambil kira. Sedangkan kita bertanggungjawab untuk menegur mereka, supaya di dalam program mereka untuk memperbaiki kerugian yang dialami oleh MAS ini tidak ada sesiapa yang teraniaya. Sebab itu kita merasa hairan apabila berlaku MSS ini. Kita dapati bahawa seolah-olah tidak ada satu jaminan pun nasib mereka yang diberhentikan ini.

Baik dari segi latihan, baik dihantar ke tempat lain untuk bekerja dan sebagainya. Tidak ada jaminan sebenarnya. Ini yang saya katakan tadi kenyataan Muhammad Anuar Sadat dia kata *it is nonsense*. Dan sebab itu, saya bangkitkan tadi kenapa

maksudnya perbelanjaan mewah untuk benda-benda lain itu tidak dikurangkan. Dan saya harap kerajaan kena bagi perhatian yang lebih khusus tentang pelan *turn around* MAS ini. Jangan dibiarkan, kalau kerajaan boleh kata kepada TNB tarik balik cadangan untuk naikkan tarif, demi kebajikan rakyat, buat cadangan baru. Kenapa maksudnya dengan MAS kita tidak boleh buat sedemikian. Ini yang ingin saya katakan di sini.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa MAS contohi yang lain, bukan saya kata bahawa dia kena contohi seperti apa yang dilakukan oleh Air Asia. Tetapi kita dapati bahawa Air Asia menggunakan kekuatan dalaman dia. Dia lebih menggunakan kekuatan dalamannya dalam menguruskan syarikat penerbangan. Dia kata dia tidak perlukan subsidi kerajaan. Biarlah mereka bersaing, tetapi saya harap MAS, cubalah lihat kekuatan dalaman. Jangan dianiaya pekerja yang sedia ada. Kalau setakat hendak jual bangunan dan sebagainya untuk tunjuk bahawa untung balik, saya rasa kalau setakat itu sahajalah, maka tidak ada maknanya kita menukar pengurusan MAS ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit tentang *delivery system* ini. Ini adalah isu yang penting dan inilah yang saya kaitkan tadi bahawa peranan media yang sebenarnya dari segi membantu supaya apa juga masalah yang dihadapi oleh rakyat dapat diselesaikan jika sekiranya kakitangan kerajaan susah sangat hendak laksanakan, kadang-kadang kita terpaksa kembali kepada media untuk menyelesaikan.

Saya ambil contoh, Syarikat Perumahan Negara (SPN). SPN mempunyai tanggungjawab yang besar dari segi perumahan rakyat dan ini antara yang disebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dia akan mengutamakan projek-projek rakyat dan kita berterima kasih dalam Rancangan Malaysia Kesembilan soal rumah rakyat ini menjadi keutamaan. Tetapi kita juga berharap bahawa ada pemantauan dari segi *delivery system* yang khusus kepada SPN ini, terutamanya rumah-rumah rakyat yang terbengkalai, rumah-rumah murah yang terbengkalai. Sudahlah mereka rakyat miskin, mengharapkan rumah murah, sudah bayar deposit, sudah berurusan dengan bank dan sebagainya, tetapi akhirnya rumah tidak siap pula! Tidakkah mereka ini kecewa berpunca dari segi *delivery system* ini yang tidak dilaksanakan sebaik mungkin oleh pihak yang terlibat.

Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua. SPN ini, dalam pembinaan Rumah Mesra Rakyat. Sekarang ini ada projek Program Rumah Mesra Rakyat iaitu mereka memohon dengan syarat mereka ada tanah sendiri. Pinjaman sebanyak RM40,000, bayar dalam lebih kurang RM20,000 sahaja. Bulanan bayar RM80. Padahal yang

dipinjam RM40,000 tetapi bayar lebih kurang RM25,000 dan bulanan ialah sebanyak RM80.00 kepada SPN. Ini satu program yang baik. Tetapi yang mengecewakannya ialah dari segi *delivery system*. Sebab itu saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, banyak rumah-rumah yang dibina di bawah Rumah Mesra Rakyat (RMR) ini, banyak yang tidak siap di seluruh negara, yang terbengkalai.

Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perjanjian SNP yang ditandatangani pada 15 Julai 2005. Dinding sudah siap, tetapi bumbung tidak siap. Tingkap baru dipasang. Sudah setahun terbengkalai. Besi jadi besi buruk kerana yang buat dinding orang lain, buat tingkap orang lain, buat bumbung kontraktor lain. Apabila kontraktor bumbung bermasalah, maka sampai sekarang bermasalah.

Saya ambil contoh, saya sempat ambil gambar. Tuan Yang di-Pertua, ini contohnya. *[Sambil menunjukkan beberapa keping foto]* Dinding sahaja. Ini hendak buat atap, sudah dekat setahun. Malangnya apabila kita berhubung dengan pejabat SPN ini, pegawainya ini, dia boleh marah-marah pula. Ha, inilah yang saya kata *delivery system* yang mengecewakan! Maksudnya sudahlah orang yang melaksanakan tidak betul, tidak memenuhi janji mereka, kemudian pegawai yang bertugas pula boleh marah-marah. Dia tidak tahan bila rakyat telefon, tanya bila lagi hendak pasang? Bila lagi hendak pasang? Sampai orang hendak menyewa rumah pun bermasalah. Ingatkan rumah itu hendak siap, maka dia menyewa rumah dekat kawasan berkenaan. Tetapi akhirnya tidak siap-siap juga, maka dia pula bermasalah - orang yang mendapat pinjaman ini. Mengecewakan! Sakit hati! Kemudian pegawai pula marah-marah. Dia kata, "Apa ini telefon banyak kali ini?" Saya boleh sebut nama dia Azri. Maksudnya tidak ada hormat langsung, apabila kita hendak menyelesaikan masalah-masalah seperti ini. Sebab itulah saya mengharap, saya yakin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau dia tahu perkara ini, dia mesti marah punya. Sebab itu kadang-kadang saya hendak beritahu SPN, kalau boleh dalam masa 10 hari ini tolong selesaikan! Kalau tidak kita panggil TV3.

Itu yang saya katakan tadi peranan TV ini penting. Sebab dari segi *delivery system*, dia boleh selesaikan masalah dengan baik. Saya rasa ini sahaja barangkali cara yang terbaik iaitu kadang-kadang kita terpaksa bergantung pada media. Dedahkan ke seluruh negara baru ambil tindakan. Kalau tidak begitulah. Jawapannya sama, menyakitkan hati dan memang mengecewakan dengan masalah ini.

Sebab itulah saya kata bahawa, apa maknanya kerajaan ...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik juga balik kepada masalah *delivery system* ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat, di manalah salahnya? Apakah salahnya apabila kerajaan melantik pengurusan Syarikat Perumahan Negara itu ataupun kesalahan itu selepas dilantik, mereka ini tidak diberikan satu motivasi untuk menentukan apa-apa sahaja agenda negara itu dapat dijalankan secara yang lebih baik.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, kerana kalau kita perhatikan, apabila kita melantik pihak pengurusan, daripada CV yang dikemukakan kepada kita nampaknya mereka itu begitu hebat sekali. Tetapi kalau kita tengok dari segi apa Yang Berhormat sebutkan tadi, nampaknya banyak program-program, kontrak-kontrak yang diberikan itu tergendala oleh sebab, kalau pada pendapat sayalah, ini menunjukkan bahawa mereka tidak pandai mengurus bagaimana untuk menentukan supaya kontrak-kontrak itu berjalan dengan lancar. Jadi di manakah salahnya, Yang Berhormat? Itu soalan saya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita membaca akhbar semalam, kerajaan telah memberi amaran kepada pengurus-pengurus syarikat GLC ataupun CEO GLC, kalau tidak mampu lagi hendak mengurus, berhentilah sebelum diberhentikan atau sebelum dibersarakan. Sebenarnya banyak yang bermasalah. Mereka ini mempunyai kelulusan yang tinggi, anak-anak muda yang mempunyai kelulusan yang tinggi, yang hebat-hebat, tetapi akhirnya setelah sekian lama mengurus/mentadbir GLC, banyak masalah yang timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di antaranya ialah kerana mereka tidak faham Misi Nasional ini. Sebab itu saya kata bahawa kenapa mereka ini, pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan ini harus mendukung, menghayati Misi Nasional ini sebagai satu tanggungjawab besar. GLC sebagai contohnya, apabila mereka ini tidak ada satu perasaan tanggungjawab sosial kerana latar belakang mereka dan sebagainya, nasionalismenya tidak ada, patriotismenya tidak ada, maka yang difikirkannya nanti bukan rakyat. Yang difikirkannya nanti ialah soal keuntungan, tetapi akhirnya keuntungan itu sebenarnya membawa beban yang besar kerana cara mereka mengurus dan mentadbir itu sebenarnya ialah mereka lebih mementingkan diri mereka sendiri. Inilah masalah-masalah yang timbul sebenarnya, ataupun mereka ini merasakan bahawa mereka bekerja itu bukan kerana kepentingan ramai. Dia mengikut apa yang ada sahaja.

Jadi sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan bahawa memang perlu kita melakukan re-orientasi. Saya sering membezakan Rancangan Malaysia Kedua, DEB ini. Apabila disebut DEB mudah orang hendak masuk - ingat dalam kepala dia, 'membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat baru'. Sebab itulah kenapa perkataan 'Misi Nasional' ini harus ditanam kepada pegawai-pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan dan siapa juga yang menjadi pengurus sebenarnya, supaya perkara yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dilaksanakan dan dijayakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam soal *delivery system* ini, saya memohon kepada kerajaan, kalau boleh kaunter-kaunter urusan yang dibuka pada hari Sabtu itu, khususnya untuk urusan-urusan seperti imigresen, pendaftaran ataupun untuk membayar bil dan sebagainya, JPJ - kalau boleh disambung semula setiap hari Sabtu untuk kemudahan rakyat, untuk kebaikan kepada rakyat yang hendak menyelesaikan masalah mereka ini terutamanya pada hari Sabtu.

Saya rasa ini penting sebenarnya dan saya minta kalau boleh, kaunter aduan Jawatankuasa Pemantau yang diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu diadakan di setiap tempat, setiap negeri, setiap daerah untuk mereka mengadu jika sekiranya berlaku lagi masalah-masalah *delivery system* ini supaya mudah sampai. Sebab sekarang ini kita merasakan bahawa cara yang paling mudah untuk kita menyampaikan apa yang kita tidak puas hati ini melalui media saja.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: [*Bangun*]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Ya, silakan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju supaya kaunter-kaunter ini dibuka pada hari Sabtu. Tapi, apa yang membimbangkan saya tentang ada kaunter-kaunter ini ditutup pada masa tengah hari. Saya baru-baru ini, saya pergi daftar kelahiran anak saya, pukul satu tengah hari. Saya dimaklumkan dulu lagi buka, dia ada peralihan, mungkin ada orang kerja pukul 12.00 sampai 1.00, ada yang kerja 1.00 sampai 2.00.

Tapi, bila saya sampai situ daripada pukul 12.15 saya tunggu, saya tak nampak notis tersebut tetapi apabila saya terkejut besar apabila lampu tu ditutup dan mereka menyuruh saya balik, kata datang balik pukul 2.00. Apakah ini satu sistem yang berkesan apakah kita nak beritahu lagi, dah banyak kali kita cakap, kenapa tidak buat satu pertukaran tugas, kenapa tak boleh *adjust* ini jabatan penting Jabatan Pendaftaran Negara, Imigresen dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang ini memang kita ambil tindakan. Ini antara masalah-masalah yang berbangkit sebenarnya. Tapi Yang Berhormat, saya nak mengambil kesempatan ini jugalah untuk ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana dapat lagi seorang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dalam bab kahwin ni, untuk yang 60, lelaki yang 60 tahun ke atas, kalau isteri masih ada, kalau boleh jangan kahwin lagilah. Sebab bila dia dapat anak, bila umur dia sudah 70 tahun, anak dia baru 10 tahun, kesian. Sebab jangka hayat umur di Malaysia sekarang ini ialah untuk lelaki 70 tahun. Alhamdulillah dah naik daripada 63 tahun kepada 70 tahun. Tapi, bayangkan kalau dia dapat anak 70 tahun lepas tu meninggal, anak baru umur 10 tahun, anak yang kedua empat tahun, tiga tahun, kesian, kesian Yang Berhormat.
[Ketawa]

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Rizuan.

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Ya, macam-macam tujuan dia, yang paling utama kita sebagai orang Islam, apabila kita mati, bila-bila masa pun kalau kahwin 60 tahun kita kahwin anak kita masih umur 5 tahun ataupun 10 tahun apabila kita meninggal, anak itu akan mendoakan kesejahteraan kita di dunia dan di akhirat. Itu yang kita mahu, saham di akhirat dan bukan saham dunia. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, lelaki ni, dari segi jangka hayat dia ada tiga kategori. Satu lelaki pandangan hidup, satu golongan lagi, lelaki pegangan hidup, satu lagi cita-cita hidup. Ramai juga anak-anak muda kita sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada lagi berada dia tidak ada kategori pandangan hidup, dia sudah masuk dalam kategori pegangan hidup dan ramai juga yang sudah berumur seperti Pok Jang tu, yang kita baca dalam surat khabar di Terengganu kahwin 30 kali, bercerai 29 kali.

Kahwin dengan 29 janda termasuklah dengan enam anak dara. Dia itu dalam kategori pandangan hidup. Bila pandang sahaja, terus hidup. Yang satu lagi, bila pegang baru dia hidup. Yang satu lagi, cita-cita hidup ini. Pandang pun tak hidup, pegang pun tak hidup. *[Ketawa]* Tapi, alhamdulillah Yang Berhormat kerana faktor gaya hidup sihat maka ramailah lelaki yang sudah berumur sudah masuk kategori, masih dalam kategori pandangan hidup minta maafnya Yang Berhormat ya. Kaum wanita dia marah dengan saya Tuan Yang di-Pertua, cakap bab ini.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan, Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Haji Tajul Urus.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya tak faham yang pandang tak hidup, pegang tak hidup, saya tak faham. Minta penjelasan. [*Ketawa*]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pandang maksudnya bila pandang tak kira perempuan tu pakai menjolok mata ke, tak menjolok mata ke, bila dia pandang aja terus hidup, [*Ketawa*] tak faham juga. Saya ingat Yang Berhormat ini di dalam kategori mati hidup. [*Ketawa*] Sampai mati pun masih hidup lagi. [*Ketawa*] Saya ingat cukup ya.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Hajah Azizah.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih. Saya amat tertarik tadi, saya nak ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, kalaulah semua kaum bapa berperangai macam Dr. Haji Mohd. Puad, selamat kami kaum wanita. Yang Berhormat saya harap Yang Berhormat pergilah, teruslah berceramah mengeluarkan kata-kata demikian kepada di mana-mana tempat Yang Berhormat ceramah, dapat pahala Yang Berhormat sebab yang pertamanya kita ikut sunnah Rasulullah. Kahwinlah kamu satu, dua, tiga dan empat, *full stop*, tiada sambung. So, apa kata Yang berhormat kata tadi betul, kalau 60 tahun kahwin lagi, kita pergi hantar anak sekolah 10 tahun, kadang-kadang orang kata tu Atok dia ke, bapak dia. Ha, yang ini pun tidak baik pada anak tu, kadang-kadang dia malu.

Ini memang ada kes ya dekat-sekolah-sekolah dia malu, kerana mereka, eh, itu ayah awak ke, Datok awak? Anak-anak maklumlah dia *very inquisitive* kan? Jadi anak itu kadang-kadang malu ya, secara langsung dia di "*moralize*" dia punya kan. Yang keduanya, ikutlah sunnah Rasulullah, tak ada kahwin satu, dua, tiga dan empat, itu ikut sunnah Rasulullah. Tetapi, Rasulullah kahwin umur dia 25 tahun, kahwin dengan Siti Khadijah umur 40 tahun. Dan mesti ingat dia hanya kahwin lagi satu setelah Siti Khadijah wafat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah merupakan sunnah Rasulullah. Cuma sekarang ini, memang sukar nak mencari wanita 40 tahun yang nak berkahwin lagi. Itu yang menyebabkan barangkali ramai yang dah berumur ini, dia cari juga yang anak dara. Tapi bukan kerana saya nak menyokong negara ini, jangan nak marah saya pula ya. [*Ketawa*] Cuma ada juga orang yang

menyalah tafsir Tuan Yang di-Pertua. Dari segi Islam memang dibenarkan disebut kalau tidak satu, kahwinlah dua, kalau tak dua, kahwinlah tiga ataupun kalau tak tiga kahwin empat.

Tetapi, ada seorang hamba Allah Abu Talib di Singapura ni, dia kahwin 10, sebab dia kata satu campur dua campur tiga campur empat sepuluh, sebab tu dia kahwin sepuluh. Ya, salah pentafsiran tetapi sebenarnya saya fikir yang lebih penting daripada ini ialah dalam soal perkahwinan ini, ialah kita menjaga bagaimana kekuatan keluarga itu sebagai kekuatan yang asas sebenarnya kepada kita.

Apa gunanya saya sebut tadi, bahawa apa gunanya pembangunan jika keluarga kita ini tidak sihat, berpecah-belah dan macam-macam lagi masalah. Kita balik rumah, kita sebagai seorang politik, balik rumah pening kepala, banyak masalah tertekan dan sebagainya, nak tidur pun susah, dok fikir nak duduk hotel jaya, ya. Sebab tu Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya setuju.

Kalau sekiranya, apabila Parlimen bersidang ni, kalau Ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat ni, waktu persidangan, isteri dia kalau bekerja dengan kerajaan isteri tu diberi cuti sehari supaya isteri tu boleh ikut duduk di Kuala Lumpur bersama suami semasa Dewan bersidang. Bayangkan Dewan Rakyat 40 hari bersidang, 40 harilah dia keras atas katil. *[Ketawa]* Ya, sebab lama sangat. Ini saya kata sebab tu soal keluarga cukup penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung balikkah ya tentang Alam Sekitar. Saya nak menyebut tentang alam sekitar kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan mengutamakan pembangunan yang berkualiti dan *sustainable* dengan izin. Itu hasrat yang ada di dalam RMK-9. Sebab itulah saya merasakan bahawa isu alam sekitar ini adalah isu yang cukup penting sebenarnya untuk diberikan perhatian.

Kita tidak mahu bahawa apabila kita pesat membangun, tapi hidup tertekan kerana masalah pencemaran, masalah kekotoran, masalah kilang haram, masalah penternakan haram, pembalakan haram, banjir dan sebagainya yang berterusan. Sebab itu, saya merasakan isu alam sekitar adalah isu yang cukup penting untuk menjamin kualiti hidup yang baik kepada masyarakat sebenarnya.

Sebab itu apabila kerajaan menutup 16 pusat pelupusan sampah terbuka yang beroperasi dekat dengan sungai. Ini adalah satu tindakan yang wajar yang diambil oleh kerajaan kerana ini mencemarkan sumber air sebenarnya. Sumber air untuk kita minum dan ini menjadi masalah dari sebab ekoran penyerapan air larut resap ini, maka baru-

baru ini kita timbul "IBWK" menghadapi masalah sebenarnya berpunca daripada mereka yang tak bertanggungjawab ini.

Tetapi, persoalan yang saya ingin timbulkan di sini, di Dewan Negara ini iaitu kenapa maksudnya kenapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, tidak ada peruntukan diberi kepada infrastruktur pelupusan sisa pepejal, tidak ada. Tidak ada peruntukan diberi kepada infrastruktur pelupusan sisa pepejal, dan kenapa skop penswastaaan dalam pengurusan sisa pepejal ini tidak *comprehensive*. Kalau kita lihat dalam strategi yang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, skop penswastaaan yang *comprehensive* sebenarnya tidak ada dalam pengurusan pusat sisa pepejal ini.

Sekarang ini skop yang ada hanya dalam soal membabitkan aspek operasi pemungutan dan pengangkutan sampah. Bukan komprehensif sepatutnya dia *cover* semua. Dia urus semua termasuklah tempat tapak dan sebagainya. Sekarang ini kita lihat PBT, dia yang buka pusat pembuangan atau pelupusan sisa pepejal ini. Dia buka, oleh kerana dia yang buka maka dia tidak perlu dapat EIA sebab dia sendiri yang menjalankan projek dan kita lihat baru-baru saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua apa yang berlaku di Batu Pahat, Johor.

Kita sudah tutup pusat pelupusan sampah di Kelicap. Oleh itu Pihak Berkuasa Tempatan ingin membuka di Yong Peng. Bila dia buka di Yong Peng, sudah beri lesen dan permit untuk mengangkut sampah buang di situ. Penduduk di situ dengan ahli politiknya membantah, buat demonstrasi. Maka akhirnya tidak jadi. Maka dibuat keputusan hendak dihantar menumpang dihantar ke Muar, sedikit punya jauh. Sudah tentulah maksudnya nanti caj akan lebih tinggi kepada pengguna. Hendak dihantar ke Muar. Bila hendak dihantar ke Muar, orang Muar pula membantah dan membuat tunjuk perasaan. Wakil rakyat pun ada sekali. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua Majlis Daerah Muar membuat keputusan dia benarkan hanya sehingga 25 hari bulan ini. Selepas 25 hari bulan, dia kata tidak boleh, minta maaf, carilah tempat lain.

Ini yang saya katakan bahawa apabila skop penswastaaan pusat pelupusan sisa pepejal ini tidak komprehensif, maka kita menghadapi masalah sebenarnya dan ini harus diberikan perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Oleh itu dasar penswastaaan yang tidak komprehensif ini perlu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya digalakkan pemilik konsesi menyediakan sumber kewangan untuk menampung modal membangunkan kemudahan pelupusan yang sesuai di mana dasar-dasar yang digunakan antaranya ialah menggunakan konsep bina, operasi, milik dan pindah milik ataupun BOOT untuk

penswastaan jangka panjang. Ataupun Kerajaan Pusat menyediakan satu geran khas untuk kemudahan infrastruktur ini kalau tidak pun digunakan pendekatan BOOT tadi, kerajaan sendiri, Kerajaan Pusat menyediakan satu geran khas sebenarnya untuk membangunkan kawasan-kawasan ataupun apa yang dikatakan sebagai kemudahan infrastruktur ini.

Kenapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kerajaan tidak menggunakan pendekatan PFI iaitu inisiatif dana siswa ini untuk tujuan ini. Kenapa tidak tujuan PFI ini, sedangkan saya dapati Rancangan Malaysia Kesembilan ini menyebut tentang PFI ini. Tetapi dalam soal pusat pelupusan sampah ini, dan semalam kalau kita baca ada lagi 16 syarikat yang dituduh mereka ini membuang sisa aluminium yang didedahkan oleh surat khabar Utusan Malaysia. Saya rasa perkara ini akan berterusan dari semasa ke semasa jika sekiranya tidak ada tindakan yang khusus iaitu skop penswastaan yang komprehensif terhadap isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya di sini iaitu kenapakah kerajaan sebenarnya khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun mana-mana kementerian seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang terbabit dalam isu ini tidak mahu menyelaraskan jenis teknologi yang mahu digunakan untuk pelupusan sisa pepejal ini. Ada guna sistem *sanitary*, ada guna sistem termal dan sebagainya.

Kalau negara-negara maju seperti Switzerland, Denmark, Sweden yang mesra alam sekitar, mereka menggunakan apa yang dipanggil sebagai loji rawatan termal ini. Ini yang digunakan sebab fungsi utamanya ialah mengurangkan isi padu sisa pepejal ini sehingga 95% dan boleh digunakan untuk bekalan tenaga elektrik. Saya tidak tahu sama ada mahal atau tidak mahal pendekatan ini. Tetapi sudah sampai masanya bagi negara kita yang ingin maju yang *sustainable*, dengan izin mestilah menggunakan teknologi yang sedemikian rupa yang digunakan oleh negara-negara membangun. Sebab itu saya kata apa salah gunakan skop penswastaan yang komprehensif terhadap isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh sedikit tentang TNB ini (Tenaga Nasional Berhad) dan saya berterima kasih kepada pihak kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam Mesyuarat Kabinet minggu lalu telah membuat keputusan supaya cadangan TNB untuk menaikkan tarif ini ditangguhkan dan disemak semula.

Walau pun TNB menyatakan bahawa mereka sekarang ini akan *bankrupt* tetapi saya nampak dan saya yakin kerajaan walaupun mengakui wujudnya masalah itu, tetapi tidak tunduk dengan tekanan bahawa TNB akan *bankrupt*. Dan hujah yang digunakan oleh kerajaan ialah bahawa mereka mahu kepentingan rakyat itu diutamakan dan cari pendekatan lain sekurang-kurangnya, maksudnya barangkali ialah kenaikan tarif itu tidak menjejaskan mereka yang menggunakan jumlah yang sedikit berbanding dengan mereka yang menggunakan dengan jumlah yang besar. Ini suatu pendekatan yang baik supaya berlaku keadilan.

Tetapi masalah yang paling besar ini ialah kenapakah apabila diperkenalkan sistem IPP ini yang membekalkan tenaga kepada TNB, maka dia yang menimbulkan banyak masalah. Kenapa sebelum daripada ini, perkara ini tidak difikirkan dengan baik. Sebab itulah saya mengharap dan saya difahamkan bahawa TNB terpaksa menghormati terma-terma yang sedia ada. Mereka tidak boleh hendak ubah sebenarnya. Sebab itu saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu suruhanjaya bebas mengkaji semula perkara ini, di mana yang boleh diubahsuai dan sebagainya kerana sembilan konsesi yang bergabung di bawah lima syarikat ini termasuk YTL dan sebagainya, mereka untung besar sebab TNB kena bayar RM4 bilion setahun, pakai atau tidak pakai tetap kena bayar.

Yang menjadi masalah ialah ketika mereka ingin mendapat IPP ini menerima konsesi ini. Mereka diberikan tender itu kita pun tidak tahu macam mana mereka dapat. Apakah dibuat secara tender terbuka ataupun tidak. Sebab itu yang untung ialah IPP. Tujuannya baik sebab ketika itu negara menghadapi masalah selalu *blackout* dan sebagainya. Negara terancam ekonominya, syarikat-syarikat besar merasakan bahawa kita tidak efisien dari segi bekalan elektrik. Maka pendekatan yang digunakan ialah menggunakan sistem IPP ini.

Tetapi dia ada satu masalah lain dan akhirnya TNB yang hendak menjadi *bankrupt* pula. Sebab itu saya kata suruhanjaya ini perlu diwujudkan untuk menilai balik apakah terma-terma itu boleh diubahsuai.

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Ismail Kassim.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Dr. Haji Mohd. Fuad. Saya amat tertarik untuk turut serta dan bertanya pandangan berhubung dengan pelaksanaan IPP ini *Independent Power Plant* kalau tidak silap saya.

Timbalan Yang di-Pertua: *Power Producer.*

Tuan Ismail bin Kassim: *Power Producer. Independent Power Plant,* Tuan Yang di-Pertua, yang dibuat ketika negara mengalami krisis tenaga dan taraf pembahagiannya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ia tidak jelas tahu-tahu pembinaan dibuat dengan hanya merujuk kepada pihak berkuasa negeri bagi tujuan untuk *land acquisition* dan sebagainya. Itu sahaja yang kita tahu pelaksanaan itu akan dibuat.

Tetapi dia ada dua kategori kalau tidak silap saya. Satu diletakkan di dalam keadaan *reserve* ataupun simpanan dan satu lagi diletakkan dalam keadaan *consider sold*, mesti ambil. Kalau masuk tenaga yang dihasilkan oleh IPP yang berkenaan dan masuk dalam talian antarabangsa maka meter berjalan dan dikira bayar oleh pihak TNB dan satu lagi hanya digunakan seperti yang kalau tidak silap saya di Port Dickson, Negeri Sembilan kalau ketika negara mengalami masalah kekurangan tenaga.

Tetapi memandangkan keadaan dan bebanan yang berlaku kepada TNB sekarang ini kita merasakan perjanjian memang dibuat. Tetapi tidak bolehkah pihak kerajaan ataupun TNB sendiri mengambil inisiatif untuk kita mengkaji semula perjanjian berkenaan sekurang-kurangnya bagi mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh TNB.

Kita meletakkan semua IPP ini berada dalam keadaan rizab *power* yang mana tenaga yang dihasilkan hanya dibayar ketika digunakan tidak terikat kepada *consider sold* ini yang jangka masanya puluhan tahun kalau tidak silap saya yang mesti dibayar oleh TNB, 10 hingga 20 tahun kalau mengikut perjanjian yang dibuat di antara TNB dengan pihak yang mengusahakan IPP ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Atas perkara yang sama bolehkah saya mohon laluan daripada Yang Berhormat? Soal IPP ini, *Independent Power Plant* ataupun *Independent Power Producers* kedua-duanya betul dilakukan semasa krisis macam sahabat-sahabat saya sebut, tetapi di dalam Dasar Pembangunan Negara dua peranan penting yang dimainkan ialah kerajaan yang membuat dasar dan orang yang menerima manfaat daripada dasar itu. Maka IPPs' ini menerima satu ganjaran yang amat baik yang amat besar daripada satu dasar kerajaan untuk membiarkan pihak swasta membina IPPs' ini. Memanglah *agreement* sudah ditandatangani amat sukar untuk kita mengubah semula tetapi mungkin pada saya yang sebaik mungkin ialah pengoperator-pengoperator dasar ini iaitu IPPs' tahu sebenarnya yang mereka

menerima ganjaran yang amat tinggi di mana satu syarikat menerima RMI juta sehari daripada projek yang diberikan oleh kerajaan.

Dan saya melihat bahawa TNB itu juga ada kaitan dengan kerajaan adalah menjadi satu tanggungjawab kepada mereka sebagai *good corporate citizen*, dengan izin harus mengetahui dan memahami bahawa pembangunan tidak akan berterusan kalau takrif itu ditingkatkan begitu tinggi. Maka mereka ini dengan sukarela harus duduk bersama dengan TNB dan kerajaan menilai semula, menganalisa semula projek projek-projek ini dan mempunyai kesanggupan untuk mengagih di mana mengagihkan ini bermakna mungkin pembayaran gas yang diberikan kepada mereka itu ditingkatkan sedikit sebab kita rakyat jelata yang menerima kesan yang tidak baik ini. Maka mereka terus menerima *profit* yang amat tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad supaya mereka membuat satu sukarela satu *commitment* untuk memastikan negara terus berjaya dan mereka juga turun sikit sahaja *profitability* mereka bukan pun besar. Terima kasih.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Sebelum Yang Berhormat jawab bolehkah mohon laluan atas topik yang sama?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Saya juga tertarik dalam hal TNB ini kerana saya sudah pun bercakap dalam Dewan ini tentang TNB dan IPP. Jadi sebenarnya kerajaan boleh melakukan. Saya juga mendengar wakil daripada Menteri sendiri menjawab apa-apa pertanyaan saya bahawa kerajaan akan kaji semula dan kalau boleh akan dipanjangkan. Bagi saya soalnya panjang ataupun penting mengapa kerajaan tidak boleh mengawasi 4 atau 5 orang korporat. Kenapa kita mesti kalau kita dahulu boleh bekerjasama dengan korporat hari ini TNB hari ini negara ataupun TNB sendiri sudah boleh dikatakan bila-bila masa akan mufliis.

Tidak bolehkah 4 atau 5 orang korporat ini duduk berbincang, tidak bolehkah kita kata untuk masa panjang kita hendak panjangkan. Tetapi hari ini kalau hendak jaga 3 atau 4 orang korporat. Kita hendak jaga hati rakyat. Hari ini rakyat sudah kecewa. Kita hari ini membebankan rakyat hendak naikkan takrif. Naikkan takrif semua rakyat akan kecewa dan semua rakyat menanggung beban pada hal yang menanggung kekayaan 4 orang 5 orang korporat ini. Jadi saya berharap supaya kerajaan tegas dalam perkara ini. Kerajaan boleh buat tindakan tetapi saya hendak tahu kenapakah kerajaan tidak mahu mengambil tindakan atas perkara ini? Apa pandangan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya hendak merujuk kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Kalau kita lihat di sini bahawa TNB mestilah membayar RM4 bilion setahun kepada IPP tanpa mengira sama ada kapasiti elektrik digunakan sepenuhnya atau tidak. Itu jelas, tidak boleh hendak buat apa-apa pun. Sebab itu saya katakan tadi bahawa beban kos tersebut sebenarnya tidak berpadanan dengan keuntungan tahunan TNB yang berjumlah RM1.5 bilion setahun. Yang ia kena bayar kepada IPP sejumlah RM4 bilion, guna atau tidak guna tetapi kena bayar. Itu satu.

Kedua, saya hendak menyentuh tentang apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah tadi. Saya bersetuju sebab akhirnya apa yang boleh kita lakukan dalam keadaan kita terpaksa menghormati terma-terma yang sudah ada. Maka yang boleh kita lakukan barangkali ialah dari segi ehsan sebenarnya untuk kepentingan rakyat. Syarikat-syarikat seperti YTL, *Malakoff*, *Power Tech*, *Sime Darby*, Genting Sanyen, ini syarikat-syarikat besar takkanlah mereka ini tidak boleh bertolak ansur sedikit. Sebab itu sekurang-kurangnya IPP ini menyumbang kepada satu dana khusus untuk pembangunan TNB. Hasil keuntungan pula beri sedikitlah kepada satu dana khusus untuk pembangunan TNB supaya apabila ada perkongsian ini sedikit sebanyak menyelesaikan masalah sebab TNB ialah adalah nyawa kita, nyawa pembangunan dan sebagainya. Nyawa kepada rakyat juga yang memerlukannya. Sebab itu kalau tidak ada tolak ansur penyelesaian dan saya rasa kerajaan kena ambil inisiatif.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kenapa saya mengatakan tadi bahawa kita ini perlukan kepada Suruhanjaya untuk melihat perkara ini secara teliti. Kita tahu masalah yang sedang dihadapi. Saya ambil contoh pembinaan sebuah IPP terbaharu yang dianggarkan menelan belanja kos lebih kurang RM7 bilion dan apabila siap kelak TNB akan membayar antara RM1.2 bilion dan RM1.5 bilion. Dalam konteks ini, IPP boleh mendapat balik pelaburan pembinaannya dalam tempoh 6 hingga 7 tahun. Antara 6 hingga 7 tahun ia dapat balik. Dan selepas 7 tahun ia akan untung, untung dan untung sahaja tetapi yang rugi ialah TNB. Sebab itu saya katakan di peringkat awal tadi bahawa tujuan IPP memang baik kerana hendak mengatasi masalah yang pernah kita hadapi yang mengancam ekonomi kita satu ketika dahulu bila berlaku *blackout* seluruh negara dan sebagainya. Tetapi yang menjadi malang ialah apabila terma-terma ini dibuat kenapa perkara ini tidak difikirkan lebih awal sehingga CEO TNB dengan tidak segan silu mengatakan bahawa TNB akan bankrap. Inilah saya rasa harus menjadi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula isu pelajaran. Ini juga isu penting sebenarnya. Baru-baru ini TV3 menyiarkan masalah guru-guru ijazah yang menganggur yang mengambil kursus perguruan di universiti atas alasan bahawa pertama mereka bersaing dengan guru-guru lepasan maktab ataupun yang mengambil KPLI (Kursus Perguruan Lulusan Ijazah). Jadi guru-guru yang mengambil program ijazah perguruan ini selama empat tahun ini mereka bersaing dengan dua kumpulan dan akhirnya bila mereka tamat pengajian tidak mendapat pekerjaan.

Atas alasan juga ialah kerajaan mereka mengambil bukan subjek kritikal maka timbul masalah hingga kita baca dalam akhbar bahawa ada 60 orang lulusan ini berjumpa dengan Timbalan Menteri Pelajaran dalam satu majlis. Mereka menyatakan rasa kekecewaan mereka dan TV3 dalam lima hari berturut-turut menyiarkan perbincangan isu ini sehingga barulah Kementerian Pelajaran mengambil tindakan. Antaranya ialah mereka ini diberikan kursus semula iaitu kursus dalam bidang kritikal walaupun sebelum ini ambil dalam bidang pengurusan anak-anak kalau tidak silap saya. Tetapi mereka diminta masuk balik kursus dalam tempoh tujuh bulan tetapi dalam bidang kritikal. Itu antara penyelesaian yang dibuat.

Yang kedua ialah mereka ini mendaftar kalau mereka sanggup iaitu bekerja di kawasan-kawasan pedalaman. Kalau kita tengok respons memang ramai sekarang ini mereka yang mendaftar sanggup pergi ke pedalaman Sabah dan Sarawak.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, di sinilah sebenarnya silapnya falsafah pendidikan kita iaitu ilmu untuk ilmu, ilmu untuk *problem solving*, bukan ilmu untuk penghayatan. Maksud saya ialah apabila orang itu belajar Matematik, tujuannya adalah ilmu untuk ilmu, setakat dia hendak tahu 2 campur 3 mesti 5. kemudian ilmu untuk *problem solving* iaitu dia yakin bila dia ambil bidang Sains Matematik, dia akan mudah dapat kerja, selesailah. Maksudnya untuk *problem solving*.

Bukan kerana ilmu untuk penghayatan, menggunakan ilmu itu untuk apa juga tujuan untuk membangunkan dirinya, untuk membangunkan negara. Falsafah ini tidak ada. Sebab itu bila timbul masalah dia tidak dapat kerja, dia menyalahkan, dia tidak berusaha dengan cara lain. boleh memang boleh tetapi bagi saya, jika sebenarnya dia menghayati ilmu untuk ilmu, katalah Matematik, dia belajar Matematik itu dengan tujuannya dapat mendekatkan dirinya lagi kepada Tuhan, dengan keajaiban, dengan kehebatan alam, kehebatan yang dicipta oleh Allah ini, maka akan menguatkan kekuatan dalamannya. Yang ini tidak ada. Yang ini yang menimbulkan masalah.

Sebab itulah bila anak-anak sekarang ini, bila dia tengok ambil bidang perguruan, susah hendak dapat kerja, ambil bidang Matematik pun tidak dapat kerja, mereka tidak akan ambil bidang Matematik, mereka akan ambil bidang yang buat mereka boleh dapat kerja pula kerana mereka sudah dilatih dengan falsafah ilmu untuk ilmu, ilmu untuk *problem solving*, bukan ilmu untuk penghayatan.

Saya fikir, ini harus diperbetulkan, falsafah pendidikan ini. Sebab itulah saya menyokong tindakan Kementerian Pelajaran iaitu bahawa sistem peperiksaan kita, iaitu sistem peperiksaan kita ini diubahsuai. Yang dipanggil sebagai GAT. Saya tidak tahu maksudnya di dalam bahasa Inggeris tetapi maksudnya ujian kemampuan secara umum. *General Ability Test*, kalau tidak salah maksud saya. Iaitu bukan lagi kepada peperiksaan yang berasaskan kepada subjek-subjek yang wajib ini tetapi lebih kepada *school based assessment*, iaitu keupayaan di sekolah, iaitu melihat kemahiran-kemahirannya.

Kemahirannya itu yang di bina yang saya rasa ini sesuai dan saya setuju dengan apa yang saya lihat daripada cadangan yang telah dikemukakan oleh Menteri Pelajaran, akan menggunakan pendekatan ini dalam sistem peperiksaan kita supaya yang lebih penting ialah kita membangunkan potensi anak kita. Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anak kita ini mempunyai ratusan, puluhan, jutaan potensi yang ada pada diri mereka. Kalau kita mampu mengeksploitasi potensi mereka itu, maka terbangunkanlah satu potensi yang maha hebat. Tetapi kalau guru sendiri tidak faham falsafah mereka, tidak mampu membangunkan potensi anak mereka ini, apatah lagi ibu bapa yang sibuk dan sebagainya ini, yang dia sendiri pun tidak tahu anaknya banyak potensi.

Bila dia pergi mesyuarat PIBG, dia tengok anaknya boleh menyanyi, boleh berlakon, boleh memberi syarahan dalam bahasa Inggeris dia terkejut. Sebab dia tidak tahu potensi yang ada pada anaknya yang berjaya dibangunkan oleh guru. Bila anaknya pergi di *supermarket* hendak beli buku, dia kata, tidak payah, buku di rumah banyak. Sebenarnya dia membunuh potensi anaknya yang minat membaca. Itu saya kata bahawa apabila ibu bapa sendiri yang tidak berperanan membangunkan potensi, inilah yang menjadi masalah.

Ilmu untuk ilmu, ilmu untuk *problem solving*. Bapa dia kata ambil bidang ini, senang cari kerja tetapi bukan ilmu untuk penghayatan. Maka di sinilah kegagalan keseluruhan sistem pendidikan kita yang perlu diperbaiki sebenarnya. Dan, saya rasa oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan ini, dia kata, dia tidak perlukan pembangunan *populist* untuk dia

dilihat hebat, besar dan sebagainya, yang penting rakyat, pendidikan diutamakan, melabur wang yang banyak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pendidikan, maka ini yang perlu difikirkan.

Sebab itu, kadang-kadang saya amat kritikal bila melihat hala tuju pengajian tinggi di negara kita ini. Dan, saya baru sahaja baca, alhamdulillah, maksudnya, terima kasihlah apabila Kementerian Pengajian Tinggi sudah pun keluaran laporan hala tuju pengajian tinggi yang saya baca. Sekurang-kurangnya melegakan kita, hala tuju itu, ke mana hendak dibawa tetapi sekarang ini ialah soal implementasi, sebab itu saya baca tadi – Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang sekali lagi - berakhirnya ialah pelaksanaan itu mencapai matlamat. Saya baca pantun enam kerat.

Ikan sembilang si ikan kelar;

Sudah terkenal seluruh benua;

Awas jangan terkena sengat;

RMK-9 menjelang sudah;

Misi Nasional milik semua;

Tentukan pelaksanaan mencapai matlamat.

Jadi, pelaksanaan itu, yang ini yang dikatakan *delivery system*. *Delivery system* itu amat penting dan saya apabila melihat hala tuju pengajian tinggi berdasarkan laporan tersebut, saya berharap akhirnya, dari segi pelaksanaan itu, mesti ditunaikan supaya barulah kita boleh bermegah bahawa akhirnya negara kita ini akan menjadi hab pendidikan serantau.

Maka, dalam, soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan memberikan perhatian tentang IPTS kita ini. Institut Pengajian Tinggi Swasta yang juga di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Osman bin Bungsu: Mohon laluan, Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat pergi ke IPTS.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat Yang Berhormat telah berhujah tentang bagaimana meningkatkan modal insan terutama dari segi pendidikan. Kita tahu pelbagai pendekatan telah diguna pakai, telah disarankan oleh kementerian untuk meningkatkan modal insan ini. Apakah kita melihat tenaga guru itu sendiri, sebagai pelaksana, meningkatkan modal insan ini. Kalau kita lihat sebelum ini, bahawa beban tugas guru

semakin bertambah. Kalau ini tidak dapat diselesaikan, masalah beban tugas guru ini, bagaimana kita hendak meningkatkan modal insan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. sebenarnya bila saya hendak bercakap soal pendidikan ini, saya panggil dua, tiga orang kawan yang terlibat dalam pendidikan. Saya buat dalam bentuk, macam seminar, Tuan Yang di-Pertua, mendengar pandangan hujah mereka. Memanglah antara yang mereka bangkitkan ialah soal bebanan kerja yang menyebabkan mereka ini tertekan.

Sebab itu saya kata bahawa apabila kerajaan berhasrat untuk menaikkan taraf maktab perguruan kepada institut pendidikan, saya yakin bahawa tujuannya ialah kerajaan mengambil kira semua masalah-masalah ini, iaitu masalah bebanan kerja. Sebab itu, isunya sekarang bukan soal guru tidak cukup dan sebagainya. Kadang-kadang kita kata bahawa guru tidak cukup tetapi apabila berlaku lambakan guru, kita kata mereka ini pula mengambil bidang yang tidak kritikal. Pelbagai alasan, pusing sana, pusing sini.

Tetapi akhirnya yang paling penting ialah soal kualiti guru. Saya setuju bahawa sebab itu saya mengharap apabila maktab perguruan dinaikkan taraf kepada institut pendidikan, saya berharap bahawa ia bertujuan untuk meningkatkan kualiti perguruan. Institut perguruan ini tujuannya ialah untuk meningkatkan kualiti perguruan di negara kita supaya guru-guru ini sebenarnya adalah guru-guru yang mampu seperti mana yang saya sebut tadi, mampu untuk mengeksploitasi segala potensi yang ada kepada anak-anak kita ini.

Sebab bila sudah besar, bila sudah masuk universiti, hendak dibangunkan balik potensi itu sudah cukup rumit sebenarnya. Ia paling mudah potensi ini dieksploitasi semasa mereka masih berada di peringkat kanak-kanak tetapi kalau dia sudah besar, dia sudah menghisap dadah dan sebagainya, maksudnya gaya berfikirnya pun sempit tidak boleh berfikir, tidak suka berfikir, budaya berfikir tidak ada, memang rumit, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sebenarnya mengharapkan bahawa guru ini mesti di latih bahawa bukan maksudnya menjadi guru ini hanya setakat kerana hendak makan dan sebagainya tetapi ia adalah satu profesion yang cukup besar, yang cukup penting kepada negara dalam pembinaan modal insan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila sudah tersebut perkara ini, saya hendak sentuh, saya mengharap Kementerian Pelajaran yang sudah pun membuat keputusan, sebab saya,

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan penting. Agenda penting bagi saya ialah agenda pendidikan. Pegangan saya mudah, jika kita ingin keluar dari garis kemiskinan hidup, pendidikanlah jawapannya. Utamakanlah pendidikan, sebab itulah apabila berlaku perang di *Balkan, di Bosnia Herzegovina*, negara yang telah membangun runtuh. Sekolah-sekolah semua kena bom.

Bila kita hendak bagi duit kepada dia, dia kata kalau boleh duit bukan penting lagi bagi mereka, hantar guru-guru. Dia hendakkan guru untuk mendidik anak-anak mereka yang masih hidup ini. Pendidikan cukup penting sebenarnya. Tengoklah di mana-mana. Sebab itu negara kita sendiri pun apabila kerajaan mengambil pendekatan melalui pendidikan dalam soal pembangunan, maka lahirlah golongan kelas menengah ini berpunca daripada sistem pendidikan kita yang berjaya. Tetapi untuk menjadi sebuah negara yang membangun, yang maju – yang maju maksudnya menjelang 2020 – maka sistem perguruan kita perlu diperbetulkan.

Sebab itu saya mengharapkan Kementerian Pelajaran yang sudah pun bercadang hendak menubuhkan, mendirikan sekolah berasrama penuh di Batu Pahat ini jangan dibatalkan, jangan ditarik balik, teruskanlah pembinaan tersebut. Kalau tanah adalah masalah, saya yakin benda ini tidak boleh diselesaikan. Saya sendiri sanggup berjumpa dengan Kementerian Pertahanan supaya tanah mereka itu diberikan sahaja untuk pembinaan sekolah berasrama penuh sebab Batu Pahat ini tidak ada sekolah berasrama penuh berbanding tempat lain dan tempat lain ini semua mereka ada.

Saya bandingkan dengan kawasan sekeliling, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya minta Kementerian Pelajaran supaya pertimbangkan supaya pembinaan sekolah berasrama penuh ini penting. Sebab bagi saya ini penting untuk merangsang satu reformasi pendidikan kepada masyarakat sekeliling jika terbinanya sekolah berasrama penuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang IPTS ini. Apabila kerajaan memperkenalkan sistem liberalisasi pendidikan, pendemokrasian pendidikan, maka antara yang dilonggarkan, yang dipermudahkan ialah penubuhan IPTS, institut pengajian tinggi swasta ini, maka persaingan dalam bidang pendidikan menggalakkan pelajar-pelajar luar datang ke negara kita. Maka ini adalah satu tindakan yang baik sebenarnya kerana ini sebenarnya akan mempengaruhi proses pembangunan di negara kita. Tetapi kita lihat sekarang ini bahawa IPTS ini menghadapi masalah. Sebab itu saya ingin mencadangkan kalau boleh ada satu pelan khusus bagaimana maksudnya IPTS ini, khususnya IPTS bumiputera yang lagi teruk supaya mereka ini ada satu skim

khusus sekurang-kurangnya mereka ini digalakkan bergabung menjadi satu IPTS yang kuat sebenarnya. Mana-mana yang boleh digabungkan, digabungkan.

Kemudian saya mencadangkan juga supaya mereka ini mendapat bantuan dana jangka panjang ataupun *soft loan* untuk mereka membangunkan prasarana mereka. Tetapi apa yang berlaku, kita lihat seolah-olah mereka ini tidak mendapat perhatian. Baru-baru ini kita tengok program matrikulasi di 18 IPTS diberhentikan, ditamatkan. Akhirnya mereka tidak ada pelajar dan mereka tidak boleh hendak hidup. Sebab itu saya kata bahawa kerajaan harus memberikan perhatian kepada IPTS ini supaya kewujudan mereka benar-benar membantu. Usaha dan cita-cita kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini sebagai hab pendidikan yang terulung, khususnya di Asia dan ini cukup penting sebenarnya untuk diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya amat menyokong penuh keputusan kerajaan untuk menghidupkan balik UDA supaya pemilikan hartanah, khususnya orang-orang Melayu di kawasan bandar ini dapat dipertingkatkan semula. Apabila UDA diswastakan, dikorporatkan, maka kita lihat timbul banyak masalah, khususnya dari segi pemilikan hartanah orang-orang Melayu di kawasan bandar. Sebab itulah saya mengharap apabila kerajaan menghidupkan balik UDA, UDA ini diwujudkan kembali, diberikan peranannya seperti dahulu, maka ini saya yakin akan mendapat membantu sebenarnya, usaha untuk membantu orang bumiputera khususnya memiliki hartanah di kawasan-kawasan bandar supaya berlaku keseimbangan dari segi pembangunan yang kita sebut, yang wujud dalam lima pendekatan yang digunakan oleh kerajaan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan negara ini, saya hendak menyentuh juga tentang Cyberjaya ini. Apa jadi dengan Cyberjaya kita sekarang ini? Sebab sekarang ini saya rasa seolah-olah Cyberjaya ini semakin lama macam tidak mendapat perhatian, itu yang saya rasa dan lihat. Sebab itu saya pernah membangkitkan dalam dua, tiga soalan semasa kita bersidang ini iaitu apa yang kita hendak buat dengan Cyberjaya ini yang sudah diwujudkan sekian lama.

Sebab itu saya suka membandingkan dengan apa yang ada di Dalian iaitu industri *outsourcing* mereka ini. Penyumberluaran yang ada di Dalian yang sekarang ini sudah 500 syarikat yang wujud di Dalian dalam masa empat tahun kerana bukan sahaja mereka ini mempunyai tenaga kerja yang mahir, menguasai tiga bahasa termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Jepun tetapi saya melihat perancangan mereka itu, strategi

mereka itu. Kenapa perkara ini tidak boleh dibuat di Cyberjaya? Kita sudah ada Cyberjaya. Sebab itu saya harap bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kena lihat balik perancangan jangka panjang di Cyberjaya ini.

Saya ingin tahu setakat ini, apakah yang menjadi kerumitan sebenarnya kepada syarikat-syarikat besar ini. Kenapa mereka kurang berminat di Cyberjaya kalau betul tuduhan yang mengatakan bahawa mereka merasakan bahawa Cyberjaya ini banyak kekurangan. Saya tidak fikir kita ada masalah dari segi sumber tenaga kerja. Saya tidak fikir begitu. Sebab itu kalau kita ingin menjadi sebuah negara yang berjaya dalam bidang sains dan teknologi dan kita sekarang ini akan menumpukan dalam bidang bioteknologi. Maka kita harus melihat apa juga kejayaan yang ada di India termasuklah di China seperti mana yang saya di Dalian tadi sebagai satu perbandingan kepada kita melihat di mana sebenarnya kejayaan kita, di mana kelemahan kita dan apa yang perlu kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melihat soal pembangunan yang *sustainable* ini, dengan izin, pembangunan yang seimbang, keadilan sosial dan sebagainya, sudah tentulah isu-isu keselamatan amat penting kepada kita. Keselamatan adalah cukup penting kepada negara dan kita bersyukur bahawa di negara kita ini kita mampu sebenarnya menjaga keselamatan dengan baik. Sebab itulah kita tidak melihat berlakunya pengeboman seperti di Bali, di Jakarta dan di tempat-tempat lain. Kita ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada polis kita yang menjalankan tugas dengan baik.

Sekurang-kurangnya walaupun sebelum ini keluar di dalam satu berita di dalam akhbar *New Straits Times* muka depan, kenyataan Presiden Bush bahawa perancang yang mengebom World Trade Center (WTC), salah seorangnya datang dari Malaysia dan *New Straits Times* letak di muka hadapan berita tersebut seolah-olah bahawa kita mengiakan apa yang dikatakan oleh Presiden Bush. Ini Presiden Bush sendiri yang kata, yang membuat kenyataan tersebut.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting daripada itu bahawa negara kita bukan sarang komunis. Negara kita bukan sarang kepada *terrorist*, dengan izin, iaitu pengganas. Kejayaan polis adalah cukup besar. Sebab itulah saya merasakan bahawa tindakan polis yang tidak pernah luntur semangat mereka untuk menjaga keselamatan negara. Baru-baru ini mereka pula melahirkan satu program baru yang dipanggil sebagai Rakan Cop. Sebab itu bila baru-baru ini tiba berita mengenai rumah seorang menteri yang dipecahkan. Dua pembantu rumahnya bawa lari barang kemas dan sebagainya. Tetapi tidak sampai seminggu ditangkap. Kenapa? Kerana Rakan Cop.

Kebetulan orang yang buat aduan itu adalah orang yang mendaftar diri sebagai Rakan Cop dan polis sendiri dalam *delivery system* ini berjanji dia akan mempercepatkan proses penerimaan aduan dan proses mengambil tindakan yang dibawa oleh Rakan Cop ini. Sebab itulah bila saya menghadiri Majlis Pelancaran Rakan Cop di Batu Pahat, saya melihat ini adalah satu projek yang besar, yang penting, yang menunjukkan komitmen polis sebenarnya untuk menjaga keselamatan negara.

Sebab itu saya dukacita kalau ada sekiranya pihak yang cuba mempertikaikan keupayaan polis hanya kerana satu, dua perkara yang kecil, satu, dua kesilapan, kita memandang rendah kepada polis. Sebab itu baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, bila keluar dalam surat khabar tentang seorang penjenayah yang menunggu giliran untuk dihukum gantung kerana dia *murderer*, dengan izin, tetapi kerana dia ini orang terkenal, orang yang hebat sebelum ini, tetapi dia didapati bersalah.

Dia didapati bersalah kerana dia adalah pembunuh. Membunuh orang biasa iaitu seorang mekanik, *spare part*. Tetapi oleh kerana dia koma, dia terjatuh, dia koma. Maka, keluar dalam surat khabar berturut-turut mengatakan seolah-olah bahawa ada berlaku perkara yang tidak betul. Maka, akhirnya SUHAKAM terpaksa campur tangan untuk membuat siasatan. Saya bagi tunjuk Tuan Yang di-Pertua, ini gambar dia. *[Menunjukkan gambar yang dimaksudkan]* Seolah-olah bahawa dia hero pula. Padahal dia menunggu giliran. Sepatutnya perkara ini betul, kita boleh siarkan berita ini. Tetapi tidaklah boleh membawa kepada satu keadaan seolah-olah bahawa polis bersalah semasa dia dalam tahanan. Ini tidak adil sebenarnya kepada polis. Sebab itu saya kata bahawa media mempunyai peranan sebenarnya untuk memastikan.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebentar Yang Berhormat, ya. Media mempunyai peranan untuk memastikan bahawa tidak ada unsur-unsur seolah-olah polis ini tidak cekap. Ya, kita boleh mengeluarkan satu berita tentang peristiwa ini tetapi bila diturut-turutkan dan akhirnya SUHAKAM membuat keputusan. Membuat satu keputusan bahawa tidak ada *foul play*, dengan izin terhadap kes ini. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes yang disebutkan itu, nampaknya apa yang rakyat sentiasa menunggu-nunggu ialah supaya kebenaran itu diberitahu. Jadi, dalam siasatan yang telah dijalankan, nampaknya pada akhirnya kebenaran telah diketahui dan perkara itu tidak menjadi isu

lagi tetapi pokok daripada masalah ini Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju kepada saya ialah keyakinan.

Keyakinan terhadap imej polis dan sebagainya. Mungkin pihak polis dengan orang ramai dan dengan pihak-pihak tertentu kena mencari satu penyelesaian bagaimana kita dapat meningkatkan keyakinan orang ramai kepada polis.

Kalau semua yakin maka ini mungkin tidak menjadi isu lagi. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang keyakinan ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab pertanyaan Dato' Dr. Chin Fook Weng, bolehkah saya tahu berapa lama lagi Yang Berhormat perlu masa untuk menghabiskan perbincangan ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya ingat saya habiskan sampai jam satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung sikit nanti kemudian dalam sepuluh minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal keyakinan tadi, memang kita memerlukan supaya polis ini mempunyai satu imej yang baik, yang mana rakyat akan memberikan keyakinan yang penuh terhadap keupayaan polis. Tetapi apabila maksudnya ada pihak membesarkan sesuatu isu, tanpa memberi peluang kepada polis untuk membuat siasatan dan sebagainya, maka ini yang dikatakan bahawa boleh membangkitkan satu perasaan, salah faham seolah-olah polis tidak melakukan kerja dengan penuh tanggungjawab. Ini yang menjadi masalah sebenarnya.

Kita sebenarnya bukan tidak mahu dan saya rasa bahawa polis sendiri, kerajaan sendiri, Perdana Menteri sendiri yang menjaga kementerian ini, ya sudah berkali-kali bercakap bahawa polis mestilah bertindak dengan penuh hikmah. Polis mestilah cekap. Sebab itulah, polis juga memakai tag, "Kami Anti Rasuah" dan sebagainya. Tidak boleh kerana sesuatu isu tetapi apabila dia berlaku, maka kita menggambarkan seolah-olah polis ini langsung tidak bertanggungjawab.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Pohon laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat tentang Kempen Anti Rasuah. Adakah Kempen Anti Rasuah dilakukan oleh jabatan polis ini daripada kaca mata rakyat bahawa seolah-olah pasukan polis inilah yang melakukan rasuah daripada yang banyak

melakukan rasuah daripada jabatan lain? Tidakkah ini menjatuhkan maruah dan moral pasukan polis? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya rasuah adalah satu isu yang berlaku di mana-mana. Rasuah adalah satu perkara yang sebenarnya walaupun kita mempunyai perundangan yang cukup hebat, tetapi dari segi pelaksanaannya tidak dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, tidak menyelesaikan masalah. Rasuah adalah satu perkara yang melibatkan banyak benda. Bukan setakat memberi. Berjanji pun kalau tidak ditunaikan, kalau ikut definisi rasuah Tuan Yang di-Pertua, adalah rasuah sebenarnya. *Blackmail* pun sebenarnya rasuah. Ugutan ini rasuah sebenarnya. Bukan setakat bagi duit, ambil duit.

Banyak juga orang yang tidak faham, pengertian rasuah adalah begitu luas. *Blackmail* pun dianggap sebagai satu rasuah sebenarnya. Perkara ini berlaku kepada semua segenap lapisan masyarakat yang berpunca salah satu daripadanya soal birokrasi. Birokrasi yang biro yang keras dan basi ini, ya menyebabkan Tuan Yang di-Pertua memberi laluan perkara-perkara negatif ini berlaku. Sudah tentulah polis yang mempunyai satu organisasi yang besar, yang mana orang kadang-kadang untuk melepaskan diri dia, maka dia gunakan rasuah dan sebab itu saya kata bahawa jika berlaku perkara ini, tidak bermakna polis tidak mahu mengambil tindakan. Tetapi bukanlah mudah.

Sebab itu saya kata, kadang-kadang diri kita sendiri pun yang kita kata kita anti rasuah, tetapi apabila kita terlalai, teralpa, terlupa, benda yang sedikit pun sebenarnya boleh dianggap menjadi rasuah. Kita tidak amanah dari segi waktu pun sebenarnya rasuah. Tetapi kita tidak sedar. Sebab itu saya kata bahawa bukan satu perkara yang mudah tetapi yang jelas ialah polis tetap komited untuk menghapuskan rasuah ini. Polis tetap akan mengambil tindakan dan tidak pernah berselindung untuk melindungi sesiapa pun daripada gejala ini.

Datuk Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bangkit balik apa yang telah saya tanya baru-baru ini iaitu kedaulatan undang-undang dan kemakmuran negara, ya. Baru minggu sudah saya bertanya soalan ini dan rakan kita ada mengatakan bahawa kedaulatan undang-undang itu mestilah lebih tinggi dari kemakmuran negara, ya. Ini terbabit dengan isu Artikel 14. Walaupun forum itu dibuat

tanpa permit, ya tetapi di dalam Dewan ini kita telah mencemarkan dengan mengatakan forum itu ada permit.

Tetapi forum tidak ada permit. Dan di dalam forum itu kononnya adalah satu perbincangan yang agak baik, ya. Tetapi apa yang saya sudah dimaklumkan ya, ini adalah lampiran yang diberi kepada orang-orang yang hadir di situ, yang agak berbunyi perkauman sedikit yang menyentuh agama masing-masing. Jadi apabila perkara ini dihebahkan, dia jadi huru-hara di Pulau Pinang, di Cititel. Kalau kita tengok dari gambar, dari gambar ini pun kalau kita biarkan, mungkin akan jadi huru-hara di Pulau Pinang. Jadi polis mengambil tindakan, bukanlah polis kata berhenti terus forum itu. Polis cuma mengatakan bahawa pendekkan forum itu supaya daripada 200 orang yang datang pada pukul 8.00 pagi sampai ke pukul 11.00 pagi sudah jadi 500 orang dan kalau dipanjangkan lagi, mungkin akan jadi 1,000 orang dan akan jadi satu rusuhan yang tidak baik.

Jadi polis memendekkan forum. Tetapi kita mengatakan bahawa polis bertindak salah, tidak mendaulatkan undang-undang. Jadi saya hendak tanya sekali lagi Yang Berhormat, dalam isu ini, yang mana yang lebih baik? Undang-undang ataupun kemakmuran negara?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Benda yang samakah?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Lebih kurang. *You* hendak jawab itu dahulu?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya jawab ini dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau benda yang sama, tidak perlu jawablah, tidak perlu tanyalah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Melainkan perkara baru.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Perkara baru yang ada kaitan dengan perkara ini.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Ada kaitan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya jawab dahulu yang.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan jawab dahulu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa keutamaan kepada polis ialah ketenteraman awam. Tidak mengira soal kaum, soal

agama tertentu. Sebab itulah, apabila kumpulan Al-Arqam yang ketika itu cukup berpengaruh di negara kita, polis yang bertindak dengan penuh hikmah menyelesaikan kes ini untuk menamatkan ancaman kumpulan ini. Kita lihat kumpulan Al-Maunah, begitu juga, kerana terpengaruh dengan sentimen militan, berselindung di sebalik isu agama. Polis tidak ada tolak ansur dalam perkara ini. Apatah lagi dalam soal yang boleh membangkitkan rasa permusuhan perkauman. Sebab itulah, saya rasa dalam perkara ini kita ikut nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia kata tindakan kumpulan demonstrasi itu memang tidak wajar tetapi dalam masa yang sama dia kata, kita mestilah berhemah dalam membincangkan satu-satu isu yang sensitif. Sekurang-kurangnya polis tidak menggunakan Akta Hasutan untuk bertindak, memberi nasihat. Di samping kumpulan yang mengadakan tunjuk perasaan itu diambil tindakan, maka yang menganjurkan forum ini, yang sudah buat dua, tiga tempat. Maka, mereka ini juga diberi nasihat supaya tidak meneruskannya demi ketenteraman awam. Polis sudah ada banyak ditohmahlah, ISA dan sebagainya.

Tetapi kalau polis tidak menggunakan kebijaksanaan mereka, apatah lagi forum ini. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri sendiri yang menjawab. Saya baca dalam surat khabar semalam, dia menjawab mereka ini yang buat forum ini memang tidak ada permit. Betullah Yang Berhormat. Tetapi persoalan yang lebih penting kepada ini ialah bagi saya, polis sudah bertindak wajar iaitu menggunakan kewarasan dan pendekatan berhemah untuk menyelesaikan. Soal pembangunan ekonomikah, ketenteraman awamkah, kedua-duanya penting. Kedua-duanya paling memerlukan antara satu dengan lain.

Maksudnya pembangunan ekonomi tidak akan berjaya jika tidak ada keselamatan. Sebab itu juga keselamatan adalah perlu untuk kita menjamin pembangunan. Dia tidak timbul soal mana dahulu, ayam dahulukah, telur dahulu. Tetapi pokoknya Tuan Yang di-Pertua, saling memerlukan. Sebab itulah bagi saya, polis adalah satu institusi yang kita harus beri peluang sebab polis sendiri sebenarnya sudah menerima 125 cadangan dan syor di bawah satu jawatankuasa yang telah mengkaji apa yang perlu dilakukan untuk penambahbaikan ini. Yang saya bangkitkan tadi ialah media sebenarnya.

Media juga mempunyai satu tanggungjawab besar supaya jangan menimbulkan sesuatu isu, boleh menimbulkan salah faham. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam soal undang-undang ini ya, kita kena menghormati undang-undang yang sedia.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat banyak lagi perkara Yang Berhormat hendak jelaskan tadi. Memandangkan masa sudah cukup, Majlis membenarkan Yang Berhormat untuk meneruskan sedikit lagi pada petang ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa keseluruhan masa yang ada untuk perbahasan ialah 1080 minit. Bermakna sekiranya 10 orang nak berucap, seorang paling banyak diperuntukkan 100 minit, 108 minit. Kalau 20 orang, 54 minit seorang. Dan telah saya perkatikan bahawa perkara perbahasan di bawah Titah Ucapan dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini adalah lebih kurang sama inti sarinya. Dan telah juga saya perkatikan bahawa saya akan beri keutamaan kepada mereka yang tidak berpeluang berucap di bawah dalam perbahasan Titah Ucapan. Dan telah juga saya menjanjikan supaya Datuk Dayang Mahani diberi peluang keutamaan sebab beliau tidak berucap. Tetapi pada hari yang saya nak panggil beliau, beliau tidak ada.

Dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi telah berbahas selama 95 minit iaitu telah jauh melebihi kuota. Semua ini saya nyatakan supaya kita tidak terperangkap di bawah *half truth* dan salah faham, *let the facts been known so that proper unfair judgement be past*. Jadi saya jemput Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi untuk pertimbangkan segala yang saya katakan. Andainya beliau tak bijak guna budi bicara, saya akan guna kuasa meneghadkan ucapan beliau. Silakan Dr. Haji Mohd. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma perlu 10 minit sahaja. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tapi saya berpegang itu kepada sebagai janji.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat pertimbangkan setiap saat yang diambil oleh Puan Hajah Sharifah adalah ditolak daripada 10 minit. *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Biar saya menghabiskan dulu Yang Berhormat, *point* tadi yang, maafkan saya, fakta tadi yang perlu digulung dengan baik.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyatakan di sini bahawa akhirnya polis adalah pasukan yang bertanggungjawab untuk mempertahankan keselamatan negara. Dan ini adalah satu tugas dan tanggungjawab yang cukup berat kepada mereka. *Track record* mereka dengan izin adalah cukup baik daripada mereka mengatasi masalah ancaman komunis sehinggalah kepada persoalan-persoalan yang melibatkan soal kaum 13 Mei, soal-soal yang melibatkan soal agama seperti kumpulan Al-Arqam, Al-Maunah, JI dan sebagainya. Sehinggalah kepada isu-isu, kepada reformasi jalanan yang berlaku pada tahun 1998. Maka semuanya itu telah diatasi, diselesaikan oleh pihak polis dengan penuh tanggungjawab, dengan cukup sempurna meneruskan keselamatan negara dapat dijamin demi kita dapat meneruskan pembangunan negara kita dalam masyarakat yang berbilang kaum ini.

Atas dasar itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, dan saya dapati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam lawatannya dua, tiga hari lepas melihat projek-projek perumahan, polis yang terbengkalai termasuklah di beberapa tempat di negeri Johor ini. Harus diberi tindakan yang tegas kepada mereka yang terlibat, kontraktor-kontraktor yang gagal menyiapkan projek ini dengan baik, yang memberi kesan kepada polis dari segi kebajikan mereka, rumah mereka. Dan saya juga berharap kerajaan ini memberikan perhatian terhadap gaji mereka dan peralatan-peralatan mereka sehingga mereka ini kadang-kadang terpaksa memohon kepada wakil rakyat meminta bantuan komputer dan sebagainya. Yang menunjukkan bahawa mereka mahu menjadi pasukan yang cekap, efisien dan sebagainya. Tetapi kekurangan peralatan seperti komputer yang saya sebutkan tadi.

Di samping itu, saya juga berharap polis dipertingkatkan program latihan mereka seperti latihan mesra rakyat dan sebagainya. Dan saya juga berharap polis diberikan perhatian dari segi kemudahan-kemudahan kenaikan pangkat dan sebagainya. Yang Berhormat Puan Sharifah, nak bertanya pasal polis ke? Saya bagi laluan sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin tahu apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan kes-kes yang ditangkap di bawah Akta Darurat? Yang mana mereka ini ditangkap berasaskan kepada laporan, maklumat orang awam kerana kesalahan jenayah. Antaranya seperti ekor haram, gengsterisme, Along, simpan GRO, mesin kuda haram dan sebagainya. Tapi setelah mereka ini ditangkap, tapi

akhirnya beberapa kes yang telah kita dapati, mereka ini terpaksa dibebaskan oleh kerajaan kerana mahkamah telah memutuskan mereka ini bebas.

Saya ingat ada beberapa kes yang lalu, kalau kita baca dalam akhbar, kenapa perkara ini berlaku? Apakah kesilapan yang berlaku terhadap polis ini sendiri? Adakah mereka tangkap mereka-mereka yang di bawah Akta Darurat ini kerana mengikutkan perasaan dendam ataupun mereka ini benar-benar bersalah? Dan kenapa mereka ini terlepas kembali setelah kita sedia tahu siapa mereka ini sebenarnya. Mengapa tidak ada bukti-bukti yang betul-betul kukuh yang menyebabkan kerajaan atau polis itu boleh menahan mereka mengikut hukuman yang dikenakan? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini memang dibangkitkan oleh peguam negara. Sebab banyak kes akhirnya mereka yang dituduh itu terlepas kerana bahan-bahan bukti yang tidak mencukupi. Sebab itu saya kata tadi bahawa latihan ini, latihan kepada pihak polis khususnya dalam bidang jenayah ini perlu dipertingkatkan sebenarnya untuk memastikan bahawa cara mereka mengumpulkan bahan-bahan bukti itu adalah bahan yang cukup lengkap supaya memudahkan pendakwaan.

Dan ini saya fikir adalah proses yang mana pembaikan ini akan dilakukan oleh pihak polis dan saya tahu bahawa teguran Peguam Negara itu memang berasas dan sebab itulah kadang-kadang kita melihat orang itu apabila sudah dibebaskan oleh mahkamah. Kemudian dia keluar daripada mahkamah ditangkap balik sebab polis sebenarnya saya rasa mereka ini ada keyakinan. Cuma bahan pembuktian itu sebenarnya yang perlu diperbetulkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memendekkan...

Tuan Tay Puay Chuan: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi Tuan Yang di-Pertua, bab pelancongan, saya kena ringkaskan iaitu bahawa baru-baru ini apabila saya berada di Shenyang menghadiri dengan izin, International Horticulture Exposition di Shenyang dengan izin yang begitu besar, yang melibatkan keluasan 348 hektar. Apa yang menyedihkan saya ialah limas Malaysia, rumah Malaysia yang ada di dalam kawasan tersebut kosong, tidak ada apa-apa, tidak ada pengisian dan tidak ada pegawai kerajaan pun daripada Malaysia, TDC dan sebagainya di tempat itu dan yang ini cukup memalukan sebenarnya. Seolah-olah bahawa kita tidak begitu endah terhadap rumah

Malaysia yang dibina sebegitu rupa tetapi tidak ada pengisiannya. Bahkan yang menyedihkan ialah di dalam rumah itu, orang-orang Cina berniaga barang-barang daripada buatan China, bukan daripada Malaysia.

Yang ini saya harap bahagian pelancongan kena beri perhatian sebenarnya. Kemudiannya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh bahawa, saya ingin membetulkan sedikit faktalah. Saya tidak pernah meminta diwujudkan kementerian lelaki. Cuma saya minta kementerian yang sedia ada itu memberikan penumpuan juga kepada masalah yang dihadapi oleh kaum lelaki, yang kementerian lelaki itu dicadangkan oleh orang lain tetapi apabila baca dalam media, seolah-olah saya mencadangkan. Ini kena betulkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya memohon supaya di Dewan Negara ini, Ahli Dewan Negara ini juga diberikan perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Baru-baru ini kita hanya mendapat peruntukkan sebanyak RM150 ribu sepenggal. Jadi saya harap kalau boleh sebagai hadiah untuk Ahli-ahli Dewan Negara ini juga menyumbang kepada pembangunan negara, maka dinaikkanlah kalau boleh RM500 ribu sepenggal supaya sekurang-kurangnya dengan wang itu bolehlah juga Ahli Dewan Negara ini berperanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya ingin sampaikan dan saya memohon maaf kepada Senator Tuan Tay Puay Chuan kerana tidak dapat memberi laluan kerana mengejar masa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri masa sekarang kalau hendak beri laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Tay Puay Chuan: Tuan Yang di-Pertua kena bersimpati dengan saya. Yang Berhormat, saya memang setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa tiada siapa-siapa boleh menafikan sumbangan, jasa yang telah dicurahkan dan juga pengorbanan yang telah dibuat oleh polis untuk menjaga setiap individu terutama keselamatan nyawa dan harta benda mereka di dalam negara ini. Cuma disebabkan polis adalah merupakan penegak dan penguat kuasa undang-undang, jadi menyebabkan setiap tindak-tanduk, gerak-geri polis, setiap anggota mahupun pegawainya menjadi tarikan tumpuan orang ramai.

Jadi dalam aspek ini, saya rasa jabatan-jabatan dalam polis yang lain terutama sekali Cawangan Khas, PGA ataupun FRU, Marin semuanya telah dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik terutama sekali Cawangan Khas seperti yang Yang Berhormat katakan tadi, dapat menghapuskan kegiatan yang tidak begitu baik oleh AI-

Arqam, Ji mahupun pelampau-pelampau dalam negara kita. Jadi yang selalunya menjadi masalah ialah segelintir sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah perkara yang hendak dijelaskan?

Tuan Tay Puay Chuan: Saya hendak jelaskan ialah cuma bahagian yang biasa kendalikan kes-kes jenayah, Bahagian Jenayah, baik daripada segi tahanan, siasatan dan pendakwaan yang selalu menjadi tumpuan orang ramai kerana bahagian-bahagian inilah merupakan terdedah kepada peluang rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Jadi setuju kalau saya katakan Yang Berhormat pasukan polis harus memberi perhatian yang sepenuhnya terutama sekali ke atas Bahagian Jenayah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambah tiga minit untuk respons.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sudah maklum bahawa 125 cadangan sudah pun dikemukakan oleh satu badan suruhanjaya terhadap pembaikan polis ini. Dan polis sebenarnya kalau diikutkan daripada laporan, mereka sudah cuba melaksanakan, mereka melaksanakan 80 daripadanya. Tetapi ada perkara-perkara yang juga mereka mengatakan terlalu sensitif untuk dilaksanakan seperti soal lokap. Dia kata mana boleh pihak luar hendak masuk dalam lokap sewaktu orang itu dilokap untuk melihat apa yang berlaku. Ini soal keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah dalam soal ini kita melihat apabila pihak pembangkang Puan Teresa Kok Suh Sim sebagai contohnya membangkitkan isu wanita Taiwan yang dituduh wanita ini dianiayai oleh polis tetapi akhirnya terbukti bahawa pertuduhan itu adalah tidak benar. Wanita itu sebenarnya yang bercakap bohong. Tetapi apabila perkara ini di gembar gemburkan di dalam akhbar berturut-turut setiap hari, seolah-olah polis ini yang tidak betul.

Itu yang saya katakan tadi bahawa jangan kerana kita ini hendak mengamalkan satu dasar kebebasan, maka kita terlupa bahawa kita juga harus berhati-hati dan bersikap adil kepada pihak polis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas masa yang diberikan dan saya sebagai rakyat Malaysia amat mengharapkan Rancangan Malaysia Kesembilan ini benar-benar akan memenuhi cita-cita Perdana Menteri dan rakyat Malaysia keseluruhannya sebagai satu Misi Nasional yang menjadi milik kita semua bahawa kita akan dapat mencipta satu martabat bangsa yang tinggi, membina satu tamadun yang berjaya, yang menjadikan kita sebuah negara yang maju mengikut acuan kita sendiri. Sekian, saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah atau Datuk Hajah Dayang Mahani dahulu. Silakan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk bangun dan sama-sama berpeluang untuk membahaskan usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu untuk tahun 2006 sehingga 2010.

Pertama, saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua dan saya begitu berterima kasih atas perhatian Tuan Yang di-Pertua yang mengharapakan saya hadir tetapi untuk makluman sesi ini saya mohon maaf, saya kurang sihat kerana baru sahaja selesai menjalani *operation* Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, ucapan yang penuh bermakna ini semestinya menarik perhatian rakyat jelata yang ingin mengetahui tentang tumpuan kerajaan ke arah membangunkan negeri ini setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Membina tamadun, menjulang martabat negara, berpaksikan kepada slogan ini, kita mengorak langkah ke fasa kedua iaitu Misi Nasional 2006-2020. Dalam usaha mencapai Wawasan 2020, rancangan ini sememangnya relevan pada aspirasi dan situasi kini dan akan datang yang mencakupi isu-isu agenda negara.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada tumpuan pembangunan yang tidak seimbang, berbeza kemudahan infrastruktur dan peluang ekonomi yang tidak serupa menyebabkan ketidaksamarataan pendapatan. Keadaan ini wujud bukan sahaja di kalangan penduduk bandar dengan luar bandar, malah di kalangan wilayah dan juga kaum. Atas dasar itulah pendekatan serampang dua mata telah diperkenalkan semasa Dasar Ekonomi Baru ataupun DEB pada tahun 1971 iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan untuk menyusun semula masyarakat bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsinya.

Walaupun lebih 35 tahun DEB telah diperkenalkan namun kemiskinan masih merupakan fenomena yang serius yang perlu ditekankan. Keadaan kemiskinan sehingga tahun 2004 adalah 5.7% dan kemiskinan tegar 1.2%. Sasaran untuk Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan sehingga 2.8% dan 0% untuk kemiskinan tegar. Usaha murni ini adalah dialu-alukan kerana seperti mana yang telah dilaporkan bahawa Sabah mencatat kadar kemiskinan yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu sebanyak 23% dan dalam Malaysia sebanyak 5.7%.

Peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk negeri Sabah ialah sebanyak RM15.65 bilion di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan RM1.250 bilion di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI) adalah bersesuaian dan kalau boleh mungkin patut ditambah setelah saya menghuraikan masalah yang dihadapi oleh Sabah terutamanya di dalam merancang dan melaksanakan program dan projek pembasmian kemiskinan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan adalah masalah global dan Malaysia sejak dari dahulu lagi juga mempunyai masalah yang tersendiri berkaitan dengan isu kemiskinan. Walaupun begitu kerajaan secara berterusan telah berusaha membanteras gejala kemiskinan ini dan ianya tidak dapat dinafikan telah membuahkan hasil yang sangat signifikan dalam menurunkan peratusan sama ada dari segi kemiskinan tegar mahupun kemiskinan bandar apatah lagi kemiskinan di luar bandar.

Tidak dapat dinafikan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan program-program seperti skim pembiayaan ekonomi desa iaitu untuk memberikan bimbingan keusahawanan, khidmat sokongan perniagaan termasuklah aspek pemasaran, program bantuan rumah yang menyediakan dan memperbaiki pulih 4,000 buah rumah rakyat termiskin di luar bandar, membekalkan elektrik kepada 505 buah sekolah dan air kepada 206 buah sekolah khususnya di Sabah dan di Sarawak. Meningkatkan kebajikan kanak-kanak di luar bandar melalui persediaan makanan yang berkhasiat dan seimbang. Semua program ini amatlah relevan dan berfaedah khasnya kepada kanak-kanak dan pelajar-pelajar sekolah di luar bandar yang rata-ratanya memanglah datang daripada keluarga miskin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, *senses* yang terakhir dibuat di Sabah untuk KIR (Ketua Isi Rumah) ialah pada tahun 2004 dan terdapat sejumlah 23,457 rakyat termiskin, 19,534 miskin tegar dan 2,408 di klasifikasi sebagai rakyat miskin. Angka ini akan meningkat kerana metodologi atau pendekatan tahun 2005 yang diguna pakai ialah RM888 berbanding dengan metodologi sebelum ini pada paras RM503. Bermakna mereka yang berpendapatan di bawah RM503 sebulan tergolong dalam ketua isi rumah termiskin ataupun lebih dikenali sebagai miskin tegar. Maka dengan peningkatan paras garis kemiskinan tidak boleh dielakkan sasaran ataupun *target* PPJPS (Perancangan Pembangunan Jangka Panjang Sabah) untuk menurunkan kadar kemiskinan pada paras 6% menjelang tahun 2010 tidak akan tercapai.

Memang tidak boleh dinafikan usaha dan strategi kerajaan untuk menurunkan kadar kemiskinan dengan memberi penekanan kepada program-program seperti meningkatkan pendapatan, meningkatkan kualiti hidup, pembangunan insan, program pendidikan secara holistik memang berkesan dan ditokok tambah pula dengan sembilan program dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemudahan Dan Kejayaan (KRLT), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS), Program Pembangunan Taska, Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program ASB sejahtera telah menyumbang kepada kejayaan menurunkan jumlah rakyat termiskin di seluruh negeri Sabah.

Malangnya, semua usaha murni ini tidak dapat dicapai keseluruhannya dalam masa yang singkat akibat daripada kekurangan yang pertama ialah mengubah sikap kumpulan sasar itu sendiri. Perlu ada kerjasama, perlu ada kesedaran kumpulan sasar itu sendiri dan dibantu dengan galakan daripada pemimpin, daripada masyarakat sekitar dan gerakan yang bersepadu secara holistik.

Keduanya masalah yang dihadapi ialah liputan program perlu diperluaskan dan ditambah untuk negeri Sabah khasnya melalui peruntukan persekutuan. Inilah di antara sebabnya saya nampak sungguhpun jumlah itu besar tetapi masih kecil kalau kita lihat kepada masalah yang dihadapi oleh Sabah.

Yang ketiga ialah masalah taburan kumpulan sasar yang berjauhan dan terpencil di luar bandar seperti Likas, Beluran, Nabawan, Ngongot, Kota Belud, Kudat dan Tenom lebih menyulitkan bantuan yang diturunkan secara berkumpulan ataupun berkelompok untuk dilaksanakan untuk melihat supaya program ini lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM700 juta untuk golongan miskin seperti yang telah dibentangkan melalui Bajet 2006 yang memberi tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu kesihatan, pendidikan dan infrastruktur. Untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan merupakan satu komitmen yang serius dari kerajaan dalam menangani masalah ini. Adalah menjadi harapan supaya peruntukan ini dapat diturunkan dengan segera supaya tindakan dan program yang dirancang dapat dilaksanakan oleh agensi-agensi dan badan-badan kerajaan mahupun NGO agar dapat dinikmati oleh golongan sasar secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak teringat Yang Berhormat merupakan pilihan Dewan Undangan Negeri Sabah ataupun lantikan Seri Paduka Baginda?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Lantikan Seri Paduka Baginda. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan pertanian. Pertanian ditumpatkan sebagai tonggak yang ketiga pertumbuhan ekonomi dan dijangkakan berkembang sebanyak 5% di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita sedia maklum bahawa sektor pertanian merupakan sumber kegiatan utama ekonomi masyarakat luar bandar dan 37% daripada warga Malaysia berada di luar bandar. Tujuh daripada 13 negeri di Malaysia berada di luar bandar dan salah satu daripada negeri tersebut adalah negeri Sabah. Selain itu, 11.9% kemiskinan juga terdapat di luar bandar.

Oleh itu, kita memerlukan satu revolusi pertanian untuk memacu dan memartabatkan semua sektor ini ke tahap yang lebih tinggi dan lebih membanggakan. Sabah merupakan negeri yang menanam kelapa sawit dan mengeluarkan minyak sawit terbesar di negeri ini. Seluas 1.2 juta hektar atau 30% daripada keluasan negeri Malaysia ini dan mengeluarkan 4.8 juta tan minyak sawit iaitu 34% dari jumlah keluaran negara yang berjumlah 14 juta tan telah direkodkan pada penghujung tahun 2004.

Memperkenalkan bio-diesel dan minyak sawit sebagai bahan bakar alternatif, pada petroleum diesel, memperkembangkan produk *oily* kimia, bio-mesawit dan sebagainya akan menjadi pemangkin dan meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit dan secara langsung harga minyak sawit akan stabil atau mencapai kepada tahap yang lebih tinggi.

Penggunaan kepakaran *bio-tech*, kaedah pertanian moden dan teknologi secara meluas akan mempercepatkan hasrat negara untuk menjadi pengeksport bersih makanan menjelang tahun 2010. Oleh itu, golongan yang terlibat dalam sektor pertanian khususnya golongan miskin di luar bandar, tidak akan ketinggalan. Apa yang kita mahu Tuan Yang di-Pertua ialah, mereka diberi peluang secara sama rata dengan kemudahan yang ada untuk turut serta dalam meningkatkan pendapatan dan memartabatkan pembangunan negara.

Kami juga mengalu-alukan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, di mana UMS ataupun Universiti Malaysia Sabah akan mewujudkan satu fakulti yang memberi pengkhususan kepada pertanian kerana dengan terwujudnya fakulti ini, maka Malaysia akan dapat mempertingkatkan bilangan graduan dan tenaga terlatih dalam bidang pertanian yang amat-amat kita perlukan.

Cadangan kerajaan untuk mewujudkan *land bank* dengan izin, dan kelulusan dalam jawapan yang kita semua dengar semasa soal jawab, bahawasanya peruntukan

sebanyak 200 juta juga telah diluluskan untuk tujuan pembangunan pertanian di negeri. Adalah satu langkah yang bijak dan harus dilaksanakan dengan kadar yang segera, supaya dapat dikenal pasti kesesuaian tanah untuk tanaman tertentu yang berskala besar yang mampu menyumbang sumber ekonomi yang baru kepada negara kita.

Kami juga menyambut baik cadangan untuk mengubah Akta Nanas 1957 untuk membolehkan Lembaga Kilang Nanas Malaysia diperluaskan kepada Sabah dan Sarawak selain di Semenanjung Malaysia, memandangkan Sabah mempunyai tanah yang luas yang bersesuaian untuk tanaman nanas. Kami berharap penggubalan undang-undang ini dapat disegerakan supaya boleh dimanfaatkan oleh rakyat dan negara dari sudut hasil eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh sepintas lalu ialah bio-teknologi. Dalam membincangkan tentang ekonomi dan sumber baru, tidak dapat tidak kita akan membincangkan tentang bio-teknologi. Perdana Menteri kita juga amat serius dengan hal ini juga kerana ini adalah satu usaha kerajaan memodenkan sektor pertanian di samping memajukan lagi bidang-bidang lain seperti industri dan kesihatan agar mampu bergerak sama pantas dengan negara-negara lain di dunia. Sehingga sekarang banyak rancangan berkaitan dengan bio-teknologi sedang dibangunkan dan antara lainnya ialah memperkukuhkan keupayaan institusi negara yang berkaitan langsung seperti MARDI, MPOB dan Institut Penyelidikan Perubatan, pelaksanaan bio-produk *validation center* di Johor dan di negeri Sabah sendiri iaitu membangun, *Sabah Agro-Industry Precinct* atau pun SAIP sedang berjalan dengan lancar.

Bagi mengerakkan pembangunan bio-teknologi negara, kerajaan menubuhkan sebuah dana khas, iaitu *Malaysia Life Capital Fund* di bawah pengurusan *Malaysia Technology Corporation* untuk melabur dalam projek bio-teknologi. Malah kerajaan sendiri menyumbang RM100 juta ke dalam dana tersebut.

Sabah sememangnya kaya dengan pelbagai hayat *bio-diversity* yang perlu diterokai, dikomersialkan, dijenamakan agar ia tidak dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Dengan adanya Dasar Bio-Teknologi Negara, yang telah dilancarkan pada tahun 2005 dan pemaju pembangunan bio-teknologi secara bersepadu seperti Perbadanan Bio-Teknologi Malaysia maka penumpuan kepada bio-teknologi haruslah diberikan dengan lebih serius lagi termasuklah kepada negeri Sabah demi untuk memodenkan sektor pertanian dalam tempoh lima tahun mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah masalah dadah, negara kita pada tahun 80-an pernah mengadakan kempen secara

besar-besaran dan mengumumkan, bahawasanya dadah sebagai musuh negara nombor satu. Yang boleh mengancam keselamatan dan kestabilan negara, kini masalah penyalahgunaan dadah masih kekal menjadi serius, dan masih tidak nampak lagi tindakan positif yang betul dapat menangani masalah ini. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melaporkan bahawa sekitar 30 juta atau pun perpeuluhan 5% penduduk dunia, terutama sekali generasi muda dipercayai terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini.

Masalah dadah adalah masalah sosial yang perlu diatasi dengan pendekatan yang bersepadu atau pun *holistic* selain AIDS dan jenayah, masalah dadah harus terus-menerus akan menjadi agenda yang akan membebankan kerajaan kalau tidak ditangani secara berkesan. Berbagai-bagai usaha, program dan aktiviti seperti kempen, perang aktif yang dimainkan oleh NGO, agensi kerajaan dan segenap lapisan masyarakat di implementasikan, walaupun ia menunjukkan kejayaan, namun kita tidak boleh berpuas hati kerana penyalahgunaan najis dadah ini, masih aktif, masih menular jika tidak diperangi dengan lebih agresif dan dengan lebih komprehensif. Dalam hal ini...

Tuan Yang di-Pertua: Kita tahu bahawa budaya *substance abuse* ini, berlaku di kalangan mereka dari peradaban Inca dan Maya di Amerika Selatan, ribuan tahun, dengan mereka suka memakan daun koka. Kita tahu bahawa di "Benua Hemp" yang sekarang ini India, Pakistan, Afghanistan mereka banyak guna bahan-bahan dari pokok marijuana atau candu dan ketiga kita tahu bahawa terdapat dua perang dinamakan perang candu, *first opium war*, *second opium war* disebabkan oleh sebab pihak penjajah British hendak mahu lemahkan peradaban China. Berlakulah perang *opium wars*. Tetapi kita tidak maklum di bumi ini sama ada turun temurun terdapat dalam peradaban kita soal *substance abuse* selain daripada mereka makan sireh sahajalah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua dan bukan sahaja itu daripada hujah yang Tuan Yang di-Pertua, ternyata Tuan Yang di-Pertua telah meneliti dan telah mengetahui implikasi sebenarnya, tetapi masyarakat tidak mengambil kisah, seolah-olah mengambil candu itu terlalu istimewa atau keuntungannya terlalu lebih sampai sanggup kehilangan negara. Itu sebabnya ada terwujud sampai *opium war* dan begitu juga di negara kita, perundangan sampai hukuman mati juga tidak menghalang kepada sesiapa untuk terlibat sama ada

mengambil dadah itu, tetapi yang lebih menyedihkan biasanya "*the small fries are being court, the biggest fish,*" orang yang pengedar ini yang terlepas.

Kita juga tahu implikasinya, bagaimana dadah boleh melumpuhkan kerajaan dan masa depan negara. Bayangkan kalau sekiranya tindakan-tindakan - itu sebabnya saya memulakan dengan hujah-hujah ini tidak mengatakan bahawa kerajaan sambil lewa. Tidak. Kerajaan secara berterusan telah mengambil segala inisiatif, segala tindakan - daripada kempen, daripada perundangan, kesedaran, pemulihan dan begitu juga apa yang telah dibuat oleh NGO dan masyarakat - sokongan yang diberi. Kita berbangga bahawa semua ini telah dibuat. Tetapi dalam kita berbangga dan adalah peningkatan dari sudut - kurang tidak, tetapi untuk dia merebak dengan tidak terkawal, mungkin itu kejayaan kita.

Jadi saya berbangga. Terima kasih atas pandangan Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada program-program muda, khususnya Program Latihan Khidmat Negara. Walaupun terdapat beberapa masalah di sana sini, khususnya dalam menangani gelagat golongan remaja yang mengikuti program-program ini, tetapi sedikit sebanyak mereka telah berjaya untuk menanam ilmu, daya tahan, jati diri dan dari satu aspek lain, mereka juga mampu untuk mengelakkan golongan remaja ini dari terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan masalah-masalah sosial yang lain.

Situasi penyalahgunaan dadah yang kian menular khasnya di kawasan luar bandar, menjadi masalah yang lebih kompleks dan membimbangkan. Ini adalah kerana jumlah penagih dadah yang dikesan di negara ini sejak tahun 1988 ialah seramai 289,763 orang. Daripada jumlah itu, 32,808 orang dikesan pada tahun 2005 sahaja, dengan seramai 7,419 penagih yang berulang. Maknanya, sudahlah kita cuba untuk memperbaiki, pun masih kita gagal, berulang pula, dan jumlahnya bukan kecil, 7419 orang.

Rintihan daripada penyalahgunaan dadah ini mengakibatkan pelbagai masalah yang timbul terutamanya kemiskinan kian menular dan institusi keluarga akan porak-peranda. Kita dengar di akhbar, kita nampak didedahkan di akhbar, ada anak yang sampai sanggup membunuh ibu, bapa dan ada yang membunuh isteri akibat dadah. Begitulah masalah yang kita hadapi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya khususkan, oleh kerana saya datang daripada Sabah, saya ambillah masalah di Sabah itu sebagai pengkhususan. Di Sabah, sejumlah 5,363 penagih dadah dikesan pada tahun 2004 dan sejumlah 2,314

penagih dadah dikesan pada tahun 2005. Jenis dadah yang paling banyak dikesan ialah jenis *Syabu* ataupun *Methamphetamine*, dan jumlahnya ialah 25,287 bagi *Syabu* ini sahaja. Ganja 74 kes dan *Morphine* 71 kes. Dengan tertangkapnya lebih ramai penagih, masalah yang lagi satu yang dihadapi oleh Sabah ialah kita hanya mempunyai satu sahaja pusat pemulihan iaitu Pusat Serenti Papar atau lebih dikenali sebagai PUSPA, terletak di Kimanis yang penghuni setakat 28 April 2006 seramai 180 orang. Lima ribu lebih masalah, yang dapat kita tangani cuma 181 orang.

Saya rasa mungkin melalui Dewan yang mulia ini, saya suarakanlah. Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita menambah sekurang-kurangnya dua buah lagi pusat pemulihan. Mungkin satu dibina di Sandakan dan satu lagi Tawau kerana mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Negeri Sabah, penangkapan yang terbanyak memanglah di Kota Kinabalu iaitu pada tahun 2004 berjumlah 3,043 orang dan pada tahun 2005 berjumlah 2,097 orang. Selepas itu, disusuli oleh Sandakan dan Tawau. Saya rasa memang sesuaihlah, kerana ini pun bukan dekat - berjauhan. Dari Kota Kinabalu hendak ke Tawau itu, naik kapal terbang pun perlukan satu jam. Dia bukan satu tempat yang berdekatan.

Untuk kerajaan mampu menangani musuh negara nombor satu ini secara berkesan, kita juga mesti mencari jalan untuk melengkap keperluan dan memahami cabaran yang mereka hadapi agar pendekatan yang kita ambil ...

Tuan Ismail bin Kassim: Pohon laluan, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Bila Yang Berhormat membangkitkan soal penyalahgunaan dadah di Sabah dan mengikut angka yang dibentangkan tadi, yang terbesarnya adalah Kota Kinabalu. Saya dapatlah sedikit sebanyak gambaran dan pernah berada di Kota Kinabalu lebih daripada 45 hari ketika pilihan raya umum negeri dulu dan kebetulan ditugaskan untuk menjaga kawasan pondok darat, laut dan juga kawasan Sepanggar yang semua penduduknya dalam laut itu.

Sepanjang pemerhatian saya ketika di sana, saya melihat sarang pengedaran terbesar adalah di kawasan berkenaan. Saya difahamkan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk yang merupakan pendatang ataupun Bajau Laut - saya minta maaf, dengan izin, kalaulah perkara ini tidak menjadi sensitiviti kepada masyarakat berkenaan. Sebahagian besarnya ialah berlegar di kawasan berkenaan termasuk semua perkara-perkara maksiat yang ada di Kota Kinabalu adalah berpunca dari kawasan berkenaan.

Secara kebetulan saya bertanya kepada pihak keselamatan, kenapakah operasi pembersihan untuk mengelakkan segala gejala sosial yang terdapat di bandar Kota Kinabalu ini, tidak bermula di sana. Tetapi saya difahamkan pasukan keselamatan tidak berani masuk selepas pukul 12 malam. Tetapi kami yang bertugas ini masuk tidak mengira waktulah. Saya melihat bahawa di situ sebenarnya merupakan - kalaulah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bermakna kemasukan pendatang tanpa izin yang begitu ramai juga merupakan seolah-olah pencetus kepada masalah gejala dadah ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini orang kata, 'kita mengantuk disorongkan bantal'. Memang sesuai dan pandangan Yang Berhormat ini memang tepat. Cuma kita kadang-kadang hendak menyuarakan itu berhati-hati tentang sensitiviti kerana kalau kita dedahkan segala-galanya, seolah-olah orang Sabah ini memberi pandangan negatif kepada tindakan Kerajaan Persekutuan, seolah-olah Kerajaan Persekutuan mengambil ringan dan membiarkan orang Sabah teraniaya dalam keadaan ini. Tetapi sebenarnya, pada hakikatnya itulah dia.

Saya sebenarnya berterima kasih kerana saya akan huraikan masalah ini satu persatu dan di mana puncanya dan apa cara yang baik, yang boleh kita ambil untuk menjamin keselamatan orang Sabah. Bukan sahaja dari sudut dadah, dadah itu salah satu sahaja penyakitnya. Dia bawa penyakit, masalah dunia ini macam-macam pun melalui inilah. Mereka tinggal di rumah-rumah di tepi air itu, penyeludupan *ammunition* - senjata...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak perlu keberatan sebab negara kita, negara bersekutu.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan huraikan.

Tuan Yang di-Pertua: Perlembagaannya pun disebutkan Perlembagaan Persekutuan...

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...dan Dewan Negara adalah di antara institusi penegak federalisme.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih. Saya rasa lebih terjamin, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya, ada satu kawasan di

Tawau, ramai di antara Ahli-ahli Dewan ataupun pegawai-pegawai kerajaan di depan atau di belakang saya ini, yang biasa ke Sabah dan tahu sangatlah kalau yang datang ke Tawau, tahu dengan satu kawasan yang digelar 'icebox.' *Icebox* ini, kalau dikatakan *ice* sejuk bukan? Jadi, kalau *icebox* ini orang kata, "Eh *very cold area, you know*", tetapi itulah yang paling hangat. Sebab walaupun pegawai polis yang membawa M16 kalau dia seorang diri, walaupun empat orang, dia tidak berani masuk melainkan ada gerakan bersepadu yang mungkin melibatkan 100 atau 200 kakitangan sebelum menyerbu kawasan ini kerana rumah mereka di tepi laut. Dia orang bawa pakai perahu *kumpit* sahaja, *landing* di bawah rumah, di bawah kolong dia orang panggil sana, di bawah rumah ya. Dia naikkanlah semua dia punya senjata di atas. *You* dekat, habis. Ini bukan satu nama dia bilang sesuai dipanggil atau digelar kawasan itu *ice box*. Itu kawasan panas itu.

Saya pun bersyukurlah dan berterima kasih kerana kerajaan telah bertindak. Tetapi inilah di antara masalahnya, jadi untuk mendengar, oleh kerana saya menghuraikan

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin disebut *ice box* itu sebab *syabu* tadi dikenali sebagai *ice*. Kalau ia tempat pengedaran *syabu* maka tepat sekali disebut *ice box*.

Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae: Betul Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya menumpukan perbincangan saya kepada dadah, saya tidak akan meleret kepada yang lain, nanti saya tidak cukup menyentuh kepada yang lain, mungkin sesuai untuk kita mengenali cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Sabah dalam menguatkuasakan ke atas penyeludupan dan pengedaran dadah di Sabah. Kita dengar ini apa masalahnya:

- (i) sempadan dan pesisiran pantai yang amat luas iaitu 1,440 kilometer ini menyukarkan penguatkuasaan ke atas penyeludupan dadah;
- (ii) pergerakan imigran haram atau pun PTI dari negara Filipina dan Indonesia ke Sabah amat mudah berdasarkan struktur dan lokasi Sabah yang begitu hampir dengan negara-negara tersebut;
- (iii) penempatan setinggan pinggir bandar, perumahan atas air sebagaimana Yang Berhormat lawat itulah dan PTI menyumbang kepada masalah-masalah sosial ini;
- (iv) trend terkini masalah kegiatan dadah ialah kebanyakan pengedar dadah memperalatkan kanak-kanak yang tidak diterima oleh

negara asal, mereka juga tidak diterima oleh negara kita dan penuduhan kepada kanak-kanak ini juga sukar dilakukan kerana kebanyakan daripada mereka ini adalah alat pengedar dadah tetapi masalah yang akan bertambah serius ialah apabila kanak-kanak ini meningkat dewasa dan kebarangkalian mereka ini terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah amat tinggi;

- (v) keputusan ujian air kencing lewat diterima dan ujian air kencing hanya boleh diproses di Hospital Queen Elizabeth;
- (vi) kekurangan pengesan dadah di pintu masuk lapangan terbang ataupun pelabuhan adalah disebabkan ketiadaan mesin pengimbas dadah mudah alih dan alat pengesan dadah jenis Alfa 6 juga tiada;
- (vii) pendakwaan dan pembicaraan pesalah dadah menjadi kurang rumit disebabkan:
 - (a) majistret tidak berpusat di setiap daerah, contohnya daerah-daerah seperti Kudat, Kota Marudu, Tuaran, Papar, Penampang, Beaufort dan Sipitang. Kita jangan lupa kepada kawasan negeri Sabah ini, umpamanya Dayang daripada Bahagian sahaja iaitu Bahagian Sipitang. Bahagian Sipitang ini keluasan sama seperti Negeri Sembilan. Itu satu Bahagian sahaja;
 - (b) majistret hanya hadir berdasarkan jadual yang telah ditetapkan oleh pihak mahkamah dan pada kebiasaannya permohonan reman dan pendakwaan awal dilakukan di hadapan Pegawai Daerah;
- (viii) kekurangan anggota dan logistik. Kekuatan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik bagi seluruh negeri Sabah hanyalah seramai 183 orang dan sembilan daerah tidak mempunyai ketua bahagian siasatan jenayah narkotik daerah berbanding dengan 20 daerah yang terdapat di negeri Sabah.

Oleh yang demikian, kebanyakan kes-kes narkotik yang disiasat oleh pegawai-pegawai penyiasat yang tidak ada pengalaman dalam selok-belok penyiasatan kes-kes narkotik dan kebanyakan daerah tidak dibekalkan kenderaan khas untuk penugasan

narkotik seperti penugasan intipan dan operasi berkaitan dengan penugasan risikan narkotik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kita berhasrat untuk mengubat seseorang pesakit, kita mesti tahu apakah jenis penyakit yang dihidapi, barulah mungkin kita boleh rekomen atau cadangkan ubat yang sesuai untuk merawat penyakit tersebut. Dengan mengetahui cabaran dan masalah yang dihadapi oleh jabatan yang dipertanggungjawabkan, saya berharap agar kementerian berkenaan dapat mengambil cadangan-cadangan dan usul-usul ataupun *remedy*, dengan izin yang dikemukakan supaya usaha murni kerajaan, agensi dan NGO tidak membuang masa dan wang yang banyak.

Saya ingin mengutarakan di antara cadangan-cadangan. Saya mengambil masa untuk *interview* pegawai-pegawai ini, apa sebenarnya masalah sebab kita rasa begitu tertekan dan rasa muak kerana sudah banyak sangat usaha kita buat masih kita tidak dapat penyelesaian yang boleh kita banggakan. Di antara pendekatan ataupun cadangan yang telah mereka kemukakan ialah:

- (i) pergerakan imigran haram daripada negara Filipina dan Indonesia di Sabah perlu dikawal disebabkan kebanyakan golongan ini terlibat dengan pengedaran dan penagih dadah terutama jenis *syabu*;
- (ii) penempatan setinggan pinggir bandar, perumahan atas air dan PTI perlu dirobohkan kerana kebanyakan tempat ini ialah tempat menyembunyian para pengedar dan penagih dan hal-hal yang lain;
- (iii) keputusan ujian air kencing yang diproses di Hospital Queen Elizabeth perlu dipercepatkan kerana tempoh penahanan ke atas penagih dadah hanyalah 14 hari. Sekiranya dalam tempoh tersebut tiada keputusan maka penagih-penagih yang ditahan perlu dibebaskan dan ini menyukarkan lagi pihak polis untuk mengesan kembali penagih-penagih tersebut;
- (iv) mesin pengimbas dadah mudah alih atau mesin pengesan dadah Alfa 6 perlu disediakan di semua pintu masuk ke Sabah seperti di lapangan terbang, pelabuhan dan jeti-jeti. Ini adalah untuk memastikan bahawa dadah dapat dikesan dengan mudah semasa memasuki lapangan terbang atau pelabuhan atau jeti-jeti

di Sabah. Kini pihak JSJM Sabah hanya boleh bertindak berdasarkan maklumat risikan sahaja;

- (v) cadangan dalam memastikan bahawa proses pendakwaan dan pembicaraan pesalah dadah dapat berjalan dengan lancar dan efisien:
 - (a) majistret perlu berpusat di semua daerah di Sabah. Ini akan mempercepatkan proses pendakwaan dan pembicaraan terhadap pesalah dadah;
 - (b) memastikan bahawa kes-kes di bawah Seksyen 39(b) dan 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952, diberi jaminan sementara menunggu perbicaraan di mahkamah;
- (vi) keanggotaan dan kemudahan logistik Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik perlu dipertingkatkan. Ini bagi memastikan bahawa penugasan penguatkuasaan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Sabah dapat berjalan dengan lancar.

Justeru itu, di dalam melangkah ke arah ekonomi yang berasaskan kepada pengetahuan dan pencapaian matlamat jangka panjang untuk menjadikan Malaysia negara bebas dadah menjelang tahun 2015, penumpuan modal insan menjadi tonggak di dalam memartabatkan bangsa. Harapan kita juga ialah menjelang tahun 2020, Malaysia akan dapat menjadi negara bersatu, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, penyayang dan mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang bersaing, dinamik, cergas dan kental.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengimbang dan memacu pembangunan Wilayah peruntukan bagi negeri Sabah yang ketiga terbesar selepas Wilayah Persekutuan dan Selangor, iaitu sebanyak RM16.90 bilion sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan berbanding RM13.18 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kelapan adalah pemangkin kepada pembangunan negeri terutamanya dalam menyediakan kemudahan infrastruktur bekalan air dan elektrik selain daripada projek dan pembangunan pembasmian kemiskinan. Saya cuma ingin menyuarakan satu dua tiga contoh untuk sama-sama kita amati dan juga mungkin menyuarakan kekesalan ataupun ketidakpuasan hati saya rasanya ataupun *mismatching*. Seperti mana untuk makluman Dewan yang mulia ini saya tidak sempat hendak buat keratan akhbar di Sabah apabila muka depan dengan izin *'The Second Biggest Naval Base built in Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu* tidak mempunyai air dan elektrik'. Terus tersentak *because* benda-benda begini kadang-

kadang kita tidak tahu tetapi sekali sekala dikeluarkan di dalam akhbar *you* terperanjat. Jadi saya mengharapkan ini cuma satu bayangkan ini bukan kecil tetapi ini adalah projek yang berbilion ringgit *Naval Base* yang kedua terbesar tidak ada kemudahan air dan elektrik sampai saat ini.

Yang kedua, juga dipamerkan dan diakui oleh kerajaan. Dalam rancangan Malaysia ini barulah hendak kita sediakan kemudahan elektrik untuk 505 buah sekolah air untuk 260 buah sekolah. Kadang-kadang kita persoalkan *why build*, kenapa kita bina kalau tidak ada kemudahan ini. Jadi susah hendak kita buat penjelasan tetapi saya bersyukurlah sekarang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan telah disediakan untuk memastikan bahawa 505 buah sekolah ini akan mendapat bekalan elektrik dan 260 buah sekolah akan menerima bekalan air.

Baru-baru ini juga, saya suka *driving* Tuan Yang di-Pertua dan baru-baru ini saya cuma hendak *study* apa masalah trafik di Kota Kinabalu. Kalau di Kuala Lumpur masalah trafik ini memang perkara biasa, bila hujan sikit sahaja sudah tidak boleh jalan. Saya pun selalu kata *I cannot stand to be in Kuala Lumpur* I tidak boleh tahan *pressure in the traffic* tetapi di Kota Kinabalu *pressure*nya lebih kurang dengan Kuala Lumpur. Dan di antara sebabnya ialah ini oleh kerana pembangunanlah kononnya sekarang kita berterima kasih kepada kerajaan Persekutuan kerana membina *flyover* di Persimpangan Karamuning itu tetapi pembangunan yang dibuat oleh kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira kemampuan kerajaan negeri *the state road*. *You have a very big structure with flyover under construction* lepas itu turun kepada *bottleneck* jalan kecil iaitu jalan kerajaan negeri. Jadi *you create a bottleneck*. Memanglah tujuan utamanya untuk melegakan trafik tetapi akhirnya dia bukan lagi hendak melegakan tetapi sebaliknya lagi mencemaskan keadaan oleh kerana sekarang apabila ia sampai kepada terus sampai ke *bottle neck* kepada jalan-jalan yang kecil.

Saya menyentuh perkara ini sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua bukanlah hendak mencari hal, tidak. Niat saya ialah tidak mahu orang pandang seolah-olah tidak ada koordinasi atau *there is a lack of coordination between the State and the Federal, which is also not nice*. And then seolah-olah projek ini dilaksanakan tidak mengambil kira faktor-faktor yang lain. Macam mana kita hendak pupuk bilangan ICT di sekolah sedangkan elektrik tidak ada. Macam mana kita hendak pupuk kebersihan di sekolah-sekolah sedangkan air tidak ada. *I mean these are the simple question that ot to be ...*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Mohon laluan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae: Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara kelalaian dan kurang koordinasi dan sebagainya bukankah ini satu isu yang ada di negeri-negeri lain bukan di Sabah sahaja. Mungkin rakyat Sabah jangan perlu memikirkan bahawa mereka dianaktirikan dan sebagainya. Bukankah ini satu isu penyampaian

Tuan Yang di-Pertua: *Delivery system.*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *Delivery system* yang sekarang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan merupakan satu daripada isu yang kena diatasi. Kalau kita lihat itu mungkin kita senang hati sikit dan jangan anggap bahawa Sabah dan Sarawak tidak dibantu. Saya rasa di Pulau Pinang pun demikian Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah minta satu stesen bas sudah janji, 2 tahun masih belum dibina. So ini salah sistem penyampaian. Terima kasih.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae: Terima kasih sahabat saya Datuk Dr. Chin. Sebenarnya jangan salah anggap. Saya tidak rasa bahawa Sabah teraniaya. Sebenarnya saya menyampaikan kerana saya orang Sabah jadi saya cuma sentuh masalah di Sabah. Saya tidak boleh sentuh masalah di Pulau Pinang dan saya tidak tahu pun apa yang berlaku di Pulau Pinang mungkin lebih teruk lagi daripada Sabah saya tidak tahu. Tetapi saya cuma hendak memberi bayangan. Kalau saya hendak sentuh satu persatu daripada satu kawasan ke satu kawasan mungkin tidak habis.

Yang saya tengok ini sepiantas lalu, sekadar memberi bayangan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi kita satu rancangan Malaysia yang begitu cantik tetapi satu rancangan yang begitu cantik tidak bermakna kalau pelaksanaannya tidak betul dan jangan ada di hati pegawai memikirkan bahawa kita sebagai wakil rakyat tahu hendak kritik sahaja. Bukan begitu tetapi niat kita kalau boleh tidak payah kritik kerana kita berbangga dengan prestasi penghayatan pegawai-pegawai kerajaan. Tetapi sekiranya wujud kelemahan-kelemahan seperti ini sebagai orang yang sayangkan kerajaan, sebagai ahli politik yang membela kerajaan dan kita mahu kekal sebagai pentadbir kita rasa malu, kita rasa aib kerana seolah-olah kita sengaja biarkan kita tidak berani hendak *criticize* kerana *we are the government, so what. Would you respect I am not here* ada orang kata, *you are there just to criticize but you are not there to contribute. I am here to criticize but at the same time I am here to contribute* supaya tidak menjadi masalah di masa yang akan datang.

Jadi saya berterima kasih kepada Datuk Dr. Chin kerana memikirkan dan menegur saya tetapi *just be assured, I didn't think like that. I know there is so many problem elsewhere but I have no right to say. I have every right to say in the case of Sabah and in particular in Kota Kinabalu*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dan saya faham ini semuanya memang masalah penyampaian. Itu sebab kadang-kadang sensitif juga apabila kita cakap pasal penyampaian *but we cannot run away*. Daripada tidak menegur kita memang harapan kita kepada *success* Rancangan Malaysia Kesembilan ini *a'azzubillah* punya tinggilah kerana kita tahu bahawa masa kita begitu terhad untuk sampai kepada tahap 2020 ini. Jadi *we have to be very efficient now otherwise we have so much loses in front of us. This is what we call opportunity lost*. Jadi kita tidak mahu peluang itu terabai begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak menyentuh sistem penyampaian hendaklah lebih berkesan, hendaklah cekap dan mesra. Dengan adanya ICT usaha-usaha seperti *e-governemnt, e-filing* oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan *i-account* oleh KWSP dan sebagainya. Sama ada oleh pihak kerajaan mahupun swasta dapat menyampaikan informasi dan perkhidmatan secara *on line* sistem ini hendak diteruskan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan dikemaskinikan di dalam memberikan kemudahan kepada pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu setiap anggota rakyat Malaysia haruslah memainkan peranan aktif memberi sumbangan positif menjana pertumbuhan ekonomi negara. Kita mahu semua kaum terlibat sepenuhnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan ini seterusnya merealisasikan Wawasan 2020. Ekoran dari itu marilah kita berganding bahu di dalam melaksanakan dasar-dasar yang terkandung di dalam rancangan Malaysia ini dengan mengambil tindakan yang sewajarnya demi mendukung inspirasi negara. Dengan kata-kata yang demikian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, kerana menepati janji. Dahulu minta 45 minit, termasuk masa kecederaan. Kita kira 45 minit, ya. Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

3.40 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang bagi saya membahar usul RMK-9 yang di bentang oleh Perdana Menteri pada 31 Mac dan diulangi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Mei di Dewan Negara yang mulia ini.

Sebelum memulakan perbahasan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan ataupun mengingatkan diri saya sendiri dan menyeru kepada pegawai-pegawai yang sedang mendengar perbahasan kita pada hari ini bahawa dalam perbahasan *budget* tahun 2006 yang dahulunya, satu pun soalan saya dan pandangan saya tidak menerima *responds* langsung.

Keduanya, tolonglah jangan keliru saya dengan Yang Berhormat Datuk M. Ratnam. Ini Dr. Norraesah, Datuk M. Ratnam yang lain, jadi soalan Datuk M. Ratnam itu diberi sebagai jawapan kepada soalan saya. Jadi saya berharap pegawai-pegawai yang berkenaan daripada kementerian-kementerian yang berkenaan yang akan saya sentuh isu-isu ada bersama di sini dan tolonglah catat. Kalau mencari helah tidak mahu menjawab, itu soalan lain tetapi sekurang-kurangnya tolong catat apa yang hendak kita bahaskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah yang dipercakapkan dan dibahaskan di sini. Ada isu-isu yang ramai sudah pun menempuh soal pendidikan, soal keusahawanan dan soal pertanian dan lain-lain. Tetapi satu perkara yang kita lupa dalam permulaan perbahasan kita ialah merenung, melihat dan menganalisis apa ertinya perancangan itu sendiri. Rancangan ekonomi, pembangunan sosioekonomi adalah satu perkara yang amat sukar dilakukan dalam persekitaran ataupun keadaan yang normal, yang biasa, di mana penduduk negara adalah *homogeneous*, tidak ada perbezaan etnik ataupun perkauman. Ianya sukar dalam keadaan itu.

Keduanya ialah sukar dilakukan dalam keadaan persekitaran dunia yang kian bergolak dan kian berubah, maka ia menjadi kesukaran yang amat mencabar.

Ketiga ialah dalam pergolakan dan perubahan dunia ini, kita juga menghadapi ketidakseimbangan di antara penduduk kita. Ketidakseimbangan di antara kaum, di antara bandar dan luar bandar, di antara intra-kaum dan juga di antara *region*. Jadi, kita hendak mencapai keseimbangan antarabangsa dunia dengan dunia dan dengan antara kita di dalam persekitaran dalaman kita.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada mereka yang berkenaan, yang mengambil masa dan mencurahkan segala tenaga untuk menghadiahkan kepada kita satu Rancangan Malaysia Kesembilan yang amat baik dari segi falsafah, dari segi pendekatan, strategi dan juga program yang dikenal pasti.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Mustafa Mohammad, bekas Menteri yang bertanggungjawab tentang ini dan juga Datuk Effendy dan juga pekerja-

pekerja mereka, tetapi jangan kita lupa mereka yang sudah pun menanam bakti di dalam merangka Rancangan Malaysia yang amat baik ini.

Saya mengatakan Rancangan Malaysia ini adalah baik, Tuan Yang di-Pertua, orang kerana falsafahnya dan pendekatannya berlainan daripada yang lain-lain terdahulu daripada ini, oleh kerana ia tidak mengambil kaedah ataupun pendekatan *sectorial* tetapi falsafah-falsafah tertentu. Dan ini adalah kelainan. Saya mengucapkan syabas kerana ia membawa erti yang lebih mendalam dan pada saya teras yang kelima itu adalah satu yang harus kita pegang sebagai satu yang keramat, yang harus kita majukan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimuliakan, tenaga pekerja di masa hadapan, bakal Speaker Dewan Negara, bakal Ahli-ahli Dewan negara, bakal pemimpin kita adalah mereka yang berada di dalam *classroom* sekarang ini. Di dalam bilik belajar di sekolah-sekolah. Maka dengan itu, modal insan yang dipercakapkan dan diberi fokus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sesuatu yang seharusnya kita lakukan.

Pendidikan menjadi asas kepada segala-galanya dan saya ingin mengambil kesempatan untuk menghurai sedikit pandangan saya tentang pendidikan dan pembelajaran. Sungguhpun ramai sudah bercakap tentang ini tetapi saya ingin melihat daripada aspek dan perspektif yang berlainan sedikit. Apakah yang dikatakan sebagai modal insan?

Seseorang insan itu bukan lagi belum menjadi modal sekiranya ia menjadi seorang yang berguna mempunyai ilmu pengetahuan, mempunyai disiplin diri, sistem nilai yang baik dan tinggi, berproduktif, maka ia adalah modal insan. Kalau tidak ia adalah beban, ia menjadi kos kepada negara, ia menjadi kos dalam pembangunan kita dan *opportunity cost, lost is lost forever*, dengan izin, seperti Yang Berhormat Datuk Dayang sebutkan tadi.

Jadi, saya melihat dari segi pasaran pekerjaan sebagai seorang yang mengambil pekerja di syarikat-syarikat. Saya melihat bahawa sungguhpun Malaysia sudah pun menunjukkan kebanggaan pencapaian yang tinggi dalam pertumbuhan ekonomi, sungguhpun kita dapat menunjukkan keupayaan, *thinking out of the box*, dengan izin, kita dapat keluaran diri kita daripada krisis demi krisis dan dapat pula memulihkan ekonomi kita dengan begitu cepat dalam dua-tiga tahun.

Kita dapat mempertahankan kedudukan sektor komoditi kita dengan baik dan sektor komoditi kita yang kita pertahankan ini sudah pun menjadi *instrument counter-*

cyclical, dengan izin, kepada beberapa kemelesetan ekonomi yang kita rasai tahun 1985 dan tahun 1997, umpamanya.

Thinking out of the box ini Tuan Yang di-Pertua, ialah satu kelainan dan satu kecemerlangan Malaysia. Umpamanya, saya ambil misalan, krisis kewangan dan ekonomi pada tahun 1997. Di masa itu saya mengetuai satu bank antarabangsa di Malaysia. Apabila kita mengambil *selective exchange control*, mereka menyatakan bahawa Malaysia sudah pun menjerumus ke dalam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *black hold of capital*.

Tetapi oleh kerana seorang yang bernama *Crookman* datang, menyatakan bahawa tindakan kita itu adalah yang terbaik, kita pun terselamat. Maknanya orang yang mata biru itu lebih dipercayai daripada yang bermata *brown*, coklat dan mata hitam ini. Tuan Yang di-Pertua, modal insan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di Aceh banyak mata biru tau. [Ketawa]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Itu mata palsu. *Colour* macam-macam kita letak, ini yang *original*, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Tetapi sekiranya kita hendak mendapat keyakinan daripada warna mata, maka kita semua pakailah *contact lenses* selalu.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan ialah satu modal yang dapat menentukan kejayaan ataupun ketidakjayaannya sesebuah negara. Terutama sekali di dalam persekitaran, di dalam keadaan di mana ilmu itu menjadi teras kepada segala-galanya. Kita lihat di negara India dan China iaitu dua gergasi yang sudah lama tidur tetapi sejak 10-12 tahun sudah pun bangun dengan begitu cergas, dengan minda yang begitu luas dan besar akan menjadi persaingan yang besar kepada kita. Persaingan yang akan menghidupkan satu keadaan ekonomi yang agak getir kepada kita.

Tetapi Malaysia tidak mudah ditakutkan, digegarkan dengan fakta-fakta yang dapat menakutkan kita, sebab sejarah sudah pun menunjukkan bahawa selalunya Malaysia menggunakan cabaran-cabaran ini sebagai peluang. Namun saya hendak balik semula kepada soal modal insan di mana pendidikan menjadi asas segala-galanya. Kita tidak semuanya sempurna, Tuan Yang di-Pertua, kita sempurna dalam banyak keadaan tetapi ada lagi yang boleh kita perbaiki.

Dan, kita harus peringatkan diri kita di sini bahawa kalaulah kita mengeluarkan sesuatu teguran ataupun kritikan, ia hanya setakat hendak memberi pandangan yang

dapat dianggap sebagai yang bernas dan konstruktif. Tidak berhajat untuk mengkritik semata-mata untuk mengkritik.

Sistem pendidikan kita harus kita lihat semula, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebagai – saya menggunakan *head* saya yang satu lagi – sebagai mereka yang mengambil kerja dalam pasaran pekerjaan, banyak kelemahan yang terdapat kepada anak-anak muda kita. Tetapi kita harus menekankan pendidikan yang bermula daripada rumah. Ada tiga peranan yang dimainkan. Peranan yang amat penting adalah keluarga, institusi persekolahan dan persekitaran.

Nilai ataupun sistem nilai yang diperolehi oleh seorang anak sama ada ia akan menjadi *hooligan*, juvana atau ia menjadi seorang yang produktif dan berguna kepada masyarakat adalah bergantung kepada bukan sahaja ijazah yang dibawa pulanginya tetapi juga sikap yang diperolehinya, *attitude* dia. Sikap dan juga nilai bekerja dan ini tidak ada, mungkin kurang ada di dalam sistem pembelajaran kita.

Kita selalu menekankan tentang apa yang saya panggil sebagai dengan izin, *visible curriculum* iaitu aspek intelek dan aspek *academia*. Tetapi kita lupa kepada apa yang saya panggil sebagai *invisible curriculum* iaitu kurikulum yang tidak ketara. Umpamanya, disiplin, bencikan kepada kelambatan datang ke sekolah, *hard work*, pekerjaan yang tinggi, sikap hendak bekerja yang tinggi kepada anak-anak, sikap *self-help* iaitu untuk membantu diri sendiri untuk menjadi mereka yang berjaya, ketahanan diri, *perseverance* ini kurang kepada anak-anak kita.

Ini dapat tergambar di dalam mereka yang hendak mencari pekerjaan di pasaran pekerjaan dan inilah kelemahan-kelemahan yang harus kita perbaiki dan saya amat gembira apabila mendengar Dr. Adham tempoh hari mengatakan bahawa sistem pendidikan akan diolah semula untuk mengambil kira apa yang kita panggil *invisible curriculum* ini yang menjadikan seseorang itu manusia yang berguna dan dihormati orang lain akan dimasukkan di dalam sistem pembelajaran kita di Malaysia dan saya harap...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi *invisible curriculum* ini, dengan izin, dari *university of lifelah*.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Universiti...

Tuan Yang di-Pertua: Atau *university of the street*.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perkara itu, *university of life* dan *the street wise, street wisdom*. *Street wisdom* dipelajari daripada pengalaman tetapi asas itu mesti betul, Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah dia mendapat

wisdom daripada jalaran, mungkin dia orang yang sukakan dadah, yang sukakan naik motor malam-malam, bising, orang tidak boleh tidur itu, ia menjadi orang yang tidak berguna atau mengacau masyarakat.

Tetapi apabila sifat nilai itu kuat dan tahapnya atau pegangannya begitu kuat sekali, maka datanglah apa pun, ia tetap dengan prinsip hidup yang mulia dan murni. Ini yang hendak kita tanamkan di dalam diri anak-anak kita. *This is the missing link*, Tuan Yang di-Pertua, dengan maaf.

Apabila di dalam tempat pekerjaan, *invisible curriculum* ini, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak ketara ini menjadi elemen-elemen dan instrumen faktor yang amat penting sekali. Umpamanya, *team work*, kerja bersepadu tetapi di masa yang sama mereka menekankan kepada individualisme. Jadi dia mempunyai kepentingan individu tetapi berupaya bekerja sebagai *team*.

Dalam pasaran pekerjaan, kita bercakap tentang apa yang kita panggil sebagai *functional illiteracy*, Tuan Yang di-Pertua. Dia mempunyai ijazah yang baik tetapi tidak dapat menyesuaikan diri untuk berkomunikasi dengan mereka yang sama pejabat. Ini adalah satu perkara yang amat penting. Juga *critical thinking*. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad mengatakan menghayati ilmu untuk ilmu tetapi saya kata kita harus perluaskan lagi menghayati ilmu dan menggunakan penghayatan itu dalam kehidupan dan pekerjaan kita. Kita hanya dapat menghayati ilmu itu kalau kita benar-benar percaya bahawa ilmu itu akan dapat membawa kita kepada tahap ataupun kedudukan sosioekonomi yang lebih baik daripada keadaan yang kita ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada teras, teras ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Sebelum ke teras yang ketiga tentang pendidikan tadi, adakah dasar yang baru diumumkan oleh kerajaan untuk membenarkan rakyat kita menyertai sekolah antarabangsa itu akan sedikit sebanyak memenuhi apa yang telah dikatakan tadi tentang kekurangan-kekurangan yang ada dalam sistem sekarang. Apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan *invisible curriculum* tadi yang begitu penting semasa mereka bekerja, adakah perubahan yang akan diambil oleh Kementerian Pelajaran itu akan menjadikan *invisible curriculum* itu dijadikan *visible curriculum* supaya setiap nilai dan setiap *competency* yang

disebutkan tadi dan juga yang lain yang mustahak perlu juga diambil kira dalam *visible curriculum* itu supaya *competency* itu dapat di*nurture*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipupuk.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat tadi. Sememangnya keizinan sekarang supaya kita dapat letakkan anak-anak kita di sekolah-sekolah antarabangsa ialah satu jalan untuk memperluaskan *exposure* ataupun penemuan anak-anak kita dengan *culture*, budaya...

Tuan Yang di-Pertua: Pendedahan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Mendedahkan anak-anak kita kepada budaya yang berlainan. Ia tentu sekali akan dapat menimbulkan keyakinan diri yang lebih luas. Tetapi berapa ramai yang mampu pergi ke sekolah antarabangsa? Jadi yang penting ialah memperkasakan sekolah kebangsaan kita. Kita tidak boleh lari daripada hakikat itu dan memperkasakan sekolah kebangsaan kita ialah dengan menambah *invisible curriculum* tadi yang disebutkan sebagai tidak ketara itu melalui program-program kokurikulum yang akan dapat menghidupkan nilai-nilai yang baik dan sikap yang baik dan positif di dalam pelajar-pelajar kita.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lee bahawa kalau ianya menjadi lebih ketara ataupun diambil sebagai kurikulum yang ketara, ia dapat membantu. Tetapi yang tidak ketara ialah interaksi antara guru dengan anak murid, antara anak murid dengan anak murid yang lain, ini yang penting dan bermula juga daripada rumah sebab ibu bapa harus menanam rasa menghormati dan menghargai sistem kehidupan bangsa-bangsa yang lain.

Di dalam negara yang majmuk, ini adalah satu perkara yang harus kita pegang kerana kestabilan politik dan keharmonian adalah asas kepada pertumbuhan dan keamanan negara kita. Inilah teras sebenarnya, matlamat sebenarnya Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi saya rasa, Tuan-tuan dan Puan-puan... maaf, Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan Negara sebab selalu berceramah kepada tuan-tuan dan puan-puan, maka saya tersasul, saya pohon maaf. Saya manusia biasa sentiasa sahaja..

Tuan Yang di-Pertua: Hanya Tuan Yang di-Pertua, cukuplah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain okey.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu sebut, mereka tahu.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tidak perlu sebut. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memudahkan kerja saya. Tuan-tuan.... Err...

Tuan Yang di-Pertua, *cause* kepada *failure*. Kalau kita tidak berjaya dalam sistem pendidikan kita, menghidupkan pelajar-pelajar yang sesuai menghadapi cabaran yang sanggup menerima segala yang akan dihadapi dalam pasaran pekerjaan selepas sahaja keluar daripada universiti dan sekolah, maka kos kepada negara amat tinggi.

Kita hadapi masalah dadah. Kita hadapi masalah juvenil. Kita hadapi masalah *lost in productivity* dengan izin, iaitu kekurangan ataupun tidak adanya produktiviti, kurangnya produktiviti kepada tiap insan yang dinamakan orang Malaysia ini. Maka, ia akan mempunyai impak yang negatif terhadap apa yang dipanggil sebagai total faktor produktiviti yang hendak Malaysia tingkatkan. Jadi, tadi saya hendak masuk kepada teras ketiga. Apabila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyampuk, saya pun sudah lupa apa saya hendak kata.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Senyum*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ini soal *employability* yang disebut oleh beberapa Yang Berhormat tadi. Tuan-tuan dan puan-puan, jiran saya mesti cubit saya bila saya panggil itu. Tuan Yang di-Pertua, soal *employability* atau keupayaan mendapat kerja bukan soal ijazah. Saya ingin memberi satu gambaran ataupun satu cerita yang sentiasa saya bawa kepada penuntut-penuntut di universiti bahawa *life long learning* atau pembelajaran sepanjang hayat itu adalah sesuatu yang sangat penting. Kita jangan berpuas hati dengan Ijazah Kelas Pertama apabila kita keluar daripada universiti, mungkin tidak mendapat pekerjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ada satu cerita Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercerita sedikit. John dan Peter daripada England pergi ke Cameron Highlands hendak menembak harimau, hendak cari harimau. Maka dia pun berjalan masuk di bukit, dia jumpa harimau, dia tembak harimau. Harimau itu meloncat jauh sebab harimau lompatan dia itu jauh. Kita hendak tembak dekat. Maka, sasarannya tidak jumpa, tidak dapat. Maka, harimau lari, John dan Peter tidak dapat harimau.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia *miss*lah itu.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: *Miss*. [*Ketawa*] dia *miss*. Jadi John dengan Peter amat geram sekali Tuan Yang di-Pertua. Dia balik England, dia *practice short shooting*. Maknanya, *short shooting* itu daripada sasaran yang dekat. Sasaran lebih jauh, maka harimau itu boleh lari cepat. Dia pergi ke Cameron Highlands lagi sekali dengan begitu komitmen, dengan rangsangan hendak membunuh harimau yang

sama. Dua hari Tuan Yang di-Pertua dia cari harimau itu tidak jumpa. Harimau itu tidak kelihatan. Maka, dia pun panjat satu pokok yang tinggi. Dia lihat apa Tuan Yang di-Pertua, harimau itu dok *practice short jump*. Maknanya, kalau dia datang tembak pun, tidak kena juga sebab sasaran dia jauh, harimau itu sudah pandai *short jump*.

Ini bermakna, bahawa mempelajari sesuatu itu adalah sesuatu yang berterusan sebab perkara yang berubah, yang *constant* dan konsisten di dalam dunia ini ialah perubahan. Maka, sekarang ini Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal berada dengan kita hari ini. Dahulu dia tidak pandai komputer langsung. Tetapi sekarang sudah pandai komputer.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [*Senyum*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ini bermakna oleh adanya pergolakan dan perubahan dalam sistem hidup, sistem sosial ekonomi yang begitu canggih sekarang ini. Teknologi merupakan sesuatu yang harus dikenali dan diketahui oleh semua orang. Maka, kalau hendak menjadi Menteri yang berminda kelas pertama, ia harus mengetahui tentang teknologi dan IT. Kalau tidak, masakan kita orang biasa dapat menjadi manusia berminda kelas pertama. Itu di antaranya. Jadi bila merujuk tentang kelas minda pertama, Dato' Dr. Chin Fook Weng senyum sebab dia hari itu, dia banyak bercakap tentang minda kelas pertama, harus bermula dengan kita Dewan yang mulia ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Senyum*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: 70% Senator yang mempunyai keistimewaan untuk berbincang dan berbahas di Dewan yang mulia ini. Di sini, saya ingin mengatakan bahawa ada kala mungkin kita tergelincir daripada landasan. Tetapi selalunya kita berhujah mengenai isu-isu yang amat serius. Di sini, kita mengharap supaya media yang mendengar ini, buatlah laporan yang sewajarnya. Sebab media ini pun satu perkara juga. Mereka juga suka mendengar isu-isu yang menggelikan hati. Maka timbullah soal pusat, soal pakaian dan lain-lain. Tetapi kita dalam Dewan ini, banyak berbincang tentang isu-isu yang amat serius. Isu yang mempunyai impak kepada negara dan pembangunan. Maka, orang media pun harus juga berwaspada dan membuat laporan perkara-perkara dan isu-isu yang serius, yang kita bangkitkan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bangun.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta gangguan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri laluanlah tidak ini?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ganggu tidak boleh. Tetapi kalau hendak mencelah boleh. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua ada buat pengumuman itu hari. Kalau orang tengah berucap, kita ini kena minta gangguan. Jadi maka, saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk mengganggu ucapan perbahasan Dato' Dr. Norraesah. Saya bila terpanggil apabila Dato' Dr. Norraesah menyebutkan soal peranan media. Yang saya hendak bangkitkan persoalannya, ketidakpuasaan hati dalam laporan yang dikeluarkan oleh media ini. Kalau Dewan Rakyat bersidang, kita tengok hari-hari *coverage* media tetapi kalau Dewan Negara bersidang ini, kalau ada pun di penjuru-penjuru yang jarang orang baca. Apakah Dato' Dr. Norraesah bersetuju bahawa kita perlukan media untuk hendak mengetengahkan pandangan-pandangan yang disuarakan oleh kita dalam memainkan peranan sebagai seorang Senator.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas gangguan tadi. Saya bersetuju bahawa media harus memainkan peranan sebab peranan media ialah untuk membina negara, membangun negara. Jadi bayangan yang dibuat oleh mereka, laporan yang dibuat oleh mereka haruslah memberi tekanan kepada isu-isu yang sememangnya di bahas di dalam Dewan ini dan sebenarnya kadangkala Tuan Yang di-Pertua, kalaulah media memberi gambaran, umpama kita ini tidak berupaya mendiskusikan ataupun membahaskan isu-isu yang berat-berat, yang amat penting.

Saya juga ingin mengatakan mungkinkah kadangkala media juga tidak memahami apa yang kita bahaskan di dalam Dewan ini yang menyentuh perkara-perkara yang penting dan isu-isu yang agak intelek. Maka, kalau dia mengatakan kita, kita juga boleh mengatakan dia juga tidak mempunyai keupayaan. Jadi kita harus mempunyai, ada persefahaman antara media dan Ahli-ahli Dewan Negara. Saya.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ahli Yang Berhormat, pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, apakah maksud Yang Berhormat tadi. Media massa juga belum sampai lagi tahap ke minda kelas pertama. Apa maksud Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tidak pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua tetapi saya berani kata di sini tetapi mungkin akan dikritik oleh medialah. Besok mungkin dipaparkan di muka pertama, mungkin tidaklah tetapi di muka surat

yang keenam ataupun kelapan, bahawa Dewan Negara mengatakan bahawa media juga belum lagi mencapai tahap minda kelas pertama.

Saya memperakui bahawa ada di antara kolumnis-kolumnis dan juga wartawan-wartawan yang mempunyai minda yang begitu baik, minda kelas pertama tetapi ada juga yang belum lagi mencapai tahap terutama sekali kalau kita bercakap tentang pertumbuhan ekonomi dan aspek-aspek pembangunan yang mungkin tidak begitu apa orang kata, mengambil perhatian sebab kita mesti jangan lupa, media matlamat dia pertama, ialah menjual surat khabar.

Kalau bercakap tentang serius, tentang kurikulum ketara dan tidak ketara ini, tidak laku sangat *news papemya*. Jadi dia juga mempunyai matlamat yang tertentu, agenda yang tertentu di mana media akan memberi fokus kepada perkara-perkara yang melucukan. Tetapi yang kadang-kadang kita sedih ialah, ia memberi gambaran yang tidak tepat terhadap Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tentang teras yang ketiga iaitu teras yang ketiga ialah tentang pertumbuhan dengan pengagihan. Kadangkala kita tidak faham apakah falsafah di sebalik, falsafah pertumbuhan dengan pengagihan ini. Malaysia sudah pun mencapai kejayaan yang amat baik, pertumbuhan ekonomi yang 6% dan 8% hingga 10% masa dalam tahun 90an sehinggalah tercetusnya krisis kewangan. Tetapi dalam menjadi satu kerajaan yang pragmatik, kadangkala kita terpaksa mengubahsuai pendekatan dalam sistem pembangunan kita. Dan dalam 1985, pengagihan tidak diberi tekanan yang begitu besar sebab selepas krisis '85, pertumbuhan kita adalah satu yang amat lembap sekali. Maka tekanan dan fokus kita ialah kepada pembangunan, kepada pertumbuhan ekonomi.

Tetapi selepas, kita dapat melihat, pada tahun '90 kemudiannya, pengagihan itu selepas dilepaskan daripada pandangan kita, maka jurang perbezaan atau *gap disparity* dapat kita lihat di lima tahap:

- (i) jurang perbezaan dalam pendapatan antara kaum;
- (ii) jurang perbezaan sesama kaum;
- (iii) jurang perbezaan dalam sektor pembangunan iaitu sektor perindustrian dan sektor pertanian umpamanya; dan
- (iv) jurang perbezaan antara wilayah.

Jadi sekarang ini, teras ketiga Rancangan Malaysia Kesembilan, ialah memperbaiki ataupun mengurangkan jurang perbezaan yang lima ini. Dan di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk memperkenalkan jurang perbezaan yang satu lagi

yang keenam. Jurang perbezaan *gender*, sebab kita tidak mempunyai statistik dan data untuk menunjukkan apakah *ratio* ataupun nisbah pendapatan antara kaum lelaki dan wanita. Cuma yang dapat kita lihat ialah jumlah pekerja-pekerja wanita semakin meningkat, itu yang diheboh-hebohkan. Tetapi jurang perbezaan dalam pendapatan tidak ada dalam genggamannya. Jadi saya ingin merayu kepada EPU dan Jabatan Statistik supaya kita *disaggregate*kan statistik dan data yang ada untuk menunjukkan apakah jurang ataupun *ratio* nisbah pendapatan di antara wanita dan kaum bapa.

Dato' Hamzah bin Zainudin: [*Bangun*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Jangan lupa sebab 49% daripada penduduk Malaysia terdiri daripada wanita. Saya dah memang tau dah, kalau sebut pasal wanita, mesti ada yang bangun. Okey, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah masuk tadi pun Yang Berhormat dah tahu dah tadi. Sila Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah tentang perbezaan *gender*. Yang pentingnya hari ini, saya nak tahulah daripada Yang Berhormat, masalah yang ada dalam negara katanya, statistik dari segi jurang pendapatan *gender* di antara kaum lelaki dan kaum wanita. Di manakah kajian yang telah pun dibuat dalam dunia hari ini yang boleh menunjukkan dari segi perbezaan pendapatan *gender* yang boleh dibawa ke dalam negara kita ini untuk membuktikan bahawa dengan adanya analisis yang dibuat ini, I tak tahu matlamat Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah mungkin dia nak menyamakan supaya pendapatan lelaki dan pendapatan wanita itu sama dalam perkara.

Jadi saya nak tahu matlamat sebenarnya untuk mendapatkan perbezaan pendapatan *gender* ini adalah matlamat yang sebenarnya untuk dibuat kajian. Adakah kerana nak membuktikan supaya lebih ramai lagi wanita boleh mendapat kerja supaya pendapatannya bertambah dalam negara ataupun hanya untuk mendapat satu statistik untuk menunjukkan bahawa kaum lelaki lebih ramai bekerja dalam negara ini. Itu soalan saya.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, saya rasa Yang Berhormat Hamzah salah faham. Niat saya hanya untuk melihat, saya tidak pun mengata sama ada sudah pun terdapat jurang perbezaan yang ketara sebab memang belum ada statistik dan datanya. Jadi saya menyarankan supaya diadakan. Dari itu barulah kita dapat ketahui sama ada terdapat jurang perbezaan dalam pendapatan yang begitu

ketara. Itulah niat dan tujuan saya. Oleh kerana ini analisis dan juga laporan *studies*, kajian sudah dilakukan di Amerika dan Nordic di mana mereka menunjukkan bahawa penambahan pekerja wanita di dalam fasa pekerjaan sudah pun meningkat, GDP *gross*, kenaikan kadar pertumbuhan negara-negara ini. Jadi kita bukan soal imansipasi wanita, ini soal sosio ekonomi untuk kebaikan negara termasuklah warga yang bernama lelaki, bukan hajat lain Yang Berhormat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang persaingan, kita cakap tentang keusahawanan untuk mendekatkan jurang perbezaan antara kaum, antara wilayah, dan di antara bandar dan luar bandar. Jadi pertanian dan bio teknologi adalah *instrument-instrument* baru untuk meningkatkan pendapatan orang di luar bandar dan dalam bandar. Tetapi dalam memperkatakan tentang jurang perbezaan ini untuk menyamaratakan pendapatan di antara kaum dan di antara wilayah serta di antara luar bandar dan bandar, kita terlupa dengan satu lagi jurang perbezaan yang akan menentukan sama ada segala usaha kita untuk mendekatkan jurang perbezaan yang ada ini dapat direalisasikan. Ini adalah apa yang kita katakan dengan *digital divide* ataupun jurang digital.

Saya ingin mengatakan di sini bahawa terdapat statistik-statistik yang amat menggerunkan. Oleh kerana dunia sekarang ini, masyarakat sekarang ini adalah masyarakat teknologi, masyarakat ilmu pengetahuan di mana teknologi itu menjadi asas kepada segalanya. Maka kalaulah penggunaan IT di luar bandar tidak berjalan dengan pesat, maka sasaran kita ini untuk mendekatkan jurang perbezaan adalah sasaran yang sentiasa bergerak. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003, internet *subscription*, hanyalah 11.1% di Malaysia ini, dan *target* ataupun sasaran United Nations, Bangsa-bangsa Bersatu ialah untuk sesebuah negara itu maju, berganding sama dengan aliran ataupun pergerakan kemajuan dunia, tiap 25 penduduk daripada 100 harus mempunyai keupayaan ataupun kemudahan ICT. Tapi di Malaysia kita belum sampai ke tahap 7 kepada 100.

Ini akan mempunyai impak kepada usaha kita untuk membasmi kemiskinan dan juga untuk mendekatkan jurang perbezaan yang begitu ketara di antara bandar dan luar bandar. Dan dalam penggunaan IT Tuan Yang di-Pertua, konsentrasinya adalah di bandar dan di luar bandar terutama sekali di Kelantan, Terengganu dan Perlis, cuma 1% sahaja penggunaan IT daripada jumlah penduduk yang ada. Maka ini juga akan mempunyai impak terhadap usaha kita nak mendekatkan jurang perbezaan dalam pendapatan antara wilayah, antara negeri yang sudah pun maju dan yang bukan maju.

Kepenggunaan yang tertinggi sekali ialah di Selangor dan di Kuala Lumpur. Jadi ini adalah satu perkara yang harus diambil dalam ingatan Kementerian Pelajaran dan juga kementerian-kementerian lain yang berkenaan.....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: ...supaya penggunaan IT itu, saya habiskan ayat... akan diperluaskan dengan berkesan dan efisien. Tidak ada gunanya IT itu di depan mata, tetapi tidak ada orang yang akan mengajar murid-murid dengan penggunaan yang efektif. Silakan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, pandai guna sms termasuk dalam golongan pandai guna IT tak? Sebab saya dimaklumkan di kalangan pengguna sms yang tertinggi sekali ialah di kalangan orang Melayu. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Penggunaan sms untuk memilih siapa dia *Idol* dia dan Akademi Fantasia adalah sesuatu yang merugikan bukan membawa kepada faedah dan ini, kita ini cukup pandai melakukan sesuatu yang rugi bijak sekali tetapi untuk meningkatkan faedah dan manfaat kepada diri sendiri dengan IT sukar sedikit tetapi sms bukan dianggap sebagai ITlah dalam erti kata yang sebenarnya.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya kaitkan tentang soal jurang digital ada dua peringkat. Pertama antara kita dengan dunia, kita juga ketinggalan. Antara kaum antara wilayah dalam Malaysia juga adalah amat berbeza. Jadi masalah atau cabaran kepada Malaysia ialah mendekatkan jurang digital kita dengan negara lain dan di masa yang sama mendekatkan jurang perbezaan dalam *digital divide* ini di antara penduduk di bandar dengan luar bandar. Lagi satu perkara yang ada kaitan dengan modal insan tadi, adik saya merenung saya dengan begitu sekali, agaknya fokuslah ya. lalah soal....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya minta laluan sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Kita bercakap soal penggunaan IT, kemahiran IT, penguasaan IT di luar bandar. Tetapi kalau kita tengok insiden yang berlaku apabila kerajaan memberi peruntukkan untuk adakan bilik komputer, bilik komputer yang disediakan, yang diberi peruntukan oleh kerajaan untuk sekolah di luar-luar bandar pun tidak dapat disempurnakan dengan sempurna. Jadi apa sebenarnya permasalahan sebenar apabila kita hendak membawa pembangunan khususnya dalam soal IT ini ke luar bandar? Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Tajul. Sebenarnya kita sudah pun menyentuh satu perkara yang sering disebutkan oleh Ahli-

ahli Yang Berhormat di sini iaitu sistem penyampaian. Sistem penyampaian memanglah mengecewakan kita pada tahun-tahun yang lalu. Sungguhpun kita mencapai banyak kejayaan, tetapi masih ada keciciran yang dipanggil kebocoran ataupun ketidaksempurnaan dalam pelaksanaan. Yang ini menjadi teras yang kelima di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Tidak pernah sistem penyampaian itu dijadikan satu teras yang penting di dalam sesuatu rancangan pembangunan. Dan kali ini kita memberi fokus dan tekanan yang amat penting sekali. Ini pada saya Tuan Yang di-Pertua, menyedari dan mengakui kesilapan itulah adalah permulaan untuk mencari *solution* atau pun mencari sesuatu...

Tuan Yang di-Pertua: Penyelesaian?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Penyelesaian. Jadi kalau kita terus dalam keadaan *denial*, menidakkan, selalu mengakui bahawa semuanya sempurna, maka kita tidak akan dapat mencapai penyelesaian kepada masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya sebut ialah penggunaan bahasa Inggeris. Sebagai seorang yang mengambil pekerja di dalam syarikat-syarikat antarabangsa dan juga dalam negeri, penggunaan bahasa Inggeris adalah sesuatu yang jangan kita tidakkan tetapi jangan sekali kita mengetepikan martabat bahasa Malaysia kita. Tidak ada kerugiannya kalau kita mempelajari lebih daripada satu bahasa. Saya cuma pandai empat bahasa sahaja, Mandarin, Perancis tetapi yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau pergi ke Shanghai dan Beijing, cuma dengan sepatah dua patah bahasa Mandarin saya dapat diskaun yang amat besar dalam segala yang saya beli. Ini hanya satu aspek sahaja. Bayangkan aspek perniagaan dan perdagangan kalau kita dapat fasih dalam penggunaan bahasa-bahasa yang lain.

Kita bercakap tentang persaingan, cabaran yang kita hadapi daripada terutama sekali negara China dan negara India. India kita jangan cakaplah, semuanya fasih dalam bahasa Inggeris. Tetapi di negara China, saya terkejut apabila membaca bahawa pada ketika ini satu perlima daripada jumlah penduduk 1.3 bilion di negara China sedang belajar bahasa Inggeris. Kalau kita hendak bersaing dengan mereka, terutama sekarang ini, teknologi menjadi satu instrumen yang amat penting, maka menguasai bahasa Inggeris itu adalah sesuatu yang mesti. Tetapi jangan pula kata yang saya ini menidakkan keluhuran bahasa saya sendiri, saya memang sayangkan bahasa saya tetapi untuk bersaing di luar negara, untuk mendapat pekerjaan yang lumayan, yang diterima, yang akan dapat meningkatkan tahap kedudukan sosial ekonomi seorang individu, masyarakat dan penduduk negara secara menyeluruhnya, maka penggunaan

bahasa Inggeris itu, kalau boleh belajarliah Mandarin pun tidak apa, dan bahasa-bahasa lain. Tidak ada kerugiannya untuk kita. Bayangkan 1.3 bilion, 1 perlima di negara China sedang mempelajari bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua saya sudah pun menyentuh tentang untuk mencapai kesamarataan dalam pendapatan antara kaum. Dan orang-orang Melayu Bumiputera, jurang perbezaan dalam pendapatan nisbahnya ialah 1.64 dan dalam jangka akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, kita hendak menurunkannya kepada 1.5 *the ratio*. Di sini tuan-tuan dan puan-puan, kita terdapat gambaran bahawa tenaga penuh sedang kita idami di negara kita, tetapi ramai yang tidak faham tentang apa yang dikatakan dengan tenaga penuh sebab masih terdapat lebih kurang 50 ribu para graduan yang mendapat pekerjaan. Ini adalah kerana *mismatching*, tidak ada penyesuaian di dalam permintaan dan penawaran. Maka timbullah pendatang, pekerja-pekerja daripada luar umpamanya.

Saya ingin mencadangkan supaya sistem pembelajaran kita, pendidikan kita mengambil dalam perkiraan dengan secara serius kemahuan sektor luar, sektor swasta dan *business* dengan apa yang kita tawarkan kepada pelajar-pelajar kita di universiti. Kalau tidak ada penyesuaian dalam permintaan dan penawaran, maka timbullah pengangguran yang amat tinggi sekali. Dan di sini saya ingin menyarankan supaya keusahawanan itu dijadikan sebagai satu kerjaya pilihan sebab di sinilah letaknya perwujudan kekayaan, *wealth creation* dengan izin. Namun soal keusahawanan ini adalah satu perkara yang baru dengan orang bumiputera.

Semasa dalam tahun 1405, bila Cheng Ho datang ke Malaysia, bangsa-bangsa Cina sudah pun berniaga, sudah pun berdagang di sini. Tetapi keusahawanan itu adalah satu perkara yang baru bagi orang-orang bumiputera. Mereka hanya mencuba pada tahun 71 selepas Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan oleh kerana bahasa Dasar Ekonomi Baru ialah bahasa keusahawanan. Kita dilanda oleh krisis 1997, krisis kewangan.

Saya menyifatkan ini sebagai anak yang baru mula hendak belajar berjalan selepas merangkak. Maka apabila ditimpa oleh sesuatu yang berat jatuh dia. Bila kita jatuh Tuan Yang di-Pertua, lambat sedikit kita bangun sebab orang-orang Melayu belum lagi mencapai tahap kematangan dalam keusahawanan. Jadi di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kerana program-program yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

adalah khusus yang benar-benar membangunkan usahawan-usahawan termasuk usahawan bumiputera.

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya setuju sungguh bahawa terdapat jurang pendapatan antara kaum. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa terdapat juga jurang yang agak ketara antara sesuatu kaum sendiri terutama sekali di kalangan bumiputera yang agak besar jurangnya antara satu dengan yang lain. Setujukah kalau saya kata demikian dan bagaimana pendekatan yang lebih baik untuk menyelesaikan ataupun merapatkan jurang tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan terdapat gagasan ataupun percubaan untuk mendekatkan jurang perbezaan dalam lima bidang tadi antara kaum dan antara kaum cina dan bukan cina dan Melayu dengan India. Tetapi di antara kaum itu sendiri iaitu Melayu yang mempunyai keupayaan yang sudah pun berjaya dengan bumiputera yang bukan. Ini saya akan menyebutnya sedikit lagi.

Oleh kerana Yang Berhormat sudah menyebut, biarlah saya menyebutnya. Di antaranya ialah mempromosi atau menggalakkan keusahawanan di antara penduduk-penduduk termasuk orang-orang Melayu sendiri supaya berjinak-jinak dalam perniagaan, perdagangan dan keusahawanan. Tetapi di sini timbul pula masalah bagaimana hendak menggerakkan sesuatu yang baru mereka kenal. Maka apabila kita membantu ada pula yang mengatakan bahawa kita memberi tongkat.

Pada saya apabila kita hendak mencapai satu *level playing field* satu kesamarataan itu kalau mereka yang *laggards* dalam ekonomi yang jauh ke belakang kita harus membantu tapi bantuan itu bukanlah berterusan sehingga infiniti tidak ada kesudahannya. Maka kita harus membantu mereka memberi sokongan tetapi bukan memegang tangan sehingga akhir hayat mereka. Dan dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit sebab kerajaan sudah cuba berkali-kali setiap tahun kalau kita tengok dalam perbelanjaan dan sebagainya kita ada bermacam-macam program yang kita cuba bantu usahawan-usahawan bumiputera. Jadi saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat kenapa kita masih lagi di tahap yang lama. Adakah kita sekarang ini

cuma sekadar mencipta ataupun mencari jutawan ataupun mencipta jutawan daripada kita mencipta usahawan itu.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya rasa ia merangkumi kedua-duanya sekali. Kita bukan setakat mencari jutawan, kita mencari usahawan yang berjaya dan kita mengharapkan bahawa mereka yang berjaya itu akan menjangkau kepada mereka yang ingin juga berjaya. Mempunyai sedaya-upaya untuk berjaya.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan sedikit. Saya mengatakan tadi mengenai jutawan sebab kalau kita tengok betul-betul sekarang, kadang-kadang kita bagi satu projek dan sebagainya kepada orang-orang yang bukan usahawan, jadi bila dia dapat satu projek habis projek itu habis. Dia sudah tidak ada projek lagi sebab kita bagi kepada bukan seorang usahawan. Kita cuma bagi kepada seorang yang kita hendak ciptakan dia sebagai jutawan sementara. Jadi inilah sebabnya kegagalan yang kita hadapi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Jutawan sementara ini maknanya boros betullah. Sebab kalau dia jutawan dia mendapat wang yang begitu banyak sebenarnya dia harus memperluaskan perdagangan dan perniagaannya. Jadi kalau ini berlaku maka terjadi sekali lagi seperti yang kita sebut dan sering disebut oleh Yang Berhormat Dato' Omar sendiri bahawa terdapat kebocoran, terdapat cara penyampaian atau cara memberi projek itu tidak mengikut prosedur atau peraturan yang harus kita ikuti. Apa yang harus kita lakukan ialah mempelajari daripada kesilapan dan insya-Allah dengan adanya sistem pemantauan yang begitu ketat yang ditubuhkan di bawah penjagaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kita mengharapkan bahawa ini tidak akan berlaku.

Berkaitan dengan ini ialah soal menjayakan mereka yang bawah-bawah ini, kecil-kecil ini menjadi usahawan yang kecil dan melalui sistem tekun CGC dan lain-lain mereka menerima bantuan pembiayaan. Tuan Yang di-Pertua, yang saya lihat saya pernah menjadi seorang pegawai dan pengerusi bank saya lihat bahawa kadangkala itu mereka yang memproses pinjaman pembiayaan itu tidak mempunyai satu keprihatinan ataupun penghayatan untuk benar-benar menjayakan ataupun menghidupkan *entrepreneur* ataupun pengusaha.

Pertamanya, kadangkala mereka tidak mempunyai kepercayaan kepada individu tersebut. Sungguhpun kita mempunyai dana yang begitu besar di bawah dana-dana yang dikeluarkan oleh kerajaan yang jumlahnya 72 kiraan yang terkini berjumlah lebih

daripada RM10 bilion tetapi mereka yang benar-benar mendapat manfaat daripada dana yang besar ini tidaklah begitu besar. Jadi sekarang ini saya rasa kalaulah pegawai-pegawai yang mentadbir dana-dana ini tidak menghayati keperluannya bagi kita mendirikan dan menghidupkan pengusaha-pengusaha, usahawan-usahawan dan ahli perniagaan maka masalah yang sama akan berlarutan dan kita harap mereka tidak akan menjadi seperti demikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang soal daya saing. Soal daya saing dan soal pelaburan asing. Kadangkala saya mempunyai satu persepsi bahawa kita bercanggah dalam tindak-tanduk kita. Umpamanya kita hendak membawa masuk pelaburan luar asing FDI dengan lebih tinggi sebab kita berhadapan dengan saingan daripada India dan negara China umpamanya. Saya ingin mengambil contoh dalam sektor telekomunikasi terdapat lima operator *Telco* iaitu Telekom Malaysia, MiTV, Maxis, Time dan Digi. Dan masa hadapan sektor telekomunikasi ialah generasi ketiga (3G).

Tetapi saya hairan di antara yang lima ini hanya satu tidak diberi lesen 3G iaitu Digi. Mungkin kementerian mempunyai sebab-sebab tertentu tetapi saya melihat ini dari isu *foreign direct investment* (FDI) daripada pelaburan asing. Sungguhpun Digi diperolehi dipegang 65% oleh TeleNor iaitu satu syarikat daripada Norway mereka bersanggupan untuk menurunkan ekuitinya kepada 49. Tetapi dalam keadaan di mana masa hadapan telekomunikasi adalah kepada 3G itu apabila Digi tidak diberi lesen ini bermakna kita sudah pun meletakkan hukuman mati kepada syarikat itu. Dan ini membawa satu *signal* yang tidak positif kepada pelabur-pelabur asing sebab mereka tidak dapat menentukan bahawa kedudukan mereka di Malaysia akan berterusan.

Jadi dari aspek pelaburan dan kemasukan pelaburan asing, saya rasa kita harus melihat semula. Kalaulah kita hendak mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada mereka, menurunkan *equity* dan lain-lain, kita lakukan. Kalau mereka menerima alhamdulillah, kerana ini adalah satu signal yang positif atau negatif yang kita hantarkan kepada dunia. Sebab matinya syarikat ini bermakna mereka tidak lagi mempunyai kepercayaan untuk melabur di negara Malaysia.

Keduanya, di masa yang sama kita membiarkan kemasukan pelaburan daripada pelabur asing dengan begitu berleluasa. Saya melihat kepada FIC (*Foreign Investment Committee*) di bawah EPU. Jawatankuasa pelaburan asing, di mana pada tiga tahun yang lalu, *threshold*nya sudah ditingkatkan kepada 25 *million*. Kalau ianya ditingkatkan kepada 25 *million* bermakna, mana jua syarikat luar negara akan dapat masuk mempunyai atau membeli segala hartanah kita. Sebab jangan lupa ianya juga kalau

lebih kepada 25 juta Tuan Yang di-Pertua, ia boleh dipecah-pecahkan kepada sesuatu di mana ia kurang daripada 25.

Kawan saya di Kenny Hill mengatakan bahawa di sekeliling rumahnya terdapat pelabur-pelabur daripada Singapura, penuh membeli tanah dan hartanah dan rumah-rumah di situ. Jadi ini pada saya tanah itu adalah sesuatu yang tidak dapat kita tambah, maka ia harus dijadikan sebagai aset yang harus kita hargai, jangan kita lepaskan dengan mudah sahaja. Mungkin tujuan mulanya ialah untuk mempertingkatkan harga hartanah di Malaysia, tetapi harga hartanah ini semakin tinggi, semakin akan dibeli dan diperolehi oleh bangsa asing. Apa yang jadi kepada penduduk-penduduk Malaysia itu sendiri. Jadi saya...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan. Mengenai negara-negara asing yang membeli tanah di negara kita, bukan sekadar negara asing sahaja. Kalau kita tengok di Pulau Pinang, pada peringkat awal dulu apabila harga-harga rumah naik, dia punya *target market* ialah kepada orang-orang yang mampu membeli rumah-rumah. Jadi apabila harga rumah naik, secara automatik harga tanah naik. Apabila harga tanah naik, lama-kelamaan pemaju-pemaju dalam negara kita sendiri pun mungkin tidak mampu untuk membeli harga tanah-tanah ini. Jadi akhirnya kita terpaksa panggil *investor-investor* daripada luar untuk membeli tanah-tanah ini. Jadi bagaimanakah kita hendak pastikan bahawa nilai-nilai tanah ini tidak begitu tinggi, supaya pemaju-pemaju dalam negara kita sendiri dapat membeli tanah-tanah ini dan kerajaan mensyaratkan kuota-kuota rumah-rumah kos rendah, rumah-rumah kos sederhana rendah supaya orang-orang rakyat Malaysia mampu membeli.

Jadi kalau kita dapat buat dua perkara ini, pertama pastikan harga tanah tidak naik. Kedua, pastikan syarat-syarat untuk kita membantu pembeli-pembeli rumah kos rendah dan kos sederhana rendah ini dapat kita kekalkan. Kalau ini kita dapat buat kedua-duanya sekali mungkin harga tanah tidak melonjak dengan begitu tinggi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Peningkatan harga tanah dan hartanah terbuka kepada pasaran, tetapi ada caranya bagaimana kita dapat *control* (mengawal) supaya lonjakan itu tidak begitu mendadak. Dan pada saya, pegangan saya, saya yakin sekiranya *threshold Foreign Investment Committee* (Jawatankuasa Pelaburan Asing) itu diturunkan semula kepada 10 million umpamanya, ini sudah pun menjadi satu fakta atau pun satu cara yang akan mengawal kedatangan pelabur-pelabur asing untuk membeli

sebab mereka mempunyai kewangan. Tetapi kadangkalanya mereka ini tidak semestinya mempunyai pembiayaan yang tinggi, kewangan yang tinggi untuk membiayai, tetapi ada kalanya mereka mempunyai *preference* ataupun lebih rasa selesa dengan pelabur-pelabur asing ini.

Dan saya rasa Yang Berhormat Dato' Omar memahami bahawa pemaju-pemaju ini mereka lebih suka kalau ia dapat menjual rumah-rumah yang dibina itu dengan harga yang tinggi. Tetapi kawalan terhadap tanah, harga tanah itu adalah satu yang di pastikan oleh pasaran, tetapi pasaran bererti penawaran dan juga permintaan, kalau permintaan tinggi dengan secara automatik, harganya akan meningkat. Tetapi kita boleh meletakkan beberapa peraturan yang kontrollah untuk menentukan bahawa peningkatan harga itu tidak mendadak dan jauh daripada keupayaan penduduk kita sendiri.

Dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Omar supaya kita kenakan beberapa peraturan yang lebih ketat terhadap pemaju-pemaju supaya mereka tidak mengetepikan pembinaan rumah rendah dan kos sederhana itu tadi. Dan *list back* sistem beli melalui sewaan itu adalah satu yang harus kita beri fikiran ataupun pandangan yang lebih serius terhadap ini. Kerana kemampuan pembeli-pembeli yang mempunyai pendapatan yang sederhana harus kita ambil kira. Sebab satu daripada dasar kita ialah menentukan tiap keluarga mempunyai sebuah rumah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Silakan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sedikit sahaja mengenai dengan hartanah ini. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Dato' mengenai dengan kawasan tanah rizab Melayu yang dimajukan dan kemudian dijual kepada bangsa-bangsa asing. Adakah kerajaan di negeri Selangor ataupun di Wilayah ini mempunyai satu peraturan di mana tanah-tanah yang diambil itu perlu diganti dengan kawasan yang lain supaya 'kek' hartanah yang dimiliki oleh orang Melayu itu tidak mengecil supaya akhirnya hartanah itu dapat diwarisi kepada generasi yang akan datang dan tidak hilang begitu sahaja akibat dibeli oleh warga asing. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Sememangnya ia menjadi dasar, bila sekeping tanah daripada tanah *reserve* itu dimajukan maka ada gantinya di tempat yang lain. Sebab kita prihatin tentang kedudukan tanah terutamanya untuk bumiputera supaya jumlah yang diperolehi di bawah rizab itu tidak akan terhakis. Ini sememangnya menjadi dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal kemasukan ataupun SSM syarikat, syarikat SSM di bawah kementerian Datuk Shafie akan dibawa masuk. Suruhanjaya akan diletakkan di bawah *Securities Commission*, Suruhanjaya Sekuriti. Saya tidak memahami falsafah di sebaliknya, sebab di bawah SSM terdapat 700,000 syarikat kecil, syarikat sendirian berhad dan banyak lagi yang bukan sendirian berhad cuma *sole proprietor* sahaja kalau ia di bawah Suruhanjaya Sekuriti yang kerjanya selama ini ialah mengkaji, melihat dan mengawal syarikat-syarikat *conglomerate* yang besar-besar, bagaimanakah mereka hendak memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat kecil 700,000 yang kadangkalanya masih merangkak dan hendak menjadi individu yang menjalankan sesuatu perniagaan.

Sebab pada saya, Suruhanjaya Sekuriti akan tentu melihat kepada yang besar, yang kecil-kecil ini tidak akan menjadi sesuatu yang dipandang enteng. Jadi, saya rasa, sebelum ia dilakukan, saya memohon agar kita sama-sama melihat dengan penuh ke perincian untuk menentukan bahawa pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kecil ini, kedudukan mereka tidak akan terjejas sekiranya mereka diletakkan di bawah Suruhanjaya Sekuriti. Sebab kalau kita sebut Suruhanjaya Sekuriti, anggapan kita - persepsi kita tentu sekali ialah tentang syarikat yang besar-besar - syarikat gergasi dan konglomerat yang disenaraikan di Bursa Saham. Jadi saya memohon agar kita melihat semula sebelum tindakan diambil selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya sentuh ialah soal pasaran modal dan soal pasaran kewangan. Kita pada tahun 70-an dan 80-an, dalam matlamat untuk memperkenalkan penyertaan bumiputera dalam pasaran modal, kita telah memberi lesen *stockbroking* yang banyak kepada bumiputera. Ini adalah satu daripada cara untuk memperkenalkan mereka di dalam perniagaan dan perniagaan pasaran modal umpamanya. Tetapi selepas daripada itu kita ada apa yang kita panggilkan *exercise consolidation* di dalam sistem perbankan dan juga dalam *stockbroking*. Akibat daripada ini hilang langsung, sudah tidak nampak syarikat-syarikat bumiputera yang mulanya ditubuhkan dan diberi lesen untuk sebenarnya menjadikan mereka pengusaha di dalam bidang yang baru dan mereka sudah pun menceburinya dan ramai sudah pun mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan.

Tetapi *consolidation exercise* yang diadakan dengan izin, sudah pun 'menelan' mereka ini dan sekarang ini kita membuka pula pasaran kita kepada *investment bankers*, orang kata bank-bank pelaburan (*investment banks*) yang sudah banyak kita memberi lesen yang baru. Di samping itu, kita juga *consolidate* sektor perbankan kita

yang memperketatkannya kerana hendak menghadapi persaingan dari luar negara, ia menguncup kepada 10 dan kini akan menjadi 9, apabila SSB dibeli oleh CNB. Di samping itu kita mengeluarkan 5 lesen baru dalam perbankan Islam. Ini, sementara kita menguncup kita juga mengembang dalam sektor perbankan Islam.

Tetapi yang menjadi kemusykilan saya, yang saya rasa agak khuatir ialah apakah kedudukan bumiputera, apakah agenda yang hendak kita terjemahkan, kita hendak atur dan rangka dalam sektor perbankan - sektor *stockbroking* umpamanya. Saya lihat lima *manager* dana (*fund managers*) yang besar iaitu MacQuire, CLSA, First Boston, JP Morgan telah diberi lesen tanpa syarat - lesen *free*. Tetapi orang kita sendiri kalau hendak mendapatkan satu lesen *investment bank*, ia sama ada kena memperoleh satu syarikat *stockbroking* yang baru ataupun satu *discount house* yang baru.

Kenapakah kita begitu mudah, begitu sayang, kita bercinta dengan orang yang tidak sayang dengan kita? Sebab apa saya kata demikian, yang lima ini, *investment fund* yang baru datang di negara kita, kita hendak lihat berapakah banyak wang yang dibawa masuk daripada luar ke negara kita; atau di sebaliknya mereka mengeluarkan wang yang terdapat di negara kita ke luar negara. Ini maknanya mengurangkan *liquidity* di dalam negara kita sendiri.

Jadi, saya hendak menyuarakan supaya kita mengambil satu sikap sama-sama sayang. Sayang mereka yang datang daripada luar, tetapi mereka yang sudah pun menunjukkan komitmen, semangat yang tinggi mempertahankan negara kita, melabur di negara kita, mereka adalah penduduk kita sendiri, maka kita juga kena melihat mereka daripada kaca mata yang sama positif seperti yang kita lihat pelabur-pelabur asing tadi.

Saya ingin mengetahui sebenarnya seperti yang saya percakapkan tadi, adakah mereka ini lebih membawa masuk wang daripada luar ke dalam negara ataupun mengeluarkan wang daripada negara ke luar. Ini sebab kita memberi lesen kepada mereka, membenarkan mereka masuk ke negara kita dengan tujuan untuk meninggikan kredibiliti negara kita dalam sektor kewangan, terutama sekali dalam sektor pasaran modal. Kita harus mengetahui sebenarnya apa yang sudah mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, rasa tidak sahal kalau saya tidak sebut tentang dimensi gender di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terdapat Bab 13 menyentuh tentang wanita. Saya bersyukur, Tuan Yang di-Pertua. Sebab dulu-dulu, wanita di campur dengan warga tua. Sama saja, satu bab. Dulu-dulu itu bukan satu bab, satu *paragraph*. Tetapi sekarang kita mendapat bab yang berasing iaitu Bab 13, muka suratnya pun 13.

Saya mohon izin mengatakan di sini bahawa kita mempunyai '*our heart in the right place*', maknanya jantung kita itu kita letakkan di tempat yang betul. Tetapi malangnya degupan jantung itu tidak konsisten. Sebab dalam Bab 13 ini, teras strategik ada 9 semuanya. Tetapi pada saya ia merupakan seperti apa yang orang kata, '*generic statement*' sahaja: kita akan menggalakkan, kita akan mempertingkatkan, kita akan - penggunaan bahasa yang tidak spesifik seperti meningkatkan, menggalakkan, tetapi apa dia yang sebenarnya akan dilakukan.

Walau bagaimanapun kita berterima kasih kerana wanita diberi bab sendiri - Bab 13, 13 muka surat. Yang saya sayang sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah paragraph 13(31) di mana Dato' Sri Mohd. Najib sendiri telah menyatakan bahawa satu tingkap (*window*) akan diwujudkan untuk membolehkan wanita mendapat pembiayaan di dalam institusi-institusi kewangan yang sedia ada. Tetapi kita tidak tahu bentuk tingkap itu, sama ada besar, kecil, panjang, bulat atau macam mana sebab tidak ada kepastian bentuk tingkap yang diperturunkan dalam *paragraph* 13(31).

Jadi di sini, bagi pihak kaum wanita yang jumlahnya setengah daripada penduduk Malaysia, yang sudah pun memberi sumbangan yang begitu tinggi dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan supaya tingkap itu dijadikan satu realiti yang mempunyai *specificity* - umpamanya saya ingin menyarankan supaya 30% daripada jumlah portfolio pembiayaan pinjaman (*loan portfolio*) di dalam institusi-institusi kewangan yang sudah ada diperuntukkan untuk wanita dan kita akan pantau. Maknanya kalau penggunaannya tinggi, maka kita pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya ingin menyarankan ini? Sebab semasa pengalaman saya dalam perbankan, sama ada dalam perbankan antarabangsa semasa saya bekerja dengan bank antarabangsa ataupun dengan bank domestik, jumlah pembayaran pinjaman yang tidak berbayar sedikit sekali daripada kaum wanita. Kita ini memang rajin membayar, yakin akan terus membayar - komited. Takut pun kalau tidak bayar. Kita sudah pun membuktikan bahawa kita adalah peminjam-peminjam yang baik.

Kalau itulah kita *banker-banker* ini selalu sebut wanita cukup bagus, selalu bayar. Tetapi apabila kita hendak membuat pinjaman cukup susah. Maka sekarang ini saya rasa kita bermula dengan dana-dana yang ada di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, dana di bawah CGC memang CGC di bawah kementerian itu sahaja ada 13 dana.

Maka kita bermula dengan dana-dana yang ditubuhkan di bawah kerajaan dan ditadbirkan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan SME Bank juga adalah

satu bank di mana satu bilion kapital akan diletakkan di bawah SME Bank dan mereka juga akan mengeluarkan dan mencari satu bilion lagi tambahan. Saya juga ingin menyarankan bahawa sekurang-kurangnya 30% kita bermula dengan 30% portfolio pembiayaan kita khususnya kepada wanita. Terima kasih. Saya rasa kawan-kawan saya semua suruh saya sebut yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menamatkannya dengan mengatakan bahawa dengan izin *a proof of the pudding is in the eating*, sedap atau tidaknya puding itu, kek itu ialah apabila kita makan. Maka sedap atau tidaknya Rancangan Malaysia Kesembilan ini sama ada ia berkesan atau tidak ialah berasaskan pelaksanaan.

Saya mengharapkan peranan yang dimainkan oleh kita kerajaan dan juga pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan adalah juga rakyat Malaysia maka kalau pertumbuhan ekonomi itu meningkat maka mereka juga akan menjadi orang yang manfaat daripada Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita mengharapkan bahawa kali ini sebab mulai sekarang hingga 2010 dan juga pada Wawasan 2020 adalah suatu masa yang amat singkat.

Kita harus lari berkejar dan pada saya, saya harus menyarankan supaya *the curve implementation* atau pelaksanaan *curve* itu harus begitu tinggi *steep* mencerun pada pengawalannya. Kalau tidak *steam* kita habis *then it will be back to business the normal business mood*. Kita hendak menukarkan *mood* kita kepada suatu yang rancak dan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Tiga minggu yang lalu, saya berucap ataupun berdiskusi di INTAN tentang Rancangan Malaysia Kesembilan dan harapan rakyat terhadapnya. Seorang pegawai kerajaan bangun mengatakan bahawa kami memang ingin menjalankan atau melaksanakan dengan secepat mungkin tetapi kami dihadkan oleh peraturan-peraturan yang sedia ada.

Umpamanya kalau sesuatu projek itu dibawa kepada MPPJ umpamanya, dia mengatakan bahawa kami harus menunggu *environment*, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan *Planning*, Jabatan ini dan itu. Untuk sesuatu pembangunan 13 agensi harus kita berhadap dengannya. Kita harus berhadapan dengan 13 agensi untuk tiap-tiap satu pembangunan ataupun satu pemaju harus menghadapi 13 agensi.

Apabila mereka menyebutkan di sini dan kita juga mendengar menteri-menteri juga mengatakan perkara yang sama bahawa kita harus melaksanakannya dengan secepat mungkin. Pegawai kerajaan juga mengatakan perkara yang sama dan mereka

menimbulkan bahawa inilah had-had atau *limitation* yang mereka hadapi. Persoalannya siapa yang akan mengambil inisiatif untuk mengubah ini.

Maknanya siapa yang akan mula mengatakan bahawa kita harus memudahkan proses dalam soal ini. Proses ini begini, proses ini begini. Bagaimana kita hendak memendekkan proses *application* ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad : Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tertarik kepada apa Yang Berhormat katakan tadi bahawa kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam iaitu pegawai-pegawai kerajaan mengatakan bahawa mereka terikat kepada peraturan-peraturan dan juga sungutan-sungutan daripada orang awam bahawa pegawai-pegawai ini terlalu *rigid* kepada peraturan-peraturan ini. Apakah kalau kita fikirkan bahawa setiap perkara yang tidak boleh dilakukan kita fikirkan suatu alternatif di mana kita boleh melakukannya.

Umpamanya kalau Jabatan Alam Sekitar katakan bahawa air yang kotor itu tidak boleh dibuang ke dalam sungai. Adakah tidak pegawai itu boleh berfikir bagaimana kita hendak mencari jalan supaya air itu boleh dibuang ke dalam sungai kerana kalau kita tidak buang, kita tidak ada tempat lain untuk membuangnya sama ada kita hendak merawat dahulu air itu baru kita buang ataupun dengan cara-cara lain yang boleh kita membuangkan air itu tadi.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa satu alternatif perlu difikirkan supaya banyak perkara-perkara yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dilaksanakan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju 150% dengan apa yang diperkatakan oleh Tuan Yang di-Pertua. Kita ingin mengajak pegawai-pegawai kerajaan supaya memikir di luar kotak. Ini yang dimaksudkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi. Saya rasakan kalau kita menghayati tentang pentingnya pelaksanaan RMK-9 untuk menghadapi segala cabaran luaran dan dalaman maka tentu sekali kita menjadi manusia yang hebat, pegawai-pegawai yang hebat yang akan sentiasa memikirkan cara untuk mengatasi masalah dan menjadi lebih *flexible* dan tidak *rigid* dengan peraturan.

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Peraturan ini sekejap ya, Y.B..... peraturan adalah dibuat oleh kita sendiri maka peraturan juga boleh diubah oleh kita sendiri. Silakan Y.B.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Y.B. Dato'. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat. Kadang-kadang sesetengah pegawai kerajaan mereka merasakan pengalaman yang mereka timba semenjak mereka mula bekerja sampailah melalui peringkat-peringkat yang membolehkan mereka menjawat jawatan dengan kenaikan pangkat dan sebagainya.

Tetapi sekarang ini apabila mereka melalui pengalaman yang begitu banyak, seolah-olah sekarang kurang kepercayaan, nampak kurang kepercayaan daripada kerajaan untuk mereka menggantikan tempat-tempat penting seperti jawatan-jawatan utama Ketua Setiausaha, Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah ataupun Pengarah, ataupun Setiausaha Kerajaan Negeri. Tetapi kita lihat kecenderungan yang ada sekarang kita menyambung kontrak apabila tamat tempoh persaraan pegawai-pegawai tinggi yang sedia ada.

Apa gunanya mereka ini yang mempunyai *experience* semenjak sekian lama tetapi seolah-olah dilihat ketua sudah sepatutnya *expired* itu disambung, disambung seolah-olah tidak ada orang yang lain yang layak menggantikan mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sedar bahawa sebelum pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, ramai di antara KSU dan Timbalan KSU dipanjangkan, diambil sebagai kontrak, *on the contract basis*. Ini saya rasa ialah kerana kita hendak menyelesaikan masalah, bukan masalah, tetapi pembentangan RMK diselesaikan, lepas itu kalau kita rasa penyambungan itu tidak sesuai, maka kita harus memberhentikannya.

Tetapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Ismail bahawa kita harus memberikan insentif kepada mereka. Ada rasa rangsangan bahawa kalau aku terus bekerja dan bekerja dengan baik mahu aku akan diberi tempat yang sewajarnya dan kalau kita terus menyambung, mereka yang di situ itu memanglah ia akan menjadi sesuatu yang akan melentur rasa semangat mereka. Saya rasa kerajaan juga sedang membuat pertimbangan untuk menentukan mereka yang wajar diberi sambungan atau mereka yang harus diberhentikan. Tetapi ramainya sudah pun diberhentikan selepas umur persaraan. Saya rasa yang menjadi *exception* itu ialah kerana saya rasa sebab Rancangan Malaysia Kesembilan hendak dibentangkan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah pun memberi

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Yang Berhormat,

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba mendiamkan diri tetapi saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi dan rakan-rakan tadi bahawa ada dua perkara yang hendak saya bawa.

Pertama tentang pemberian lesen-lesen bank, *foreign investor* dan lain-lain lagi.

Yang kedua, tentang Yang Berhormat cakap tadi iaitu tentang pegawai-pegawai kerajaan iaitu kuasa yang ada pada pegawai-pegawai kerajaan. Kita lihat pada hari ini sebagaimana Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa Yang Berhormat tidak bersetuju bahawa lesen-lesen diberi kepada pelabur-pelabur asing untuk datang ke Malaysia dan ada dahulu lesen yang diberi kepada bumiputera sendiri akhir-akhirnya kita tidak tahu di mana perginya lesen ini. Sepatutnya kerajaan sudah pun belajar dengan kesalahan, kesilapan dan kelemahan kita. Lesen-lesen yang diberikan kepada bumiputera ini minta maaf, tadi ekuiti bumiputera ini walaupun lesen diberi tidak pernah naik duduk turun sahaja.

Padahal lesen diberi, kerajaan tolong dan tadi rakan saya Senator mengatakan bahawa usahawan bumiputera yang diberi adalah untuk mencari jutawan bukan hendak mewujudkan usahawan. Mencari jutawan ini dengan diberi lesen tetapi akhirnya orang ini akan jual lesennya kepada orang lain. Jadi sepatutnya diadakan syarat pemberian lesen kepada seseorang itu. Umpamanya kalau seseorang itu menjual lesennya kepada bukan bumiputera maka secara automatik lesen itu dibatalkan. Kalau tidak kita tengok banyak lesen yang dikeluarkan. Hari ini Yang Berhormat kata tadi ada lima lagi lesen dikeluarkan kepada *foreign investor* di mana ini satu perkara yang patut dikaji semula.

Orang lain datang untuk berdagang di negara kita sendiri. Dan lagi satu ialah tentang pelaksanaan pegawai kerajaan. Kita mengakui bahawa kerajaan ada had tetapi pembuat dasar ini siapa? Kalau pembuat dasar ini pun melambat-lambatkan. Kalau ada satu projek yang besar yang mengambil masa yang lama untuk beri kepada siapa, yang kenal ataupun tidak kenal. Sudah tentulah pelaksanaan pegawai kerajaan tidak dapat melaksanakan. Jadi ini dua perkara dan apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya lesen yang baru itu diberikan kepada pelabur-pelabur asing di dalam perbankan Islam iaitu yang baru diberi ialah *Kuwait Investment House, Ajari, Qatar Islamic Banking* dan dua lagi akan diberikan. Ini saya rasa dalam matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai *World Hub* untuk *Islamic Banking*. Tetapi yang saya maksudkan tadi ialah kemasukan *fund managers* yang saya sebutkan tadi yang lima itu

ialah *fund managers* bertujuan untuk meningkatkan kredibiliti negara di dalam bidang pasaran modal dan tentunya kemasukan *Mercury* umpamanya, CLSA dan JP Morgan meletakkan Malaysia di peta antarabangsa dalam bidang pasaran modal.

Tetapi yang menjadi masalah ialah apakah prestasi mereka memenuhi matlamat kemasukan mereka ke sini. Dan di sini saya bersetuju, saya rasa sebenarnya Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kita melihat semula peranan mereka ini. Adakah mereka memainkan peranan seperti yang kita hajatkan dan kita niatkan. Kalau tidak maka kita harus melihat semula dan mungkin akan menekankan kepada mereka supaya mereka sebenarnya memperluaskan lagi pasaran modal Malaysia di dunia. Dan lesen yang dijual itu saya menyebut tentang *stockbroking license*. *Stockbroking license* ini terlepas dari tangan oleh kerana *exercise* ataupun daripada *consolidation exercise* di mana kita hendak mengurangkan jumlah syarikat-syarikat *stockbroking* ini. Dan inilah di antara yang menyedihkan oleh kerana mereka yang bercantum dengan syarikat *stockbroking* yang lain itu mendapat keuntungan tetapi lesen terlepas.

Ini terjadi oleh kerana mereka tidak mempunyai keupayaan untuk membeli yang lain sebab dalam percantuman ini yang besar, yang gergasi akan memakan yang lebih kecil. Ini adalah hakikat dunia, sememangnya. Tetapi saya lihat bahawa kita harus melihat semula umpamanya masih ada satu syarikat *stockbroking* bumiputera iaitu KN Kenanga tetapi oleh kerana ia telah pun disenaraikan di Bursa Saham maka kita tidak boleh memberi kepastian sama ada ia masih boleh dianggap sebagai syarikat *stockbroking* kepunyaan bumiputera. Dan dalam *discount house* dan *stockbroking* yang satu lagi kita ada *cuff discount* yang begitu berjaya maka mungkin kita akan memberikan satu bukan keistimewaan tetapi satu pendekatan yang sama seperti yang kita berikan kepada yang lain-lain iaitu mereka boleh diterjemahkan atau dijadikan sebagai *investment bank*. Ini untuk memastikan bahawa kita juga mempunyai banyak *investment bank* (bank-bank pelaburan) yang dapat berdaya maju dan berdaya saing dengan bank-bank pelaburan yang datang daripada luar negara.

Saya ingin pergi balik kepada soal pelaksanaan tadi yang saya sebutkan 13 agensi untuk satu-satu projek pembangunan. Saya ingin menyarankan supaya kita adakan *one-stop agency* di mana semua pegawai yang berkenaan akan tertumpu kepada satu tempat dan mereka memahami satu sama lain dan memahami peraturan itu dengan jelas dan terperinci. Ini akan membolehkan mereka membuat sesuatu pemprosesan *application* ataupun permohonan itu dengan lebih cepat. Dan kita harus mengadakan *timeline milestone* maknanya dalam satu minggu kita luluskan begini,

dalam tiga minggu habis lama seperti yang diadakan di Australia ialah tiga minggu. Selepas tiga minggu semuanya dapat diurus dan dapat dijalankan dengan sempurna. Jadi kita ada *milestone*.

Saya ingin melontarkan satu cabaran kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam *international competitiveness* Malaysia di *rank* yang ke 14 sebagai negara pedagang. Kita masih *competitive* dalam senarai itu kita masih dianggap sebagai negara yang *competitive* tetapi dalam soal penyampaian sistem (*system delivery*) dan juga tentang birokrasi kita di tahap ataupun di *ranking* 122 di antara 150 negara.

Saya rasa kita harus ataupun pegawai-pegawai kerajaan saya juga dahulu pernah menjadi pegawai kerajaan, ini kita harus mengambil sebagai satu cabaran untuk diri kita sendiri sebagai KPI kita supaya kita akan melonjakkan *ranking* kita kepada satu *ranking* yang lebih baik.

Dan kalau ini diambil sebagai satu cabaran individu tiap-tiap pegawai mengambil itu sebagai cabaran dirinya sendiri dan dikumpulkan pula kepada peringkat Kementerian Jabatan maka saya yakin bahawa *ranking* kita dalam soal penyampaian itu dan birokrasi akan dapat kita tingkatkan. Jadi saya rasa ini bukan satu kritikan tetapi sesuatu yang dapat membuka minda kita bersama untuk menjadikan *ranking* kita sebagai negara yang kian maju, kian berdaya saing dan meningkatkan soal birokrasi itu kepada tahap yang lebih positif, yang baik dan lebih cantik. Dan kejayaan ini adalah kejayaan kita sendiri, pegawai-pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

Timbalan Yang di Pertua: Yang Berhormat tadi hendak habiskan tadi.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Dah hendak habis dah. Tetapi saya rasa ...

Timbalan Yang di Pertua: Yang Berhormat habiskanlah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Oklah, saya habiskan. Ini soal teras yang pertama, nilai tambahan. Kita bercakap tentang modal insan tadi tetapi kita harus juga bercakap tentang sektor-sektor baru yang akan dijadikan penjana untuk pertumbuhan ekonomi negara kita. Pertanian 5% peningkatannya.

Bioteknologi diberi satu peranan yang amat penting tetapi yang penting yang akan meningkatkan nilai tambahan ialah mengusahakan apa yang kita perolehi daripada penyelidikan kita. Maka kita harus mengkomersialkan apa yang kita dapat daripada *leap* kita. Yang menjadi masalah sekarang ialah menterjemahkan apa yang kita selidik itu sebagai barangan komersial.

Di sini timbul masalah bagaimanakah kita hendak menghidupkan pengusaha-pengusaha baru dalam sektor-sektor baru ini sungguhpun sektor *agriculture* pertanian bukan dianggap sebagai baru tetapi oleh kerana ia adalah sektor pertanian dengan teknologi dan bio teknologi ialah berasaskan teknologi. Yang menjadi masalah ialah apabila kita hendak memajukan usaha kita, kita pergi berhadapan dengan bank-bank kita dan apabila pegawai bank tidak memahami apa maksudnya bio teknologi, sebab ini adalah perkara yang baru, apa dia itu nano teknologi, maka proses untuk menyempurnakan permohonan itu akan mengambil masa yang lama.

Dari pengalaman saya, ia akan diketepikan sahaja sebab pegawai tidak dapat menganalisis permohonan dari segi analisis *assessment, reassessment*. Bagaimana kita dapat melakukan satu *assessment* ataupun penilaian risiko kalau kita tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap produk yang hendak dikeluarkan itu. Maka, tidak kenal maka tidak cinta. Itu dia. Jadi, sekarang ini saya ingin menyarankan kepada bank-bank yang ada dan juga daripada institusi-institusi kewangan dan dana-dana, *I mean* bank-bank yang menguruskan dana-dana kerajaan untuk soal-soal yang spesifik itu supaya mereka adakan satu senarai ahli-ahli *expert* yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang ini untuk membantu mereka dalam memproses sesuatu permohonan untuk sesuatu projek yang hendak dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya sebenarnya kalau ada masa sedikit lagi saya hendak soalkan tentang kedudukan Khazanah Malaysia. Khazanah sudah pun mula membuat pelaburan di luar negara, Tuan Yang di-Pertua. mereka sudah pun membeli satu syarikat hospital, *Apollo Hospital dan Parkson* di negara China dan sebuah bank di Indonesia. Jadi, ini adalah satu gerakan yang positif, yang baik, sebab kita hendak *internationalizekan*, hendak memperhebatkan

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan. Tadi Yang Berhormat menyatakan Khazanah ada membeli hospital. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, kenapa kita mengeluarkan wang kita pergi *invest* di luar dan hospital yang di dalam negara kita sendiri, Singapura ambil alih, seperti Pantai Hospital yang diambil alih oleh *ParkMay*. *ParkMay* ambil alih Hospital Pantai ini semata-mata kerana kerajaan memberi banyak kemudahan-kemudahan seperti Fomema dan sebagainya. Jadi, merugikan, kita bagi keuntungan kepada negara lain dan kita juga keluar daripada negara kita untuk pergi *invest* di negara lain. apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ini adalah satu soalan yang amat baik tetapi yang amat sukar saya menjawab. Jadi, saya rasa pengambilan Hospital Pantai itu

adalah sesuatu yang saya tidak rasa sensitif, saya rasa sukar hendak mendalami objektif, matlamat, sebab penyebab, hanya ialah ianya satu *bio willing seller*, konsep *willing buyer*, *willing seller* dan saya mempunyai satu. Ya, saya juga keliru seperti Yang Berhormat Dato' Omar dan saya memanglah sukar hendak menjawab dalam soal itu tetapi saya rasa dalam pemikiran kita, kita membuat banyak jangkauan.

Tetapi saya memohon untuk pulang balik kepada Hospital Apollo di negara India adalah satu yang dijangkakan oleh Khazanah akan menunjukkan keupayaan Malaysia menjangkau ke negara luar sebagai pelabur asing di negara asing. Kita juga harus mencari perniagaan di luar daripada negara untuk mencari tapak dalam perkembangan globalisasi ini. tetapi yang malangnya, ini tentu sekali Yang Berhormat Dato' Omar juga akan bertanya juga kepada saya oleh kerana Khazanah membeli Hospital Apollo. Dalam tiap-tiap satu hospital, yang membuat duit itu yang membawa keuntungan ialah penjualan ubat.

Jadi, saya difahamkan apabila Hospital Apollo ini dibeli oleh Khazanah, penjualan ubat itu dikeluarkan daripada pembelian itu, so yang kita dapat ialah cuma hospital dan *equipment*. Jadi, dalam perkiraan, kita berharap untuk mendapat keuntungan tetapi oleh kerana segmen atau komponen yang membawa keuntungan itu di bawa ke luar maka kita akan menjalani satu proses yang agak sukar untuk menentukan bahawa keuntungan akan kita perolehi daripada pelaburan itu. Dan, saya juga diberitahu bahawa pembelian kita di dalam sebuah bank di Indonesia dan juga Parkson di China tidak juga mendatangkan keuntungan yang diharapkan.

Jadi, sungguhpun kita ingin *adventure out*, ingin menjelajah ke luar negara dalam sistem globalisasi ini, kita haruslah berhati-hati dalam memilih pelaburan yang hendak kita buat supaya *return on investment* kita adalah sesuatu yang positif yang tidak akan merugikan sebab Khazanah adalah kepunyaan kita, dan kita juga perlukan sebanyak wang yang mungkin untuk membangunkan pembangunan sosial ekonomi kita di dalam negara.

Jadi, saya ada tiga minit lagi. Sudah tidak larat hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat habiskan, saya panggil ahli lain untuk berbahas.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Cuma saya mengharapkan bahawa pelaksanaan akan

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Boleh beri laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Okey, tidak apa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Saya seminit sahaja, Yang Berhormat. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, Khazanah ini sepatutnya ia melaburkan dalam Malaysia, saya ingat banyak lagi syarikat-syarikat bumiputera yang patut dibantu oleh Khazanah ini. Dan, kalaulah Khazanah dapat bantu syarikat dalam Malaysia, lebih baik lagi daripada dia melaburkan di Indonesia, yang belum tentu lagi sama ada pelaburan ini akan mendapat keuntungan ataupun tidak.

Yang kedua, siapakah yang mempengerusikan Khazanah ini? Kita tidak tahu. Selalu syarikat GLC ini akhir-akhirnya akan mengalami kerugian. Inilah masalahnya, pelaburan yang dibuat tidak betul. Sebab itulah kita tegur sudah banyak kali tetapi masih lagi berlaku perkara ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, supaya kerajaan - sebenarnya rakyat sendiri pun sudah mula pertikaikan syarikat GLC ini. Betulkah syarikat ini melabur dan betulkan syarikat GLC ini mahu membantu syarikat-syarikat bumiputera di Malaysia ini? Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sikit sahaja Yang Berhormat, berkaitan dengan perkara tadi. Saya ingin tahu berapakah jumlah pelaburan yang dibuat oleh Khazanah dalam syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pandangan saya ialah kita tidak harus menyekat. Kalau mereka ingin melabur ke luar negara kerana kita hendak mencari tapak juga di luar negara untuk kita mengembangkan perniagaan kita. Cuma yang harus kita beri perhatian yang lebih terperinci ialah pemilihan pelaburan itu, sebab kalau kita lihat ada pelaburan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat lain di luar negara, memberikan satu keuntungan yang amat besar, jadi bukan menghalang mereka melabur tetapi yang harus dilihat dan diberi perhatian yang terperinci ialah apa jenis pelaburan dan bagaimana ia dilakukan. Saya rasa kita tidak harus menyekat tetapi memberi perhatian yang lebih terperinci kepada pelaburan yang dilakukan.

Saya mohon maaf kerana saya tidak mempunyai data mengenai pelaburan yang telah dilakukan tetapi saya boleh memperolehnya dan memberikan kepada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah nanti. Tuan Yang di-Pertua, masa sudah pun 5.30 tepat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah habis atau belum?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya hendak habiskan. Saya gulungkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah gulunglah, tidak apa. Kalau habis, sudah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ha, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Menyokong, itu sahaja.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya dengan ini melihat kepada cabaran-cabaran yang kita hadapi masa hadapan tetapi dengan penuh keyakinan bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan itu adalah satu yang memberi harapan cerah kepada kita untuk jadi negara yang maju dan cemerlang, dapat mempertahankan segala persaingan dan cabaran yang kita hadapi, kita menyeru agar pelaksanaannya dilakukan dengan efisien dan segera. Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

5.30 ptg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan beberapa isu yang agak penting termasuk Kementerian Wilayah Persekutuan, saya kasihan sahabat saya, tunggu lama, Yang Berhormat Yew Teong Look untuk mendengar ucapan saya ini tetapi saya akan sambung pada esok hari. *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak suruh Yang Berhormat berhenti lagi. *[Ketawa]*

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Kalau hendak suruh sambung, kalau saya cakap tidak habis tidak sedap.

Timbalan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Dewan, Yang di-Pertua boleh membenarkan sebanyak 15 minit lagi untuk membolehkan Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat boleh habiskan dalam masa 15 minit, saya boleh benarkan Yang Berhormat berucap sampai 5.45 petang. Kalau Yang Berhormat hendak berucap panjang, mungkin Yang Berhormat berucap dahulu, selepas itu saya berhentikan dan Yang Berhormat boleh sambung pagi esok. Yang Berhormat berucap sekali lagi.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam perbahasan ini saya suka hendak menyentuh tentang tumpuan Pertanyaan Jawab Lisan yang saya kemukakan tetapi ditolak oleh Urus Setia Dewan Negara kerana dengan alasan terlalu bersifat umum.

Pertanyaannya saya telah meminta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, "bagaimanakah pihak kerajaan dapat memastikan bahawa kaum Melayu dapat bersaing

sebagai *global players* sedangkan sebahagian besar siswazah menganggur pada masa ini adalah terdiri di kalangan siswazah-siswazah Melayu".

Pertanyaan saya ditolak mungkin kerana tidak lengkap atau pihak Urus Setia Dewan Negara tidak memahami. Tetapi apabila saya merujuk kepada pegawai-pegawai di Kementerian Pengajian Tinggi dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Perkhidmatan Awam, persoalan ini amat mudah jika diarahkan oleh Dewan Negara, mereka sudah bersedia dengan jawapan yang agak menarik.

Namun demikian, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa inti pati soalan ini cukup mudah. Jika terlalu banyak siswazah Melayu yang menganggur, bagaimana kaum Melayu dapat bersaing sebagai *global players*. Oleh itu kerajaan perlu menyelesaikan masalah siswazah menganggur terlebih dahulu. Oleh yang demikian, dalam perbahasan ini saya suka menyentuh tentang Melayu sebagai *global players* agar kita semua dapat memahaminya secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, teras kedua ialah untuk meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara untuk memupuk minda kelas pertama. Selaras dengan itu, segala usaha akan digemblengkan untuk pembangunan modal insan untuk memacu negara ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Strategi pembentukan dan pembangunan modal insan itu perlu berada di landasan yang betul supaya pembentukan kuasa minda atau *brain powers* dapat direalisasikan bagi mencipta kekayaan negara pada masa akan datang. Kalau kita imbas kembali kepada sejarah pada tahun 1991, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah berasaskan modal dan struktur ekonomi pula lebih menekankan kepada pembuatan dan pertanian. Negara kita pada masa itu banyak bergantung kepada bahan mentah yang dieksport berbanding dengan barangan yang diimport untuk mengumpul kekayaan.

Walau bagaimanapun, kini dan masa hadapan negara tidak seharusnya menumpukan eksport bahan mentah tetapi kepada perkhidmatan iaitu industri perkhidmatan berasaskan pengetahuan.

Pada tahun 2005, industri perkhidmatan merupakan 58.1% dan struktur ekonomi negara dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kepada keseluruhannya, penambahbaikan kurikulum, peningkatan dalam mutu pengajaran, penggunaan ICT di sekolah serta pengeluaran pekerja mahir oleh industri latihan telah disediakan. Peluang

untuk meningkatkan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat juga ditambah menerusi penubuhan kolej komuniti dan Universiti Terbuka.

Walau bagaimanapun, institusi latihan dalam peringkat *tertiary* harus bekerjasama dengan semua industri untuk memenuhi keperluan majikan. Masalahnya sekarang ialah negara kita sedang menghadapi situasi di mana lebih kurang 100 ribu *human capital* ini atau modal insan ini dibazirkan begitu sahaja dan majoritinya adalah orang-orang Melayu. 100 ribu siswazah terlatih ini tidak ada pekerjaan. Dengan pandangan itu tidak mendatangkan hasil kepada negara. Jika kita membelanjakan purata RM50 ribu setiap pelajar untuk dilatih sebagai siswazah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan universiti seberang laut, bermakna untuk 100 ribu orang siswazah negara telah membelanjakan RM setengah bilion tetapi hasilnya adalah RM zero.

Tidakkah ini amat merugikan negara dan kita terus membelanjakan wang begitu banyak untuk melatih dan mengeluarkan siswazah antara 30 ribu hingga 40 ribu setahun. Berapa ramai di antara mereka yang akan mendapat pekerjaan? Tidakkah jumlah siswazah menganggur akan kian meningkat dari tahun ke tahun? Tidakkah ini membazirkan wang negara dan rakyat sehingga melebihi RM4.5 bilion tetapi tidak mendapat apa-apa hasil.

Baru-baru ini terdapat ramai siswazah menganggur yang merintih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan pelbagai pihak lagi....

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kita mengukur untung rugi dari segi kewangan, berapa belanja dan berapa kita dapat kerana kita membelanjakan untuk seseorang yang belajar di luar negeri atau di dalam negara. Tidakkah kita juga mengukur dari segi ilmu yang telah kita berikan? Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Kalau kita sudah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memberi ilmu tetapi ilmu itu tidak digunakan, ini satu pembaziran. Jadi lebih baik kita mengeluarkan duit berjuta-juta ringgit, menyediakan tempat kepada mereka, maka hasilnya kepada pendapatan negara, pelaburan kita mendatangkan penghasilan yang baik. Itu jawapannya, Yang Berhormat. *[Merujuk kepada teks*

ucapan] Kat mana hendak sambung ini? *[Ketawa]* Malangnya Yang Berhormat, bidang yang dipelajari di universiti dahulu bukanlah merupakan bidang yang diperlukan sepenuhnya oleh industri.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan modal insan merupakan teras kedua ke arah pencapaian ekonomi berasaskan pengetahuan. Maka dengan itu apakah yang telah dilakukan oleh agensi kerajaan untuk memastikan bahawa 100,000 siswazah menganggur yang terlatih ini mendapat pekerjaan dan dengan itu dapat menyumbangkan kepada negara. Bagaimana kita dapat memastikan.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, dahulu kita ada ICA ya, yang dipanggil sebagai Akta Penyelarasan Industri. Tujuannya ialah untuk membantu tenaga kerja khususnya orang Melayu sebagai guna tenaga dalam sektor perusahaan. ICA yang dipanggil dahulu. Tetapi apabila berlaku kegawatan ekonomi 1980-an, ICA ini diberhentikan sementara waktu dan pada zaman mewah 1990-an, ICA ini terus dilupakan sebab tidak timbul masalah siswazah menganggur khususnya di kalangan pelajar Melayu dan sebagainya.

Jadi pada pandangan Yang Berhormat, perlu atau tidak perlu supaya ICA ini diberi perhatian untuk dihidupkan semula, khususnya untuk membantu supaya siswazah Melayu yang menganggur ini mendapat pekerjaan khususnya di sektor swasta.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya amat bersetujulah kerana kalau kita hendak mengharapkan keadaan pekerjaan di jabatan-jabatan amatlah berat sekali. Jadi kalau ada pihak ataupun menghidupkan balik yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi tadi, ini saya rasa ka

Bagaimanakah, sambung baliklah. Bagaimanakah kita dapat memastikan kita menerima pulangan atau faedah atau *Return On Investment (ROI)* dengan izin, terhadap pelaburan setengah bilion yang kita laburkan. Datuk Dr. Jins Shamsudin, ini jawapan dia.

Kementerian Sumber Manusia perlu menyatakan apakah jenis latihan dan kemahiran yang telah diberikan untuk memastikan siswazah mempunyai kemahiran yang dikehendaki oleh industri. Bukan hanya bergelar siswazah tetapi hampa dalam medan pekerjaan.

Berapa ramai siswazah yang telah menerima latihan dan berapa ramai dari mereka yang telah mendapat pekerjaan. Unit Perancang Ekonomi pula perlu menyatakan mengapakah kejadian ini berlaku atau fenomena ini berlaku.

Adakah kerana terlalu banyak permintaan dan tidak terlalu banyak *demand*? Terlalu banyak *supply* dan tidak terlalu banyak *demand* atau terdapat ketidaksepadanan *mismatch* di mana *supply* dan *demand* tidak memadai untuk menyatakan bahawa siswazah tempatan tidak pandai berbahasa Inggeris dan pelbagai alasan. Tetapi perlu memaklumkan statistik sebenar mengenai *supply* dan *demand* ini.

Apakah pencapaian keperluan tenaga manusia yang dilaksanakan dalam pelbagai rancangan Malaysia sebelum ini, gagal untuk meramalkan keperluan negara dan industri sebenar?

Apakah program yang diwujudkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan universiti dapat melahirkan siswazah yang boleh dipasarkan atau *marketable graduates* dan juga bagi memenuhi *global market* dengan izin, atau pasaran dunia.

Apakah persediaan atau usaha nyata yang dilaksanakan untuk menghasilkan *global talent* atau bakat global jika pendidikan di universiti hanya merupakan pendidikan lanjutan selepas tamat sekolah menengah tetapi tidak dapat mencipta siswazah yang mempunyai pendedahan, kemahiran dan ilmu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lain di persada dunia. Maka, kita telah gagal untuk mewujudkan *global players* di mata dunia.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk melahirkan usahawan siswazah. Apakah program-program yang mampu.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: untuk mewujudkan....

Timbalan Yang di-Pertua: Masa yang saya lanjutkan tadi telah pun cukup. Yang Berhormat boleh sambung pagi besok.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.

DN.22.5.2006

120